Nair untuk berucap di-Pilehan Raya Kechil di-Rahang, Seremban?

Dato' Dr Ismail: Mr Speaker, Sir, the Honourable Member has a vested interest as to whether I should answer that question or not. (*Laughter*).

Enche' D. R. Seenivasagam: One last supplementary question. Will the Honourable Minister agree with me that it is not a fact that the shadow of Mr Lee Kuan Yew was what frightened the Alliance Government into permitting, or not permitting, Enche' Devan Nair to speak? (*Laughter*).

Dr Lim Chong Eu: Sir, I was quite interested in the replies given by the Honourable Minister of Home Affairs, and I would like to ask my supplementary question in three phases. The first phase is, was the Honourable Minister of Home Affairs aware of the fact that in a recent visit by the Deputy Prime Minister, actually in relation to campaigning in the by-election of Ayer Itam, the Deputy Prime Minister categorically stated that the Government had no connection with the decision for prohibiting Enche' Devan Nair from speaking and this was only a matter left to the Police authorities?

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, I did not say that this decision had nothing to do with the Government; I said that the decision was taken by the Police and it was not a decision which had gone up to the Ministry level. It was a matter for the Police and it was for the Police to make a decision. It is within the right of the Police to make the decision.

Dr Lim Chong Eu: The second phase of my supplementary question—I feel that if the Minister of Home Affairs, with his constant reference to intelligence, and taking his decision on intelligence, could answer this question, it may help matters: is the Honourable Minister aware that the mass public rally of the M.S.C., which was held on August 15, which I presume was the rally which was referred to, was attended by well over 10,000 people and there was not one single incident at that rally and no incident after that rally; and under these circumstances may we ask the Honourable Minister

of Home Affairs how the intelligence could be so completely different from actual state of affairs in Penang?

Dato' Dr Ismail: Sir, the answer is very elementary, as Dr Watson would say, that 10,000 people do not consist the whole of the population of Malaysia. (*Laughter*).

Enche' C. V. Devan Nair: Mr Speaker, Sir, one last supplementary question: I might preface my question by remarking that I do resent—I think I have every right to resent—any attempt made, possibly, unwittingly by the Honourable Minister to paint me as a rabble rouser out to create a public commotion.

Sir, I would like to ask this supplementary question. Does the Government ever receive intelligence reports to the effect that some of their own backbenchers, if they make speeches in certain places, are likely to disturb the public peace and if the Government does not receive such intelligence reports, would the Government agree that the Intelligence Service is extremely partial and biased in the kind of reports they send to the Government?

Dato' Dr Ismail: The intelligence reports are impartial in respect of all political parties.

Dato' S. P. Seenivasagam: Will the Honourable Minister, in view of the false information supplied to him, consider sacking his intelligence officers, and putting more intelligent officers in their place. Secondly, does the Honourable Minister realise that the answers given by him today are circulated abroad and this country would become a laughing stock of other democracies?

Dato' Dr Ismail: Sir, in reply to the first question, I would ask the Honourable Member to wait until he becomes the Minister of Internal Security; then whether it is his duty or not to sack all the police, it is his duty. So long as I am the Minister, I rely on the police reports as being very impartial.

Dr Lim Chong Eu: Mr Speaker, Sir, I did say that I had three phases, and I have come to the last phase of my question. (*Laughter*). I am very glad to note that in his reply the Honour-

able Minister of Home Affairs did imply that what happened for 10,000 people in Penang could have consequent effect throughout the whole of Malaysia—that I think is a good thing. However, Sir, I would like the Minister of Home Affairs to answer, whether he is aware that subsequent to the appearance of Enche' Devan Nair at the public rally, and subsequent to the publication of his statement, the text, the effect on the State of Penang, from the point of peace and security, was "nil", in the sense that peace and security was maintained; and was he aware of the fact that in spite of the tremendous vigour in which the by-election was conducted, the by-election went through without a single incident to the extent that our Party commended the police authorities for the work they had done.

Dato' Dr Ismail: I am aware of what is happening in Penang but I do not agree that I am aware of what the Honourable Member is aware of. (*Laughter*).

LEGISLATION TO COVER WATCHMEN UNDER THE EMPLOYMENT ORDINANCES

20. Enche' C. V. Devan Nair asks the Minister of Labour whether in view of the fact that watchmen are not covered by the Employment Ordinance, they are subject to various forms of exploitation, he would consider introducing legislation to cover watchmen under the Employment Ordinances.

The Parliamentary Secretary to the Minister of Labour (Enche' Lee San Choon): Mr Speaker, Sir, watchmen are already covered by the Employment Ordinance. Legal Notification No. 366 of 1957 clearly states this. Watchmen are only exempted in respect of three sections of the Employment Ordinance and these three sections have no connection with the nature of employment of watchmen.

Enche' C. V. Devan Nair: Will the Honourable Minister kindly inform me about the three sections. What are these three sections which do not apply to watchmen?

Enche' Lee San Choon: Mr Speaker, Sir, that actually is a separate question,

but if the Honourable Member for Bungsar is interested, I will give him the three sections which do not apply. One section relates to the termination of employment of the wife on termination of employment of the husband; and the other two are related to the establishment of shops in places of employment. These are found in the Employment Ordinance Section 30 and 29 (c).

Dr Tan Chee Khoon: If I heard the Member for Bungsar correctly—he said, “will the Minister please”, and I heard no disclaimer from the opposite side—do I take it that the previous speaker has been elevated to the status of a Minister? (*Laughter*).

AN HONOURABLE MEMBER: No.

Enche' C. V. Devan Nair: It is probably my ignorance, Mr Speaker, Sir. He is much more well informed about these matters. But, Sir, the information given by the Honourable gentleman from the Government bench (*Laughter*), is it not conceivable, Sir, that those three provisions, in fact, rule out lots of watchmen employed in odd places of employment—they rule these watchmen out from the jurisdiction of the Employment Ordinance? Are not these provisions, provisions which limit the kind of watchmen, who can be considered as coming under the purview of the Employment Ordinance?

Enche' Lee San Choon: No, Sir, we do not think so.

VISIT OF THE PRIME MINISTER OF SOUTH VIETNAM TO MALAYA

21. Enche' C. V. Devan Nair asks the Prime Minister to state what international advantage Malaysia has obtained by inviting the Prime Minister of South Vietnam to visit this country.

The Prime Minister: Mr Speaker, Sir, it is not a question of deriving any international advantage, as put by the Honourable Member, when the Prime Minister of Vietnam visited this country. As between Vietnam and ourselves there has been very, very close and cordial relationship it was a pleasure to receive him. I, myself, have been very warmly welcomed, very well

received, when I went there twice, and it is a pleasure and honour for me to welcome the executive State Head of Vietnam when he was here.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable the Prime Minister aware that a previous Prime Minister of South Vietnam paid a visit to this country and the fate of that Prime Minister that befell him in the hands of his own countrymen? In view of that fact, will such a relation with the present pistol packing Prime Minister of South Vietnam drive us further away from the main stream of Afro-Asia?

The Prime Minister: He is aware, but I am not aware that a Prime Minister of Vietnam has ever been to this country—the man he has in mind is the President of Vietnam. (*Laughter*).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Perdana Menteri bahawa jemputan orang yang berkenaan ini tidak-lah di-buat berasaskan kapada satu² keuntongan international, tetapi sa-mata² di-buat di-atas rasa hati Perdana Menteri sendiri, kerana dia mendapat sambutan yang baik ketika dia pernah melawat di-sana sa-banyak dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan-nya bagini: Perdana Menteri kita pergi melawat sudah tentu tidak melawat untuk faedah-nya sendiri tetapi sudah tentu dia melawat untuk mendapat satu² kedudukan international atau pun keuntongan international dari segi politik negara kita ini. Jadi, ada-kah Perdana Menteri kita menyambut Perdana Menteri ini datang sa-mata² kerana kesukaan-nya sendiri dengan tidak memandang kapada kedudukan keuntongan negeri ini? Jika macham itu, berapa kali-kah yang sudah Perdana Menteri kita ini menjemput orang² dari luar negeri kerana sa-mata² ia sendiri suka?

The Prime Minister: Ini hal lawatan antara Ketua² Kerajaan di-antara satu negeri dengan satu negeri ini bergantung di-atas persahabatan yang baik di-antara negeri² itu. Jadi, ini telah menjadi kelaziman untuk Ketua² Negeri itu melawat satu² negeri, dan apabila

dia hendak melawat negeri itu, sudah menjadi kelaziman dan 'adat bagi negeri-nya memikirkan negeri itu bersahabat dengan kita ini menyambut negeri itu. Jadi, hal ini bukan-lah diatas kesukaan hati saya atau pun atas kesukaan hati sa-siapa, chuma-nya sudah jadi 'adat bagi *international etiquette* menyambut sa-saorang itu datang di-sini.

Dr Tan Chee Khoon: Is it correct to say that the purpose of this visit was to cement cultural and economic relations between South Vietnam and us? If so, why then this spate of Communist-baiting speeches that emanated from both the Premiers of these countries. Is the Honourable the Prime Minister aware that such speeches will do this country no good?

The Prime Minister: Those speeches are made everywhere whenever Heads of States make visits. When some other people visit other countries, they make speeches against us, because they do not like us; and when we have a friend visiting this country and he makes speeches against the Communists, that is only natural. I do not think that is out of place at all. There is nothing to worry the Honourable Member, because I know he is not a Communist, and he himself has admitted that he is not a Communist. What is there that disturbs his sleep over the visit, I do not know (*Laughter*).

Mr Speaker: Question time is up.

BILL

THE MAJLIS AMANAH RA'AYAT BILL

Second Reading

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan Rang Undang² bagi menubuhkan satu perbadanan yang bernama Majlis Amanah Ra'ayat di-bacha pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan² dan chita² hendak menubuhkan satu perbadanan seperti yang tersebut ia-lah supaya ada sa-buah lembaga yang boleh menjalankan dasar Kerajaan untuk membaiki iktisad ra'ayat di-luar bandar dan memberi mereka itu peluang yang

lebih besar dan lebih luas lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Sa-hingga hari ini, tugas ini telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, atau RIDA, akan tetapi RIDA telah di-tubuhkan pada masa penjajahan dahulu dan tidak mempunyai bentok, nafas, atau jiwa yang boleh menjalankan tugas yang penting ini sesuai dengan hasrat dan kehendak ra'ayat di-negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Dengan sebab itu di-fikirkan patut-lah Lembaga RIDA ini di-gantikan dengan lembaga yang baharu yang mempunyai bentok, nafas, dan jiwa yang baharu.

Penubohan Lembaga Majlis Amanah Ra'ayat ini telah pun di-persetujui oleh Kongres Ekonomi Bumiputra yang telah di-adakan pada bulan Jun yang lalu. Oleh yang demikian, Rang Undang² ini sa-benar-nya ia-lah untuk memansokhkan Lembaga RIDA dahulu dan di-gantikan dengan lembaga yang baharu, ia-itu MARA. Segala pekerjaan² yang telah di-perbuat oleh RIDA dahulu ada-lah di-tamatkan, dan dasar dan perjalanan-nya itu di-berhentikan semua sa-kali. MARA ada-lah perbadanan yang baharu, yang mempunyai chara perjalanan yang baharu, bentok pentadbiran yang baharu; dengan itu di-harap apakala lulus Rang Undang² ini, segala perkara² yang berkaitan dengan RIDA dahulu dapat di-lupakan semua sa-kali, dan kita mulakan dengan perbadanan yang baharu ini, ia-itu MARA.

Kerajaan ada-lah mempunyai harapan yang penoh bahawa chita² dan hasrat ra'ayat di-kampong², di-luar bandar, untuk mendapat bahagian yang lebih sempurna dalam lapangan iktisad dan perniagaan supaya dapat di-laksanakan dengan lebih giat dan lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sambil membentangkan Rang Undang² ini, saya suka menerangkan bahawa dalam pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar Kerajaan, kita telah sampai kapada tingkatan yang baharu, ia-itu tingkatan kita menjalankan usaha² untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat di-luar bandar dan menolong mereka itu membesar dan meluaskan mata pencharian mereka

itu. Kerajaan telah mengambil langkah² yang tegas untuk menolong ahli² bumiputra dan penduduk² luar bandar supaya mereka itu dapat mengambil bahagian yang lebih berkesan dan lebih sempurna lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Masaalah memperbaiki iktisad penduduk² yang mundur dan yang berkeadaan dzaif ini ia-lah masaalah kebangsaan, di-sebabkan mustahak kemajuan dan kema'moran negara itu di-sampaikan kepada ra'ayat yang sahingga hari ini tidak mendapat peluang menerima nikmat² yang tersebut itu.

Dalam bulan Jun tahun ini, Kerajaan telah menganjorkan satu Kongres Ekonomi Bumiputra dengan tujuan hendak mendapat tahu daripada wakil² bumiputra sendiri bagaimana chara²-nya mereka itu hendak mengambil bahagian yang lebih chergas lagi dalam lapangan iktisad di-negara ini.

Kongres itu telah bersidang tiga hari lama-nya dan telah berbinchang dengan panjang lebar-nya di-atas perkara² yang berkaitan dengan iktisad bumiputra dan penduduk² luar bandar dan telah meluluskan 69 ketetapan. Ketetapan² itu telah di-serahkan kepada Kerajaan dan Kerajaan telah memberi akuan bahawa Kerajaan akan menhuba dengan sa-daya upaya-nya untuk melaksanakan ketetapan² itu. Sa-hingga hari ini 4 ketetapan² yang penting daripada 69 itu telah pun di-laksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan telah menubuhkan Bank Bumiputra dan Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pasaran Pertanian Persekutuan, atau Federal Agricultural Marketing Authority (F.A.M.A.) dan Kerajaan telah menubuhkan satu Sharikat Kebangsaan, atau National Corporation, dan sekarang saya membentangkan Rang Undang² untuk menubuhkan Majlis Amanah Ra'ayat. Langkah² sedang di-ambil untuk melaksanakan ketetapan² yang lain yang telah di-kemukakan oleh Kongres itu.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Rang Undang² ini bagi menubuhkan MARA ini hanya-lah dapat di-bentangkan dalam persidangan Dewan ini pada hari ini, akan tetapi MARA telah di-tubuhkan semenjak sa-lepas sahaja

Kongres Ekonomi Bumiputra bersidang dan jentera pentadbiran MARA telah pun di-atorkan dan MARA telah pun mula menjalankan tugas²-nya. Tugas MARA ia-lah hendak menjalankan apa juga langkah yang di-fikirkan patut untuk memajukan iktisad² dan masharakat ra'ayat Malaysia, terutama sa-kali mereka² yang dudok di-luar bandar. Tanggong-jawab dan kuasa Majlis ini ada-lah di-sebutkan satu persatu dalam Fasal 6 Rang Undang² ini. Sunggoh pun ranchangan² yang akan di-jalankan oleh MARA akan memberi nekmata dan faedah, terutama sa-kali kepada ahli² bumiputra di-negara ini di-sebabkan mereka itu-lah sa-benar²-nya yang berkehendakkan pertolongan bagi mendapatkan bahagian yang lebih besar dan lebih luas dalam lapangan iktisad dan perusahaan, akan tetapi MARA akan memberi pertolongan juga kepada warganegara Malaysia yang lain mundur dalam lapangan iktisad ini dan berkehendakkan bantuan² saperti ahli² bumiputra juga.

MARA ada-lah mempunyai dasar dan tugas yang penting. Dengan sebab itu langkah yang pertama yang telah di-ambil ia-lah mengator jentera pentadbiran MARA ini. MARA ada mempunyai sa-orang Pengerusi yang bertanggung-jawab bagi melaksanakan dasar² MARA, akan tetapi di-bawah Pengerusi itu ada beberapa bahagian² yang di-ketua² oleh sa-orang Pengarah bagi tiap² bahagian.

Pada masa ini telah di-tubuhkan 7 bahagian:

- (1) Bahagian Pentadbiran
- (2) Bahagian Kewangan dan Kira²
- (3) Bahagian Latehan
- (4) Bahagian Pinjaman Wang
- (5) Bahagian Pengangkutan
- (6) Bahagian Perdagangan dan Perusahaan dan
- (7) Bahagian Perkhidmatan, atau Advisory Services Division.

Tiap² sa-orang Pengarah Bahagian ini di-beri kuasa yang penoh untuk menjalankan ranchangan² dalam bahagian masing² di-bawah pandangan

dan jagaan Pengerusi MARA. Pengarah² Bahagian ini telah pun di-pileh, melainkan Bahagian Perkhidmatan sahaja. Pengarah² ini ada-lah daripada orang² yang di-fikirkan mempunyai semangat dan kelayakan untuk menjalankan tugas masing².

Saya telah pun memberi perintah kepada Pengerusi, Pengarah² dan juga pegawai² MARA yang ada sekarang ini, bahawa mereka itu ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas masing² dengan chergas, dengan penoh semangat dan keikhlasan dan mustahak-lah segala pekerjaan yang di-jalankan itu akan mendapatkan hasil dengan sa-penoh²-nya. Saya telah juga memberi arahan bahawa tiap² ranchangan yang di-jalankan oleh MARA, mustahak-lah berjaya dan tiap² pertolongan yang di-beri oleh MARA, mustahak-lah memberi kehasilan dengan sa-penoh²-nya.

Tugas yang akan di-jalankan oleh MARA ada-lah di-bahagikan kepada tiga bahagian yang besar. Bahagian yang pertama MARA memberi latehan kepada ahli² perniagaan dari pehak bumiputra yang di-fikirkan mempunyai semangat dan kemahuan untuk menjalankan perniagaan. Mereka itu akan di-berikan latehan, kemudian jika perlu di-beri pinjaman wang atau pertolongan modal, dan sa-lepas daripada itu akan di-beri latehan dan nasehat, sa-hingga ahli² perniagaan itu dapat menjalankan perniagaan masing² dengan sempurna, dan dapat berdiri di atas kaki-nya sendiri. 'Alam perniagaan ia-lah 'alam yang penoh dengan perlawanan. Orang yang ingin hendak mendapat kejayaan dalam perniagaan, mustahak-lah, sa-lain daripada modal yang chukup, mempunyai pengetahuan dan pengalaman serta semangat dan jiwa yang kuat. Dengan sebab itu-lah mustahak di-adakan latehan, dan latehan akan di-beri bukan sahaja kepada orang yang hendak menjalankan perniagaan dengan ber-sendirian, bahkan kepada mereka² yang suka hendak bekerja dengan gedong² yang besar, untuk mencari nafkah masing². Dewan latehan RIDA di-Petaling Jaya dahulu akan di-besarkan dan di-luaskan lagi supaya dapat memberi latehan kepada

pemuda-pemudi dari kampong² dengan lebeh ramai lagi. Dalam lapangan ini, ke-tiga² bahagian MARA, ia-itu bahagian latehan, bahagian pinjaman wang dan bahagian perkhidmatan ada-lah bersama² mengambil peranan masing².

Bahagian yang ke-dua, lapangan yang ke-dua bagi MARA menjalankan tugas-nya ia-lah lapangan pengangkutan. Di-sini RIDA dahulu, dan sekarang MARA, telah memberi pertolongan² kepada sharikat² bumiputra untuk menjalankan perkhidmatan bas dan juga teksi di-kawasan² luar bandar. Pertolongan² ini akan di-teruskan dan sekarang dasar telah-lah di-ubah: pada masa akan datang itu segala perkhidmatan² bas di-luar bandar, hendak-lah pada permulaan-nya di-jalankan oleh MARA. Dan MARA sedia hendak memberi peluang kepada penduduk² tempatan untuk membeli saham² yang mereka itu kehendaki. MARA akan menjalankan perkhidmatan bas itu dengan memberi latehan kepada penduduk² tempatan, supaya bila perkhidmatan itu telah berjalan dengan sempurna, akan di-serahkan kepada penduduk tempatan untuk menjalankan-nya. Dengan chara yang demikian di-harapkan tiap² perkhidmatan bas itu dapat di-jalankan dengan sempurna dan terator dengan tidak mendatangkan kerugian kepada penduduk² luar bandar yang hendak mengambil bahagian dalam perkhidmatan ini. Pada masa² yang lalu ada sharikat² yang telah menjalankan perkhidmatan ini, tetapi di-sebabkan tidak mendapat latehan dan jagaan yang sempurna, sa-bahagian daripada sharikat² itu telah tidak berjaya dan sa-bahagian-nya mendatangkan kerugian kepada penduduk² luar bandar. Sa-lain daripada itu pehak RIDA dahulu, dan MARA sekarang ini, terpaksa menolong membaiki sharikat² yang rugi itu dengan mengadakan gerakan menyelamat atau pun "*rescue operation*" kerana sharikat² itu telah tenggelam dan lemas.

Lapangan yang ke-tiga ia-lah lapangan perusahaan dan perdagangan. Di-sini MARA berharap dapat menolong ra'ayat di-luar bandar dengan mengadakan perusahaan yang

kecil atau pun yang sederhana dan memberi pertolongan kepada perusahaan yang sedang dijalankan sekarang ini. MARA harap dapat memberi bantuan dan pertolongan supaya perusahaan itu berjalan dengan jaya dan maju. Satu ranchangan yang sedang di-ator dalam lapangan ini ialah menubuhkan satu Sharikat Kebangsaan, atau National Corporation, seperti yang di-kehendaki oleh Kongres Bumiputra dahulu. Langkah telah diambil untuk menubuhkan satu sharikat kebangsaan di-lapangan perusahaan hutan, lapangan ini-lah di-fikirkan ahli² bumiputra di-luar bandar ada mempunyai peluang² yang luas untuk mengambil bahagian yang sempurna dengan tidak berkehendakkan pengalaman dan pengetahuan yang dalam.

Ini-lah tiga lapangan² MARA yang akan menjalankan tugas²-nya—dan MARA berharap dapat kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. Seperti yang telah saya sebutkan, Tuan di-Pertua, dasar MARA ada-lah berlainan dengan dasar ranchangan RIDA dahulu. Sunggoh pun MARA ada mempunyai bahagian pinjaman wang akan tetapi MARA hanya akan memberi pinjaman wang kepada orang² yang MARA telah beri latihan dan kepada orang² yang MARA fikirkan boleh berjaya di-lapangan perusahaan dan perniagaan, dan lagi orang² yang berkehendakkan pinjaman wang daripada MARA mustahak-lah menurut nasehat, didekan dan anjoran daripada MARA, sa-hingga MARA puas hati yang mereka itu boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Orang² yang lain yang berkehendakkan bantuan, terpaksa-lah mereka itu pergi kepada badan² yang lain, terutama sa-kali kepada Bank Bumiputra yang telah pun di-tubuhkan. Begitu juga-lah dasar MARA bagi menubuhkan dan menggalakkan perusahaan² perdagangan dan menjalankan perkhidmatan ia-lah hendak memberi faedah kepada sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini, atau dalam bahasa Inggeris *to broaden the base of our economy*, supaya tiap² perusahaan itu dapat memberi faedah kepada sa-bahagian besar daripada ra'ayat luar bandar atau pun ahli² bumiputra terutama sa-kali.

Dasar Kerajaan hendak menolong ra'ayat di-luar bandar, atau ahli bumiputra terutama sa-kali, supaya dapat mengambil bahagian yang lebih besar dan lebih luas lagi di-lapangan iktisad dan perniagaan ia-lah supaya mereka² yang mundur dan miskin, yang tidak mempunyai peluang, dapat di-beri peluang dan dapat meninggikan taraf hidup mereka itu. Dan jika mereka itu mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi dan pendapatan yang lebih besar ta' dapat tiada ini akan memberikan faedah kepada negara dan memberi faedah kepada penduduk² di-luar bandar atau ahli² perniagaan di-bandar². Jika ra'ayat yang pada masa ini miskin, dapat di-beri pendapatan yang lebih tinggi nescaya mereka itu mempunyai kekuatan membeli atau purchasing power yang lebih besar lagi. Dengan itu akan menambahkan lagi kema'amoran kepada pemodal² dan ahli² perniagaan² di-bandar juga. Dengan sebab itu-lah dasar Kerajaan dalam lapangan ini ada-lah hendak mengadakan pembahagian iktisad dalam negara kita ini, di-antara penduduk² di-luar bandar dengan penduduk di-bandar atau dalam bahasa Inggeris-nya *to correct the economic imbalances between the urban and rural people* supaya kemajuan dan kema'amoran negara kita dapat dinikmati oleh semua pihak penduduk² negara ini. Begitu juga saya telah sebutkan MARA akan memberi bantuan bukan sahaja kepada ahli² bumiputra bahkan kepada ra'ayat negara ini daripada semua bangsa yang mempunyai keadaan seperti ahli² bumiputra, yang berkehendakkan pertolongan dan bantuan dalam lapangan iktisad dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertubuhan MARA ini ada beberapa bahagian² yang akan bertugas atau beberapa perbadanan² yang akan bertugas untuk memperbaiki iktisad ra'ayat. Seperti saya telah sebutkan tadi, Kerajaan telah menubuhkan Bank Bumiputra dengan tujuan hendak memberi bantuan kepada ra'ayat luar bandar dan ahli bumiputra bagi menjalankan perniagaan dan perusahaan. Begitu juga Kementerian Pertanian dan Kerjasama menubuhkan Lembaga

Pasaran Pertanian atau FAMA dengan tujuan hendak membaiki pasaran bagi barang² keluaran dari daerah² luar bandar.

Dan lagi dalam persidangan ini rakan saya, Menteri Hal-ehwal Tanah dan Galian akan mengemukakan satu Rang Undang² untuk menubuhkan satu lagi lembaga yang bertujuan hendak menolong menjayakan tanah² yang di-punya'i oleh ra'ayat di-luar bandar, supaya tanah² itu dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan hati dan dapat memberi sa-penoh² faedah kepada mereka yang memileh. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah dengan langkah² yang telah dan sedang di-ambil oleh Kerajaan itu, Kerajaan bersungguh berusaha hendak menjalankan apa juga ikhtiar² dan langkah² yang patut untuk memperbaiki keadaan hidup ra'ayat yang mundur dan untuk memberi pertolongan kepada ra'ayat yang berkehendakkan pertolongan bagi membesar dan meluaskan mata-pencharian mereka itu. Akan tetapi dari semua peniaga² ini yang penting sa-kali ia-lah ra'ayat sendiri, terutama mereka yang dudok di-kampong² dan di-luar bandar hendak-lah menunjukkan usaha dan kerjasama mereka itu. Mereka itu hendak-lah menzahirkan semangat atau jiwa yang betul² ingin kepada kemajuan dan kema'amoran.

Kerajaan dapat memberi pertolongan kepada mereka yang mempunyai jiwa dan semangat yang berani berkorban dan bekerja untuk menchapai kemajuan² yang mereka itu kehendaki. Kesimpulan-nya, kemajuan dan kebahagiaan bagi ra'ayat hanya-lah dapat di-chapai dengan tenaga ra'ayat sendiri, di-bantu dan di-tolong oleh pehak Kerajaan. Bagi pehak Kerajaan, sa-perti saya telah terangkan, Kerajaan akan mengambil apa juga langkah yang patut bagi menolong ra'ayat yang mundur dan miskin, yang dahagakan kemajuan. Saya yakin dan perchaya kalau mereka itu sendiri sa-benar²-nya menunjukkan semangat atau jiwa dan sa-benar²-nya berani berusaha dan ber-tenaga untuk memperbaiki keadaan hidup mereka itu, saya yakin dan perchaya ahli² bumiputera dan ra'ayat di-luar bandar akan dapat meningkat

kapada kemajuan² di-lapangan iktisad yang mereka itu chita² dan kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menerangkan satu persatu butir² dalam Rang Undang² ini, kerana tujuan dan dasar yang terkandung dalam ini ada-lah terang dan nyata. Hanya-lah saya suka menerangkan Fasal 32 lantikan Ahli² Majlis MARA ini. Saya berchadang akan melantek wakil² daripada Sabah dan Sarawak, supaya MARA yang telah pun menubuhkan pejabat²-nya di-dua negara ini, akan dapat menjalankan tugas-nya dengan lebeh luas lagi, untuk menolong ra'ayat² ahli bumiputera di-kedua negara ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukachita-nya mengemukakan supaya Rang Undang² ini di-bacha buat kali yang kedua-nya. (*Tepok*).

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara):
Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²-kan langkah yang berani dan tegas oleh Kerajaan Perikatan. Memang-lah ra'ayat ternanti² satu Lembaga yang bagini chorak-nya. Saya bagi pehak Dewan Perniagaan Melayu, Perak, menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh pada Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan satu Rang Undang² membantu bumiputera dan memajukan mereka itu dalam lapangan per-ekonomian dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, lebeh kurang 3 tahun sudah dalam Bilek Jawatan-kuasa UMNO di-Taiping, saya telah dengan tegas-nya menyatakan pada Yang Berhormat Menteri, lapangan yang sangat² di-ingini oleh bumiputera ini dan saya dengan tegas dan terust-terang menyatakan kepada beliau membawa dengan sendiri-nya perkara yang sangat mustahak ini memandangkan dalam satu negara yang di-diami oleh berbagai² bangsa di-mana bumiputera kita sangat ketinggalan dalam lapangan ini, maka ta' dapat tidak satu hari kelak saya rasa yang dekat sa-kali dalam perkataan Inggeris *saturation point*-nya akan sampai di-mana satu perkara yang tidak di-ingin akan meletus, maka kuchar-kachir-lah negara kita ini. Dengan ada-nya satu Rang Undang² yang berani dan tegas

ini, saya harap perkara yang tidak diinginkan itu dapat dihindarkan untuk faedah kita bersama.

Saya baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, telah berjumpa dengan seorang tauke menyatakan modal Bank Bumiputera akan di-keluarkan bagi perengkat pertama ia-lah \$5 juta. Kata dia hendak berniaga apa ini, berniaga ikan kering-kah, berniaga belachan-kah? Jadi saya tergaru² kepala kerana, saya bagi pihak Dewan Perniagaan Melayu, Perak, telah pun membuat memorandum kepada Yang Berhormat Menteri menyatakan dengan tegas pada tahun² yang dahulu, bagi tiap² negeri berkehendakkan sa-kurang²-nya modal sa-banyak \$5 juta. Jadi ini permulaan-nya, pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, \$5 juta itu jauh daripada angka yang kita kehendaki. Tetapi untuk permulaan sungguh pun kechil, Tuan Yang di-Pertua, kami sakalian mengalu²kan-nya dan dapatlah kalau mengikut keterangan dalam Bill ini kita tambah daripada satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, di-kawasan saya, Larut Utara, getah² yang ditanam oleh Kerajaan di-bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar barangkali dalam sa-tahun dua ini lagi akan dapat mengeluarkan hasil-nya, beribu² paun pada tiap² bulan. Jadi memandangkan dengan modal yang kechil bagini, saya rasa harus semua modal itu akan di-telan oleh kawasan saya sa-orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengetahuan saya yang singkat, masalah yang di-hadapi oleh bumiputera yang mereka hadapi pada masa yang lampau, kerana tidak dapat menjalankan perekonomian mereka itu dengan baik dan terator ia-lah pertama-nya ia-lah modal, kedua-nya pengalaman, ketiga-nya peluang² dan pemasaran. Maka di-sini kita dapat, Tuan Yang di-Pertua, modal insha'Allah akan di-atasi dengan sa-chepat mungkin. Pengalaman, memang bumiputera ada, dan pemasaran telah pun lengkap. Maka peluang² pula akan kita chari dan akan menimbulkan satu masalah yang berat pada kita. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, jadi dalam satu lapangan di-mana kita ber-

kejar²an untuk mendapatkan emas, duit berma'ana emas, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau lambat satu *second* atau pun satu sa'at, peluang itu akan hilang di-tangan kita. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita akan hadapi sa-olah² seperti satu kota macham Rock of Gibraltar yang kita hadapi. Jadi Rock of Gibraltar itu kita mesti-lah tembusi atau pun kita hadapi baharu-lah kita mendapat kejayaan-nya. Jadi masaalah yang di-hadapan kita, Tuan Yang di-Pertua, bukan kechil atau senang. Saya mengambil peluang di-sini, Tuan Yang di-Pertua, memberi ingatan sedikit sa-banyak kepada pihak yang berkenaan kerana memandangkan perkara² yang sudah lampau kita mengalami banyak kesukaran dan akhir-nya perojek² yang sudah tidak jadi begitu jaya. Jadi bagi kita mendapatkan kejayaan, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti-lah menentang, menghadapi masa yang ka-hadapan dengan satu semangat macham yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, dengan semangat berani, chergas dan bertanggung-jawab. Saya rasa dengan ada fikiran yang demikian itu dapat-lah kita atasi masaalah yang sangat berat ini bagi faedah kita sakalian.

Dalam negara² yang bertamaddun, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati macham Amerika, Jerman dan Soviet Russia, dengan atom bom-nya. Bagi negeri kita ini, kita menghadapi satu masaalah yang sangat berat dan sukar dengan memperbaiki masaalah yang tidak sa-imbang perekonomian dalam negara kita ini supaya keselamatan dalam negara kita ini dapat kita panjangkan untuk sa-lama²-nya.

Dengan ada-nya persiapan yang mula² ini, saya perchaya dan yakin, dapat-lah kita atasi supaya dalam negara kita ini semua bangsa akan merasa nikmat yang bagini kaya dan bagini raya dalam negeri kita ini bagi faedah kita sakalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak ingatkan dalam masaalah yang besar ini, dalam masaalah perniagaan dan perekonomian ini, pada pendapatan saya bukan-lah berkehendakkan orang yang pandai sangat, pakar

sakalian-nya, tetapi orang² yang pandai, berani dan menggunakan akal fikiran yang begitu chepat dan begitu lekas pada tempat² yang kena. Macham saya telah nyatakan terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita hilangkan satu sa'at atau pun satu *second*, maka peluang² keemasan, atau peluang yang baik, untuk kita dalam lapangan yang kita akan hadapi dalam masaalah yang sangat berat, kita akan hilang. Maka di-sini sahaja-lah, saya hendak mengingatkan kepada pehak² yang berkenaan berbagai² perengkat yang kita akan tubuhkan, chuma mestilah berwaspada tiap² masa untuk merebut begitu banyak wang, begitu banyak emas dalam negara kita ini, khas-nya bagi fasal ini ia-lah kema-'amoran bumiputera keselurohan-nya. Sekian-lah terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap tentang Rang Undang² yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri tentang dasar², sikap², tugas², dan tujuan² MARA mesti-lah dipersetujui oleh semua ra'ayat di-seluruh Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kalau tujuan Kerajaan Pusat, kalau tujuan itu hendak meninggikan taraf hidup semua ra'ayat di-seluruh Malaysia, dan tujuan itu hendak-lah menghapus kemiskinan di-mana² yang berada kemiskinan, kami dari *Front Socialist* mesti bersetuju apa tindakan² yang di-buat oleh Kerajaan Pusat. Saya hendak memberitahu kepada Timbalan Perdana Menteri jangan-lah MARA ini di-marah oleh orang yang bukan bumiputera.

Mr Speaker, Sir, as I said before in the national language nobody in his right sense will, I hope, follow the Bill that has been explained by the Deputy Prime Minister. We, in the Socialist Front agree that the "have nots" should be assisted; and in that sense, we fully support the Bill that has been explained to this House by the Honourable the Deputy Prime Minister. But, I hope the Government will allow us in the Socialist Front, while we support

MARA we have differences of approach towards settling this problem of the assistance of the people who are known as bumiputera.

Now Mr Speaker, Sir, first of all, I shall be very glad if the Government benches will give us a legal definition of bumiputera. We have had a legal definition as to what a Malay is. I do not know whether we have a legal definition as to what indigenous people is. Mr Speaker, Sir, I say this, because occasions may arise, wherein, for example if a Chinese woman marries a Malay, or an Iban, does the progeny of that marriage qualify as bumiputera; or let us put the other way round—a Chinese marries a Kadazan woman, does the progeny of that marriage come within the definition of bumiputera? Consequently one would have thought that in a Bill like this where, I suppose, lots of thought have been given to it a legal definition of what a bumiputera is, or what an indigenous person is would be very helpful to us in this country.

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, as I have explained MARA will assist all sections of the community who are economically backward and under-developed. MARA will not only assist bumiputera but all sections of the community, that is why it is not considered necessary to have such a definition in this Bill, because as you can see Article 6 says "It shall be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate and undertake economic and social development in the Federation and more particularly in the rural areas"; and then it mentions what section of the community—all sections of the community.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, I am very grateful and, indeed, the whole country must be very grateful for that vital explanation by the Deputy Prime Minister, for nowhere in this Bill it is said that the non-bumiputera will benefit from it; and to that extent the first that was published was what the Honourable the Deputy Prime Minister has just said—that this Bill will benefit not only the bumiputera but all those, if I heard him correctly: he mentioned

bumiputera and ra'ayat di-luar bandar; I was hoping that he would say, "ra'ayat di-luar bandar walau pun dia bumiputera atau tidak; kalau ada keterangan itu saya sendiri berasa sangat² sukacita."

Now, Mr Speaker, Sir, that we have an explanation that this Bill is not only meant for bumiputera but also for the non-bumiputera, I am very glad that this Bill indeed will go a big step forward—dare I use the word "big leap" that have been used elsewhere but perhaps not so fashionable in use in this country—big leap forward toward improving the poverty where ever it may exist; and I do command this goal to the Government. As I said before, the Government should improve, as in the use of the National language, the Government should improve the standard of living of all the people of this country, and should aid poverty wherever it may exist. But Mr Speaker, Sir, if I remember rightly, although we have an assurance from the Deputy Prime Minister that MARA is to benefit all sections of the population, if I understand the past Government pronouncement correctly, the Bank Bumiputera is meant only for the bumiputera. Now, I should be very grateful for an explanation from the Deputy Prime Minister.

Tun Haji Abdul Razak: As for the Bank Bumiputera, although the shares will only be taken by the bumiputera, the facilities will be open to non-bumiputera too. As you know, there are two Chinese, who sit as Directors of the Bank Bumiputera, so the Bank Bumiputera which will operate as an ordinary bank like any other bank, e.g., the Malayan Bank, the Overseas Chinese Bank: the shares only will be confined to members of bumiputera but the facilities of the Bank will be open to others, who are prepared to make use of the facilities.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I am very glad for this other assurance from the Deputy Prime Minister, because hitherto the non-bumiputera have not been mentioned at all in connection with the Bank Bumiputera. Hitherto I do know that

there are two Chinese sitting on the directorate of that Bank and one Indian; and we are told that the shares will be held only by the bumiputera. Well that doesn't matter so much to the non-bumiputera. If the facilities of bumiputera are open also to the non-bumiputera, then we are indeed grateful to the Honourable Deputy Prime Minister for this explanation, because, Mr Speaker, Sir, in answer to one of the questions for written answer that I have asked of the Minister of Agriculture—I have asked this question:

"Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Agriculture and Co-operatives when the Bank Ra'ayat will be established or whether this project has been shelved or abolished in favour of the Bank Bumiputera. If this is so, what is the reason for this decisions."

the answer is:

"The Government envisages the Bank Bumiputera fulfills the same objectives as proposed for Bank Ra'ayat and as such considers Bank Bumiputera and Bank Ra'ayat as one and the same thing."

Now, Mr Speaker, Sir, we do know that a whole heap of experts have come and gone to investigate the feasibility of the Bank Ra'ayat. The Alliance Government in its Manifesto, and presumably on its election platform, all over the country, has promised the people of this country this Bank Ra'ayat. At long last we have the Bank Bumiputera, which although its name is misleading, and I do comment this to the Honourable the Prime Minister—if the name may be misleading, the objectives, if it is to open its door to all and sundry, it must be supported by all of us in this country.

Now, Mr Speaker, Sir, we heard great deal about Bank Bumiputera, we also heard the Deputy Prime Minister explaining to us about F.A.M.A., the Federal Agricultural Marketing Authority, where indeed there is no mentioning of the bumiputera. I take it that these facilities are for all the people of this country. Now, in such things, if there is less stress on the bumiputera and more stress on Malaysians then Mr Speaker, Sir, I am sure they will, as I said, take a big leap forward and we will also go towards forging a united contented Malaysian nation.

Mr Speaker, Sir, I just want to end up with one little note. I notice that the Deputy Prime Minister talked a fair length about pengangkutan and he talked about bus and taxi drivers. Now, I see the Minister for Transport is here, and perhaps he will correct me if I am wrong. Mr Speaker, Sir, we have at the Subang International Airport a company known as "Sharikat Matahari." Now, Mr Speaker, Sir, I have a question for oral answer in connection with that and I shall not touch too much on it. I only wish to say that from information that I have gathered the shareholders of that Company are not people whom you would want to improve their standard of living.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang berada share² di-Sharikat itu ia-lah orang² yang hidup dengan mewah. Kalau orang yang hidup dengan mewah dapati lesen untuk menubuhkan Sharikat itu, bagaimana-kah kami hendak meninggikan taraf hidup orang yang miskin? Now, Mr Speaker, Sir, I also found out that that Company employs about twelve people, all ex-servicemen, presumably, to raise the standard of living in this country but malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, pekerja² di-Sharikat itu, sewa kereta itu ia-lah \$28 sa-hari. Sharikat itu mengadakan yang apa di-katakan "sistem pajak"—sewa kereta itu kepada bekas askar² \$28 sa-hari. Bagaimana-kah sa-orang yang memandu taxi itu boleh dapat \$28 sa-hari? Saya dapati tahu ada beberapa orang pekerja di-Sharikat itu mengembalikan kereta² itu kepada Sharikat itu, oleh sebab mereka tidak boleh dapat untong—tetapi mereka rugi. Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu bukan-kah orang Melayu menghisap darah orang Melayu, apakah "orang menghisap darah orang Melayu"? Mr Speaker, Sir, I do hope what I have said will catch the attention of the Minister for Transport, because here you have a clear case of exploitation in its worst form by the Malays of the poor Malays—ostensibly all these licences are to raise the standard of living of the people of this country, in particular that of the Malays. As I said, if you want to raise the standard of living of the Malays we, in the Socialist

Front, are all for it, but do not exploit them and say we are all for the bumi-putera. This firm as I said before in the National language rents out its taxi at the rate of \$28 a day, and I do know that many of these workers in that Company have returned the work to the Sharikat Matahari, because they cannot even get enough to pay the rental, let alone make a small profit to keep the wolf away from the door. Mr Speaker, Sir, is it the intention of the Ministry of Transport to make the rich Malays richer. I have asked a question of this and, I hope, when the appropriate time comes, the Minister will reveal to us the shareholders of this Sharikat Matahari. I have no doubt that amongst them you have people who, as you say in Malay, "hidup dengan Mewa". Terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan penoh-nya Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat yang ada dihadapan kita pada hari ini. Kerajaan Perikatan patut-lah di-puji kerana menubuhkan MARA ini, dan saya sendiri menguchapkan beranyak² tahniah kepada pihak Kerajaan kerana mengambil tindakan tegas menubuhkan Lembaga MARA dan juga Bank Bumiputra ini. Kata Yang Berhormat daripada Batu tadi, nama MARA ini boleh jadi terkeliru, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, maksud MARA tidak boleh lari, ia-itu ia-lah hendak membela ra'ayat² yang kurang maju di-dalam lapangan ekonomi. Ini-lah tujuan atau pun ini-lah sa-suatu-nya tindakan, atau pun langkah, Kerajaan Perikatan untuk merapatkan atau pun menapong jurang di-antara orang² yang berada dengan orang² yang tidak berada di-negeri Malaysia ini. Saya perchaya MARA akan membawa semangat baharu dan perasaan pendorong kepada ka-semua ra'ayat jelata yang tidak berada dan ra'ayat jelata yang tidak berada juga akan sentiasa mengingat jasa² baik yang di-buat oleh Kerajaan ini. Ini juga menunjukkan kepada kita semua, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Kerajaan Perikatan tahu dan pandai mensesuaian dengan ka-hendak suasana dan zaman. Dengan penubuhan MARA, juga

menunjukkan kepada kita semua, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sistem demokrasi berparlimen tidak kalah dengan lain² sistem seperti *Socialism* atau *Communism*, bahkan di-negeri kita ini, sistem demokrasi berparlimen-lah yang lebih baik, yang lebih sesuai dan yang lebih menasabah daripada lain² sistem.

Kita membela ra'ayat, kita chuba sa-berapa daya mendapat persaimbangan di-kalangan ekonomi di-antara semua ra'ayat, baik di-dalam bandar mahu pun di-luar bandar. Ini ada-lah disebabkan Kerajaan Perikatan dan ra'ayat semua perchaya ia-itu untuk membolehkan kita menuboh satu masyarakat dan satu bangsa yang sehat dan bersatu-padu, persaimbangan ekonomi dan persaimbangan pelajaran mesti ada di-kalangan ra'ayat semua. Dari sebab itu dengan berasas kepada hakikat ini, mari-lah kita semua Ahli² Dewan yang berbahagia ini memberi sokongan penuh kepada Rang Undang² yang ada di-hadapan kita pada hari ini.

Kapada orang² di-luar kawasan bandar dan kapada Ahli² bumiputra, saya berseru bukan sahaja mengguna peluang dengan mudah bahkan mengguna peluang yang akan di-buka oleh MARA ini dengan penuh perasaan keinsafan dan dengan penuh perasaan bertanggung-jawab. Di-masa penjajahan Inggeris dahulu, anak² bumiputra dan orang² di-luar kawasan bandar tidak di-beri kemudahan yang sa-wajar, dan tidak di-beri galakan di-dalam lapangan perusahaan dan perniagaan. Di-dalam bahasa Inggeris-nya, "During the British imperialism in this country, the indigenous people and also the people in the rural areas were not given the necessary opportunities; they were not given the necessary encouragement to take or to participate in business and industries. Now, in order to establish a healthy nation, and a united nation in Malaysia, it is very, very essential indeed for the Government to see that the gap between the 'have' and the 'have-nots' be brought to as close as possible".

Langkah Kerajaan menubuhkan MARA ini juga membuktikan ia-itu Kerajaan telah sa-langkah lagi mara ka-hadapan untuk membela dengan tegas, orang² yang tidak berada, khas-

nya bumiputra dan membuktikan kepada kita semua, ia-itu Kerajaan ingin melihat revolusi ekonomi di-antara bumiputera yang sa-lama ini ketinggalan di-lapangan ekonomi.

Sekian sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, Terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua,

bagi orang yang mengikuti keadaan kedudukan bumiputra, sa-belum dan sa-sudah mencapai kemerdekaan di-dalam kehidupan-nya hari², baik daripada segi ekonomi-nya, kehidupan-nya, pelajaran-nya dan kemajuan² hidup yang di-lalui oleh bumiputra itu, tidak ada sa-orang pun yang tidak akan menyokong Rang Undang² ini. Bagi mereka yang mempelajari kedudukan hal-ehwal bumiputra dari sudut kemunduran-nya itu, baik orang itu datang daripada orang yang bukan bumiputra, tetapi merasakan diri-nya sa-bagai warga negara di-Malaysia ini yang menganggap bumiputra itu saudara mereka dan keluarga mereka, mereka tidak akan merasa keberatan untuk menyokong Rang Undang² ini malahan memberikan sokongan yang begitu lebih kuat bagi meninggikan taraf kehidupan dan ekonomi bumiputra dengan ada-nya chita² MARA ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita menengok keadaan bumiputra dari semua bidang kehidupan mereka itu, maka soal perkauman ini hendak-lah di-singkirkan dari perasaan mereka itu. Sa-bentar tadi kita mendengar satu ulasan yang di-buat oleh Ahli Socialis Front, apa-kah ta'arif bumiputra itu, apa-kah ta'arif, apa-kah pandangan kita kalau sa-saorang China kahwin dengan orang bumiputra, apa-kah ta'arif mereka itu? Erti-nya Ahli Socialis Front dari Batu mahu mengiktiraf dan menyokong Rang Undang² ini manakala dia memandang bahawa Rang Undang² ini tidak hanya memberikan keuntungan kepada bumiputra sa-mata². Dan kalau sa-kira-nya ma'ana bumiputra itu Melayu, atau Iban, atau Kadazan, maka nyat-lah Ahli Socialis Front akan menentang.

Bagi saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, MARA ini di-lahirkan di-dalam suatu Kongres yang di-adakan di-Kuala

Lumpur ini pada beberapa bulan yang lalu, dan Kongres itu telah membahath dengan panjang lebar kedudukan bumiputra ini, dan di-dalam Kongres itu bukan satu dan bukan dua orang peserta² telah mengeluarkan ayer mata mereka sendiri sa-telah membahathkan kedudukan bumiputra ini sekarang dan pada masa yang akan datang. Kalau sa-kira-nya Kerajaan yang di-pileh oleh ra'ayat ini tidak dapat menghulorkan dan memberikan bantuan yang sawajar-nya kepada mereka, supaya mereka dapat hidup bersama² dengan saudara² mereka dari warga negara Malaysia dari keturunan asing dari amanah Kongres Bumiputra ini-lah Kerajaan telah mengambil satu amanah daripada penderitaan ra'ayat kita di-Malaysia ini terutama sa-kali daripada bumiputra yang kita katakan bumiputra ini bukan-lah sahaja Melayu, dan bukan sahaja orang² Kadazan dan Iban, tetapi orang² yang sa-lama-nya hidup, baik di-zaman penjajahan dahulu dan sampai sekarang terchichir di-belakang. Ada-lah menjadi suatu kewajiban yang mutlak kepada Kerajaan yang di-pileh oleh ra'ayat untuk membawa mereka itu di-dalam penghidupan yang sama dengan warga negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita menengok Rang Undang² ini, tujuan² yang telah di-sampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, akan tujuan dan maksud MARA ini di-lahirkan, dan Rang Undang² ini di-kemukakan, nyata-lah bahawa sistem ekonomi yang hendak di-buat oleh Kerajaan Perikatan di-dalam meninggikan dan menyamakan kehidupan ra'ayat di-dalam negeri ini ia-lah yang pertama-nya untuk menimbun sa-berapa banyak segala jurang² pemisahan di-antara ra'ayat negeri kita ini. Kita mengharapkan supaya tidak ada di-antara orang² warga negara kita ini yang menganggap bahawa lahir-nya bumiputra ini hendak menekan perkembangan ekonomi yang ada pada mereka sendiri. Tujuan kita yang sa-benar-nya, seperti mana yang telah diterangkan dengan jelas-nya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan pembukaan tadi, bahawa tujuan kita supaya jangan ada di-dalam masharakat kita kelas²

orang bumiputra yang rendah dengan ra'ayat yang telah maju. Selama kelas² ini tidak dapat di-hanchorkan dan di-hapuskan maka selama itu-lah negara kita ini akan mudah di-pengaruhi oleh anasir² apa yang kita sebut sekarang dengan anasir² komunis.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya bil ini sahaja, Rang Undang² ini sahaja, dan kemudian orang² bumiputra mengharapkan kepada Rang Undang² kita di-luluskan, bagi fahaman saya, tidak-lah chukup. Tidak-lah dapat kita gantungkan harapan kita semata² kepada Rang Undang² ini sahaja melainkan tergantung harapan kita kepada satu amanah yang di-berikan oleh Timbalan Perdana Menteri itu tadi, ia-itu semangat daripada kita sendiri, semangat ingin mengubah nasib, semangat ingin bekerja, semangat ingin maju, mesti-lah lebeh dahulu tertanam di-dalam jiwa bumiputra sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kemajuan Luar Bandar yang telah kita lancharkan beberapa tahun, banyak mendatangkan faedah kepada bumiputra sendiri dan kepada orang² di-luar bandar. Tetapi ini menjadikan suatu hal yang memanjil lebeh banyak kepada orang² yang di-luar bandar, sa-hingga apa juga yang di-kehendaki di-dalam penubohan nasib orang² kita ini terserah kepada Kerajaan. Kalau zaman dahulu kita hendak membuat sa-buah surau tempat beribadat terpaksa-lah kita bersedekah dan sedikit berwakaf; tetapi sebab adanya Ranchangan Kemajuan Luar Bandar semangat ini sudah di-tinggalkan sama sekali, kalau pun tidak semua tetapi sa-bahagian-nya oleh orang² kita di-luar bandar. Maka semangat meng-gantungkan diri semata² kepada Kerajaan akan melemahkan penghidupan kita di-luar bandar. Maka sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa tertarek dengan keterangan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang penting bagi kita ia-lah semangat—semangat hidup, semangat bekerja dan semangat mahu mengubah nasib kita sendiri. Bagi ra'ayat luar bandar dan bagi ra'ayat bumiputra kalau kita tengoh bumiputra di-Tanah Melayu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, banyak hal yang sangat menyedehkan kita. Ada kemudahan² di-berikan,

kemudahan buat itu dan buat ini, tetapi belum lagi kita dapat hidup dengan kemudahan² itu. Kita sudah kena pijak siang².

Jadi, dengan ada-nya ikhtiar Kerajaan bagi menolong bumiputra ini maka ikhtiar ini-lah sahaja satu²-nya jalan bagi hendak menyelamatkan semua usaha dan perbuatan serta tenaga yang ada kepada bumiputra itu, dan usaha ini oleh bumiputra mesti-lah memandang bahawa Kerajaan tempat ia mengharapi memberikan peluang kepada dia, tetapi kejayaan itu ada-lah kepada bumiputra sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sulit kita hendak meneka apa-kah yang akan jadi pada masa yang akan datang terutama sekali bagi orang² yang berfahaman capitalist yang ada di-dalam negeri ini, yang menganggap bahawa MARA ini di-lahirkan kerana hendak membunuh perusahaan mereka itu. Ini suatu hal, suatu fikiran yang tidak sihat kalau ada berlaku di-kalangan warga negara kita. Sa-bagaimana yang kita telah dengar bahawa maksud dan tujuan kita dalam meninggikan dan mengadakan MARA ini hendak menjadikan satu masyarakat yang adil pada masa yang akan datang, masyarakat yang sama dan masyarakat yang tidak ada churiga menchurigai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagi faham saya sendiri, kita akan menghadapi beberapa chabaran² ekonomi di-masa yang akan datang, kita akan menghadapi berbagai² halangan di-masa yang akan datang. Kita boleh memberikan kemudahan kepada siapa yang hendak di-antara bumiputra, sharikat bumiputra yang hendak di-buat; kita boleh berikan kemudahan tetapi kemudahan² ini bersangkut², berkait² di-antara satu dengan yang lain. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua di-dalam tiap² buah negeri telah tumbuh bermacam² sharikat² bumiputra, di-Selangor, di-Perak, di-Pahang, di-mana² lagi akan tumbuh sharikat² permodalan yang dinamakan permodalan bumiputra, perusahaan bumiputra. Apa-kah akan jadi kepada perusahaan² ini dan bagaimana-kah kaitan-nya di-antara permodalan bumiputra di-tiap² buah negeri ini dengan MARA yang akan kita luluskan sekarang? Kalau sa-kira-

nya sharikat permodalan yang di-adakan bagi tiap² negeri berasingan dengan tujuan yang di-buat oleh MARA itu, saya rasa dia akan ka-atas pun tidak sampai ka-bawah pun tidak sampai. Sharikat² itu saya takut akan menjadi Sharikat Ali Baba atau Sharikat Ali John yang di-sebut² sekarang. Sebab yang saya tahu dan yang menarek perhatian saya tujuan daripada Rang Undang² ini memberikan latehan kepada orang² bumiputra ini, supaya latehan² itu mendorong anak bumiputra ini di-dalam usaha²-nya. Yang kedua, kalau latehan² ini sudah sempurna dan kalau dia, sudah menjadi ahli di-dalam perniagaan, dia kekurangan wang, maka wang tidak menjadi masalah—di-berikan pinjaman. Sa-telah dia mendapat pinjaman kewangan dia mesti menerima nasihat daripada pakar² yang ada pada MARA; dengan nasihat, dengan latehan, dengan pelajaran, dengan semangat kemudian dengan wang di-berikan pinjaman di-berikan pertolongan kepada bumiputra ini, maka saya yakin ikhtiar dan usaha kita akan mara bukan sa-langkah, tetapi akan mara beribu² langkah. Tetapi bagaimana hal-nya dengan sharikat² permodalan² yang di-tubuhkan bagi tiap² negeri yang juga mengatakan bahawa mereka ia-lah sharikat² bumiputra, sedangkan mereka belum mendapat latehan, mereka belum mendapat nasihat² dan mereka belum mendapat pengetahuan² yang luas, tetapi sekarang telah menjalankan perniagaan² yang kita khuatir kalau perniagaan² yang di-jalankan itu dengan tidak ada pengetahuan, dengan tidak ada pelajaran dan dengan tidak ada nasihat yang berguna seperti yang di-katakan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi. Saya khuatir nama bumiputra yang digunakan itu akan menchemarkan nama bumiputra sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak cherita² pada masa sudah yang telah di-timbulkan di-dalam Kongres Bumiputra yang telah lalu, cherita hidup dan mati-nya sharikat bumiputra, cherita bangun dan hanchor-nya sharikat bumiputra, pada mula-nya bersemangat, gagah, tetapi pada akhirnya dua tiga orang sahaja yang senang,

akhir-nya runto. Dan keruntuhan daripada sa-sabuah sharikat yang dibuat daripada orang² yang tidak mendapat latehan ini-lah yang menyebabkan tawar hati-nya ra'ayat bumiputra di-dalam perusahaan² ini. Maka ubat yang paling mujarab pada faham saya, ubat yang akan dapat memberi tuboh itu sihat kembali ia-lah Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini, MARA yang akan mengambil satu tindakan yang lebeh berkesan bagi membetulkan kedudukan² yang salah, pengalaman² yang telah menjadikan kita pada masa yang telah sudah itu bagini ketinggalan-nya.

Bagi orang² yang bukan bumiputra saya rasa, dan saya serukan patut mereka itu memberi sokongan yang lebeh kapada gerakan pembangunan ekonomi bumiputra ini. Sebab sa-tahun demi sa-tahun ra'ayat bumiputra akan bertambah dan dengan bertambah-nya ra'ayat bumiputra ini kalau kehidupan ekonomi-nya tidak di-baiki, dia akan bertambah miskin; bila dia bertambah miskin, dan ra'ayat warga-negara yang lain tidak memberi sokongan kapada ra'ayat bumiputra di-dalam pembangunan ekonomi-nya dan di-biarkan sahaja serta di-tekan, maka orang ini akan menchari hidup; bila menchari hidup, maka macham²-lah akan timbul di-dalam masyarakat yang akan datang—10 atau 20 tahun yang akan datang. Sebab itu, saya mengharap dan saya menyeru orang² yang bukan bumiputra, supaya memandangi ini sa-bagai tugas-nya sendiri, dia tidak akan senang menyuap nasi-nya kalau di-sabelah-nya ada bumiputra yang tidak makan, dia tidak akan senang menaiki motokar-nya dan tinggal di-rumah besar kalau di-sabelah rumah-nya dilihat bumiputra yang maseh miskin. Kewajipan mereka ia-lah menghulorkan tangan membimbing bumiputra ini, hidup bersama² dengan mereka, bukan untuk menekan mereka itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kapada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya Majlis Amanah Ra'ayat ini bukan sahaja dia sa-bagai satu amanah ra'ayat, tetapi dia merupakan sa-bagai amanah Tuhan daripada orang yang

tertinggal—amanah Tuhan daripada orang² yang tertindas hidup-nya sejak di-dalam penjajahan lagi, supaya Kerajaan kita ini, pemerintahan kita ini, supaya Kerajaan Perikatan dapat mengikut dan menunaikan apa yang di-sebut dalam chita² amanah ra'ayat ini bagi meninggikan taraf hidup mereka itu. Saya rasa dengan kerjasama daripada Parti² Pembangkang, terutama sa-kali saya rasa daripada pehak PAS yang juga telah menyatakan bahawa dia hendak menghidupkan, hendak menolong bumiputra, orang² Melayu, kita akan mendengar sokongan yang bulat kapada Rang Undang² ini. Sunggoh pun bagi pehak kita rasa²-nya kita akan mendengar bangkangan daripada pehak PAS, tetapi biasa-nya kalau tidak ada bangkangan pun dia akan menyengat juga dalam Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai satu chontoh dapat saya kemukakan bagaimana orang² PAS menyengat tiap² langkah yang kita buat untuk kebaikan bumiputra. Sudah menjadi satu 'adat kapada Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Muda-nya kalau melawat sa-suatu kawasan, dia menengok sa-suatu tempat itu mustahak di-berikan bantuan yang serta-merta, di-berikan bantuan dengan serta-merta. Ini sudah menjadi 'adat kebiasaan Timbalan Perdana Menteri, dia pergi ka-Perak, ka-Johor dan ka-Pahang, dia tengok—"Tun, tolong-lah"—dia beri. Bagitu juga-lah barangkali Menteri Muda-nya. Tetapi hal ini tidak begitu dalam negeri Kelantan; bila hendak beri bantuan dia tolak, sebab tidak mengikut perjanjian. Jadi, ini-lah chara dia menyengat. Kalau sa-kira-nya kita memahami bahawa tiap² usaha kita itu menolong kapada bumiputra, ta' usah-lah kita kira sangat melalui saloran mana, atas-kah, bawah-kah, bertulis-kah, kalau kita mendapat sa-satu untuk faedah bumiputra, walau dari sudut mana sa-kali pun, patut-lah kita terima dengan tangan terbuka,—tidak pula kita panggil wakil surat-khabar dan kemudian kita maki wakil surat-khabar itu, kerana wakil surat-khabar itu sudah mengeluarkan rahsia-nya dalam surat-khabar. Saya mendapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, wakil

surat-khabar “Utusan Melayu” telah di-panggil oleh yang berwajib di-negeri Kelantan, kemudian memarahi wakil surat-khabar itu, kerana telah membuka rahsia Kerajaan PAS Kelantan menolak bantuan serta-merta yang di-buat oleh Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Negara. Ini contoh macham mana bumiputra hendak maju, hendak beri di-tentang

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order—S.O. No. 36, adalah Yang Berhormat itu tidak menetapkan perbahathan di-atas Bill ini.

Mr Speaker: Sabar-lah.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ini-lah Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai suatu contoh. Kalau kita benar² merasa insaf pada kedudukan bumiputra kita ini—saperti saya katakan tadi, ke-rendahan dalam pelajaran dan ekonomi—jangan kita kira sangat pembantuan itu dari mana dan macham apa bantuan itu timbul kita mesti-lah terima dengan tangan yang terbuka.

Dan pada hari ini kita akan mendengar sokongan yang penoh daripada pehak PAS terutama-nya yang mewakili konon-nya sa-bahagian daripada bumiputra dan ini-lah sahaja—saya ulangi—ini-lah sahaja Rang Undang² yang, kalau kita luluskan pada hari ini dalam Dewan ini, akan menjadi ubat yang paling baik dan mujarab bagi penghidupan bumiputra pada masa yang akan datang, dengan syarat bahawa semangat dan kemahuan itu mesti kita tanamkan di-satiap kita, ta’kira sama ada mereka itu dari UMNO, dari Perikatan, dari PAS, dari siapa² pun, hendak-lah mereka membangunkan semangat kapada ra’ayat ini supaya mereka dapat menumpukan harapan benar² kapada Kerajaan dengan MARA-nya yang hendak membawa bumiputra itu sa-taraf dengan warga negara Malaysia yang bukan bumiputra, yang telah maju di-dalam perekonomian mereka itu. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di-dalam per-

bahathan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ia-itu Rang Undang² yang bersangkutan-paut dengan Majlis Amanah Ra’ayat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-sebutkan tadi oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa sanya ada-lah Rang Undang² ini ia-lah sa-bagai satu hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputra yang telah di-adakan dalam bulan Jun tahun ini. Mengikut ingatan saya sa-hingga sampai sekarang . . .

Tun Haji Abdul Razak: Untuk penerangan. Saya suka hendak terangkan berkenaan dengan Rang Undang² ini. Undang² ini ia-lah berchita² dan hasrat daripada Kerajaan Perikatan yang telah di-persetujukan oleh Kongres.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua ada-lah Kongres Ekonomi Bumiputra Rang telah di-adakan dalam bulan Jun dahulu orang² yang telah di-jemput untuk menghadhiri dan mengambil bahagian perbahathan tentang ekonomi bumiputra, semua-nya wakil² itu terkandung daripada orang² Melayu sahaja dan tidak-lah terkandung daripada orang² yang bukan daripada orang Melayu.

Di-dalam dua tiga hari meshuarat Kongres yang tersebut, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh wakil dari Hilir Perak—tidak sadikit ayer mata yang telah di-chuchorkan oleh wakil² yang telah mengambil bahagian di-dalam perbahathan Kongres Ekonomi Bumiputra yang tersebut. Kechuchoran ayer mata mereka itu ia-lah kerana kedudukan ekonomi bumiputra sangat² rumit dan sangat² sedeh dan sangat² burok, tetapi hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputra yang tersebut, tiga empat keputusan telah di-ambil sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ia-itu Bank Bumiputra, Lembaga Pemasaran, Sharikat National Corporation dan MARA. Ini ia-lah sa-tengah daripada keputusan yang telah di-ambil dan yang dapat di-hasilkan daripada Persidangan Kongres Bumiputra tersebut, tetapi tujuan Kerajaan nampak-nya sekarang ini

sudah terpesong daripada keputusan yang telah di-putuskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputra, bahkan nama² yang telah di-berikan kepada Bank Bumiputra dan lain² lagi ia-lah nama ini nama yang misleading, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi. Nama ini chuma nama “menipu ra’ayat”, kerana Bank Bumiputra ini, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bukan-lah sahaja akan memperbaiki nasib bumiputra, bahkan akan memperbaiki juga nasib orang² yang bukan terdiri daripada bumiputra. Kalau begitu, apa-kah guna-nya nama bumiputra di-jadikan sa-bagai nama Bank ini. Namakan Bank Ra’ayat.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Bank ini akan di-punyai oleh bumiputra, ia-itu share²-nya hanya-lah di-benarkan untuk di-beli oleh bumiputra, akan tetapi sa-bagai sa-buah bank yang hendak menjalankan perniagaan, mustahak-lah bank ini membukakan perniagaan-nya kepada semua pihak, kalau tidak, bank ini tidak boleh berjalan. Bank bukan boleh meninggikan taraf hidup ra’ayat dengan sa-mata² berjalan sa-bagai bank; bank hanya-lah memberi pertolongan pinjaman wang dan bank mustahak menjalankan perniagaan² juga, kalau tidak bank ini tentu tidak boleh maju. Saya fikir dalam soal masaalah iktisad ini, saya harap, Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah kita hendak memainkan sentiment. Memainkan sentiment ka-mana pun kita ta’ boleh jadi. Ini ada-lah soal iktisad, bukan soal sentiment.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kaseh. Dari sini dapat-lah kita satu penjelasan yang terang bahawa sanya bumiputra ini bukan-lah untuk bumiputra sahaja, bahkan untuk sakalian ra’ayat. Kalau begitu nama yang di-sebutkan bumiputra itu “misleading”.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya teruskan perbahathan saya di-atas Bill ini, suka-lah saya sebutkan sedikit, kenapa-kah dan sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa

sanya MARA ini akan mengambil tempat RIDA yang telah bankrupt dan yang telah gagal di-dalam sakalian pekerjaan²-nya.

Dato’ Haji Sardon bin Haji Jubir: Untuk penerangan. Belum ada saya dengar yang RIDA ini di-bawa ka-Mahkamah kerana bankrupt. Perkataan bankrupt itu ma’ana-nya sudah ta’ berniaga lagi—di-gulong. Mahkamah tidak mengeluarkan order dalam perkara itu, saya minta-lah di-tarek balek perkataan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya harap

Mr Speaker: Bila Ahli Yang Berhormat menggunakan perbahathan, jangan-lah gunakan perkataan yang kasar, macham bankrupt begitu bagini, sebutkan-lah lain sedikit, tetapi ma’ana-nya sa-rupa sahaja, tetapi boleh berchakap.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Speaker, saya fikir perkataan bankrupt itu bukan-lah kasar, dan perkataan misleading itu pun bukan kasar. Itu memang perkataan yang digunakan di-dalam perbahathan di-dalam Rumah yang mulia ini.

Dato’ Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Speaker, saya minta penjelasan. Perkataan bankrupt itu, kalau di-reportkan, berma’ana RIDA hari ini tidak menyempurnakan segala tanggungjawab dan hutang² yang belum di-bayar boleh di-tuntut di-Mahkamah, sebab itu saya minta Yang Berhormat itu tolong berikan keterangan dan kalau itu-lah tujuan-nya—tarek balek-lah—ma’ana-nya boleh jadi rugi; itu lain kesah-nya. Bankrupt itu ada ma’ana. Sa-bagai sa-orang loyar, saya juga tahu apa ma’ana bankrupt.

Tuan Speaker: Jadi, tarek balek!

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi penjelasan sedikit. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan itu sa-orang Melayu yang chukup faham ma’ana bankrupt, di-sisi orang Melayu tidak-lah berbangkit soal legal dan lain² lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah Majlis MARA ini atau pun Majlis Amanah

Ra'ayat akan mengambil tempat yang telah di-duduki oleh almarhum RIDA! RIDA telah gagal, sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Di-dalam ranchangan²-nya yang telah memakan wang berpuluh² juta ringgit, kamana-kah pergi Rubber Processing Plant yang sa-puluh buah yang telah di-dirikan oleh RIDA, di-sekitar Tanah Melayu kita ini. Mengikut keterangan *Utusan Melayu* yang telah di-laporkan—satu berita atau pun kenyataan yang telah di-buat oleh sa-orang pegawai MARA di-Johor, bahawasa semua kilang² Processing of Plant ini semua akan di-tutup kerana gagal. Bukan sa-takat itu kegagalan RIDA, bahkan mana-kah pergi-nya kilang² belachan, kilang² tali sabut dan banyak-lah perkara yang lain² yang ta' usah-lah saya sebutkan di-sini. Tetapi ini satu hakikat yang tidak dapat di-nafikan oleh pihak Kerajaan. Maka sebab itu-lah Kerajaan telah memikirkan bahawa RIDA ini tidak dapat menjalankan tugas²-nya, oleh sebab yang demikian, hendak di-kuborkan.

Di-dalam kenyataan yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, berkata: bahawa RIDA ini ia-lah satu susunan bentok pertubohan yang telah di-buat dan di-dirikan oleh Inggeris pada tahun 1953 lagi. Maka oleh sebab yang demikian, bentok itu tidak lagi berguna kapada kita yang telah mencapai kemerdekaan. Tetapi di-sini suka-lah saya hendak bertanya kapada Yang Berhormat Menteri—kenapa-kah, kalau Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa RIDA ini tidak berguna lagi kerana kita telah mencapai kemerdekaan dan ada-lah bentok RIDA ini ia-lah bentok imperialis, kenapa tidak di-bubarkan RIDA ini sa-menjak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu? Kenapa di-biarkan RIDA ini berjalan dan memakan wang berpuluh² juta ringgit dengan begitu sahaja. Hingga sampai pada hari ini sahaja, baharu Bill ini hendak di-kemukakan untuk di-perbaiki keadaan yang burok ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang Parti PAS menyokong apa juga langkah yang di-buat oleh pihak Kerajaan, untuk hendak memperbaiki kedudukan eko-

nomi, mahu pun politik bagi bumi-putra—di-ketika mana juga dan di-masa mana juga dan di-tempat mana juga—ini pendirian PAS. Saya harap kapada pihak Kerajaan tidak lagi meragu² memahami di-atas pendirian Parti Islam Setanah Melayu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan hendak melancarkan Bill ini, saya pinta daripada Kerajaan, dengan ikhlas mengkaji sebab² yang telah menggagalkan RIDA. Kerana kalau chuma Kerajaan hendak melancarkan dengan pertubohan yang baharu ini, dengan tidak mengkaji penyakit² yang telah membawa kapada maut RIDA yang tersebut, penyakit² itu akan berulang balek di-masa yang akan datang yang akan menyebabkan MARA pun maut pula sa-bagaimana RIDA. Penyakit² RIDA sangat banyak. Saya yakin Kerajaan sendiri telah ketahu² dengan jelas-nya penyakit² ini. Saya merasa, sa-patut-nya, sa-belum Kerajaan membentangkan Bill ini di-dalam rumah yang mulia ini, lebeh baik bagi pihak Kerajaan mendirikan satu *commission* untuk mengkaji penyakit² dan segala sebab² yang telah meruntuhkan RIDA itu. Sa-telah *commission* ini mengkaji penyakit², kesalahan² dan kelemahan² RIDA tadi, maka dapat-lah Kerajaan membuat ubat, tindakan, untuk mengatasi penyakit² yang tersebut. Tidak-lah berguna, Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan satu pertubohan demi satu pertubohan, kerana hak dahulu gagal, kita adakan yang ka-dua—gagal, dirikan yang ka-tiga dengan tidak di-kaji sebab² yang menggagalkan-nya.

Satu daripada perkara yang terbesar sa-kali yang saya sebut, ada dua tiga perkara yang saya suka menyampaikan kapada yang terhormat Timbalan Perdana Menteri, ekonomi di-dalam negeri kita ini ia-lah capitalistic ekonomi, atau *laissez faire* economy. Dan Timbalan Perdana Menteri kita pun telah sebutkan kita tidak dapat mengubah keadaan ekonomi yang bagini. Kalau begitu, timbul satu soal: kalau satu kontrekter orang Melayu—ini telah berlaku—telah dapat kontrek daripada Kerajaan, katakan-lah building contractor, sa-telah Kerajaan terima tender-nya, dia terus pergi hendak menyewa perkakas², seperti simen

mixture-kah, dan lain² lagi, untuk hendak menjalankan tugas-nya—ini telah berlaku yang saya sebutkan tadi, tiba² pehak capitalist tidak mahu menyewakan simen mixture dan equipment² yang lain lagi kepada orang Melayu ini. Apa tindakan MARA boleh buat untuk mengubati penyakit ini. Ini satu. Yang ka-dua—ini berlaku di-Kelantan: satu *contractor* orang Melayu telah dapat *contract* daripada pehak Kerajaan untuk mendirikan bangunan sekolah. Satu daripada syarat di-dalam *contract* itu ada-lah, kayu² yang hendak di-gunakan untuk bangunan tersebut mesti-lah *tanalised timber*—ia-itu kayu yang di-buat dengan ubat. Apabila *contractor* orang Melayu ini telah dapat itu *contract* pada-nya dan melihat bahawa kayu² itu mesti-lah kayu *tanalised*, dia pun pergi-lah kepada satu *factory* orang yang bukan Melayu yang membuat *tanalised timber*, hendak beli kayu itu. Orang bukan Melayu ini tidak mahu jual *tanalised timber* ini. Apa-kah tindakan pehak MARA boleh mengambil? Atau pun orang Melayu yang hendak menjualkan ikan mereka itu di-market High Street, hendak minta dua atau tiga gerai kerana hendak menjual ikan di-market di-situ, dan orang di-situ tidak memberikan orang Melayu ini, tidak memberikan gerai² mereka kepada orang² Melayu, apa-kah tindakan Kerajaan yang dapat di-buat untuk mengatasi *racket* ini?

Saya harap di-dalam penjelasan dan jawapan daripada pehak Menteri, dapat menerangkan di-atas kelemahan² ini. Saya suka hendak mengetahui, adakah MARA ini mempunyai kuat-kuasa yang dapat mengatasi kerumitan² yang saya sebutkan satu persatu? Bahkan ada satu case di-Kuala Lumpur ini, satu Orang Melayu, *contractor* bumiputra, telah dapat *contract* untuk memberi makanan masak kepada Pejabat Pertahanan—ini saya dengar; sama ada betul atau tidak, ini saya tidak tahu, tetapi yang mana saya sebutkan di-Kelantan tadi, ini perkara fact, perkara yang telah berlaku. Apabila *contract* ini telah dapat kepada orang bumiputra, untuk menyediakan makanan² masak, orang² yang bukan Melayu ini tidak mahu jual lagi daging² kepada

orang ini. *Contractor* bumiputra ini tidak dapat memberi makanan² seperti mana yang di-sharatkan; akhir-nya dia terpaksa potong ayam, dia telah rugi-bankrupt. Ini-lah kelemahan² yang saya harap apabila Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi jawapan, dapat di-tegaskan, dapat diterangkan dengan jelas-nya, satu persatu, apa-kah dan apa-kah kekuatan yang boleh MARA ini dapat menggunakan untuk mengatasi kerumitan² yang tersebut.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya sebutkan lagi perkara² yang telah menyebabkan kekechiwaan RIDA yang dahulu, lebeh² lagi di-dalam segi hutang. Saya telah berulang² kali berchakap di-dalam Dewan yang mulia ini, menerangkan bahawasa-nya pekerjaan yang di-jalankan oleh RIDA untuk hendak menimbangkan satu hutang sangat-lah lambat, memakan masa lebeh daripada 7, 8 bulan—ada perkara yang lebeh daripada satu tahun. Ini satu perkara yang mesti di-atasi, kalau sa-kira-nya Kerajaan betul² berchadang hendak memajukan MARA, hendak menolong ra'ayat jelata di-kampung², permohonan buat hutang ini hendak-lah di-segerakan dengan sa-berapa yang dapat—jangan-lah perektik melalui daripada satu pegawai kapada satu pegawai yang akan memakan masa yang berpuluh² bulan lama-nya, kerana ini akan mengechiwakan perniagaan orang yang berhajatkan kapada wang yang besar itu. Ini satu perkara.

Perkara yang kedua: kalau hutang itu di-pinta sa-banyak \$10,000 maka selalu-nya-lah hutang yang di-beri itu chuma \$1,000 atau \$2,000 sahaja. Kalau bagini-lah banyak-nya hutang yang di-berikan kapada orang yang memohon \$10,000 itu, tidak-lah dapat ia hendak memperbaiki ekonomi yang dia berchadang hendak memperbaiki, bahkan \$2,000 untuk menampungkan keadaan yang burok pun tidak dapat menampungkan. Kalau begitu tidak-lah guna di-beri pertolongan sa-banyak \$1,000 atau \$2,000. Saya harap Timbalan Perdana Menteri akan mengambil tindakan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi pula, sayugia-lah pehak MARA ini mengadakan Bahagian Teknik (Technical

Section). Kerana ada juga orang² Melayu, orang² bumiputera, yang mempunyai kebolehan untuk membuat jentera² yang dapat memperbaiki *production* barang² di-kampung². Ada satu perkara yang saya telah sampaikan kepada Ketua, Pejabat RIDA, di-Kelantan, ia-itu sa-orang Melayu di-dalam kawasan saya, orang ini dahulu-nya telah membuat satu jentera yang dapat memperbaiki keluaran tali sabut yang begitu baik jentera-nya maka pehak MARA telah terima jentera itu, dan *patent* jentera itu telah di-ambil oleh MARA dengan di-bayar sugu hati dengan bayaran yang paling sedikit sa-kali. Orang ini pula telah membuat satu jentera untuk hendak mengeluarkan sabut dengan banyak dan lebih senang daripada perut² sabut. Tetapi kerana jentera ini baharu di-dalam langkah yang awal, kerana beliau tidak ada mempunyai wang ringgit untuk hendak membeli perkakas² yang mustahak, untuk membuat jentera yang tersebut, maka dia telah datang kepada saya supaya saya dapat berurusan dengan pegawai RIDA di-Kelantan di-sana. Saya telah mengambil langkah ini dan telah berulang² kali berjumpa dengan pegawai yang tersebut, tetapi jawapannya MARA atau RIDA ketika itu belum ada Technical Section dan orang yang mempunyai kelayakan yang dapat mengkaji dengan sa-dalam-nya jentera yang telah di-buat oleh orang yang tersebut tadi.

Oleh sebab yang demikian saya pinta-lah kepada Timbalan Perdana Menteri menchatetkan perkara itu juga, kerana kalau sa-kira-nya MARA ada mempunyai Technical Section di-dalam bahagian ini, maka dapat-lah mengembangkan pengetahuan² orang² kampung untuk membuat jentera² kecil bagi *Cottage Industry* atau Perusahaan² di-kampung².

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan—perkara chagaran yang di-kenakan di-atas hutang² yang di-kenakan di-atas pemohon² hutang, jangan-lah di-ketatkan sangat hingga sampai orang² itu tidak dapat lagi menunaikan syarat² yang tersebut. Kerana ini akan *defeat the very purpose for which this Bill is intended*, ia-itu kalau kita menyusahkan

syarat² itu kita perketatkan syarat² kepada orang² yang hendak berhutang, maka itu dengan sendiri-nya telah merosakkan, memusnahkan tujuan yang baik yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini. Hendak-lah di-longgarkan sedikit. Bukan-lah maksud saya hendak di-longgarkan, hendak di-beri sahaja dengan tidak mempunyai chagaran—tidak; dengan chagaran, tetapi dengan syarat² yang berpatutan, kerana dengan yang demikian sahaja-lah baharu dapat orang² kampung itu menerima hutang² yang dapat memperbaiki dan memajukan perusahaan dan perniagaan mereka.

Sa-belum saya berhenti daripada perbahathan saya ini, saya harap Timbalan Perdana Menteri jalankan-lah MARA ini dengan chukup semangat; jangan-lah kita, lagu mana orang tua² kata, “Menang bersorak, alah bersabong”, bahkan kenyataan yang telah di-keluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bahawasa-nya ada-lah MARA ini, ra’ayat ini, dan segala bumiputera, dan ini, dan itu, bukan-lah untuk kebaikan orang Melayu sahaja, bukan-lah untuk memperbaiki nasib bumiputera sahaja, bahkan untuk sakalian bangsa di-dalam tanah ayer kita ini. Ini menunjukkan bahawasa-nya UMNO telah di-masukkan ka-dalam poket MCA (*Ketawa*).

Mr Speaker: Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4 petang.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE MAJLIS AMANAH RA'AYAT BILL

Second Reading

Debate resumed.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mengambil kesempatan turut serta dalam per-binchangan Rang Undang² MARA atau Majlis Amanah Ra'ayat Bumiputra ini. Pehak Kerajaan patut-lah di-beri sa-kalong bunga raya di-atas *initiative* mengemukakan Rang Undang² ini yang akan melancarkan MARA

sa-bagai suatu alat yang *effective*—yang berkesan—bagi pembangunan ekonomi luar bandar. Langkah ini telah lama di-nanti²kan oleh ra'ayat Malaysia, terutama ra'ayat luar bandar, terutama bagi ra'ayat bumiputra. Dan saya merasa, Tuan Yang di-Pertua, alu²an ini patut-nya datang lebeh besar dan lebeh meriah daripada gulongan ra'ayat yang bukan Melayu. Ra'ayat gulongan yang bukan Melayu patut-lah bersama² mengalu²kan dengan sa-penoh² hati akan Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat Bumiputra ini. Sekarang, ini-lah satu daripada faktor yang besar yang akan menchiptakan perimbangan ekonomi dalam negara kita ini.

Pada masa² yang akhir² ini, Tuan Yang di-Pertua, udara tanah ayer kita ini agak kelim sadikit dengan kechoh, dan kekechohan tentang bahasa dan tentang bahasa kebangsaan. Saya merasa, dalam sa-buah negara sa-bagai Malaysia ini, titek-berat bukan untok kita melahirkan perselisihan² yang ada, dalam segi bahasa, titek-berat harus kita tetapkan pada bahasa sa-bagai suatu faktor penchantum, sa-bagai satu faktor yang membawa perpaduan. Sa-takat itu. Barangkali jika di-bawa terlalu jauh soal bahasa lebeh daripada itu akan menimbulkan segala per-bezaan dan segala tuntutan yang bukan², dan ini akan membawa kapada perpechahan. Tetapi perkara yang harus di-titek-beratkan dan diberi keutamaan lebeh khas di-Malaysia sa-bagai sa-buah negara ia-lah soal pembangunan luar bandar soal meng-adakan perimbangan antara orang luar bandar dengan dalam bandar. Ini satu *problem* ekonomi yang paling besar dan kalau tidak di-usahakan mengubati-nya maka ini akan menjadi bisul yang akan meletus yang akan merosakkan, yang akan menjahanamkan dan menenggelamkan tanah ayer kita.

Barhu² ini kita dengar slogan yang di-bawa oleh sa-tengah orang yang gilakan kuasa, yang gilakan kapada pengaruh politik—slogan Malaysia Malaysian yang di-bawa ka-dalam arena politik tanah ayer kita ini. Kapada orang politik, kapada pen-juang politik yang faham dan tahu akan ABC politik, yang ada di-

Malaysia ini, yang siuman pemikiran politik-nya, tentu soal ini tidak akan di-utarakan, kerana soal ini—Malaysia Malaysian—membawa di-dalam-nya rasa kebencian terhadap satu gulongan, ia-itu gulongan Melayu dan gulongan bumiputra—ini satu perkara yang sangat merbahaya. Yang kita mahu, di-dalam membentok negara Malaysia yang kita kasehi ini, bukan menimbulkan perkara² yang saperti ini. Yang kita mahu ia-lah hendak-lah kita adakan perseimbangan antara orang Melayu dan bumiputra dengan orang yang bukan Melayu. Kalau segala parti politik membawa programme² yang sunggo², yang serious, yang dapat memberi jawapan kapada chabaran politik yang ada di-tanah ayer kita ini, ia-itu soal meng-adakan perseimbangan ekonomi antara orang Melayu dan bumiputra dengan orang² yang bukan Melayu, yang mewah dengan ekonomi-nya itu, barangkali akan lebeh banyak kebajikan yang dapat kita chapai dalam tanah ayer kita. Tetapi membawa soal Malaysia Malaysian, soal bahasa, soal kebudayaan, banyak membawa anasir² perpechahan. Kita hanya boleh, saperti saya katakan pada mula² tadi, kita boleh membawa soal bahasa sa-bagai soal perpaduan. Soal kebudayaan sa-bagai soal perpaduan dan tidak lebeh daripada itu. Kemudian kita elakkan, kita arahkan haluan perjuangan kita bagaimana chara hendak menutup jurang yang mencheraiakan atau memisahkan antara gulongan orang² di-luar bandar yang kebanyakan-nya orang bumiputra dan gulongan orang dalam bandar yang kebanyakan-nya orang yang bukan Melayu atau yang bukan bumiputra: ini dia chabaran. Kalau kita lihat dalam segala programme parti² politik, baik pun PAP yang sekarang telah ini bercherai dengan kita, hanya ada di-Singapura, baik pun Socialist Front, baik pun UDP, baik pun PPP—tidak ada satu jawapan kapada persoalan ini, programme yang betul² berupa jawapan kapada soal perseimbangan ekonomi antara orang yang tidak berada di-luar bandar dengan orang yang berada, yang mewah, yang ada dalam bandar. Ini chabaran yang sa-benar-nya, yang harus di-jawab oleh parti² politik yang

menjadi pembangkang. Hanya Perikatan dan parti Perikatan yang ada programme yang terang, yang baik dalam menjawab soal ini. Dan MARA atau Majlis Amanah Ra'ayat ia-lah sa-bahagian daripada programme atau rancangan bagi menjawab chabaran yang ada ia-itu untuk menutup jurang yang memisahkan gulongan yang tidak berada dengan gulongan yang berada, gulongan luar bandar dengan gulongan dalam bandar.

Saya pernah menatapi satu laporan hasil penyiasatan daripada suatu Jawatan-kuasa Penyiasat yang ditubuhkan oleh Kerajaan, lima enam tahun yang lalu—jawatan-kuasa Penyiasat tentang penyertaan orang Melayu dalam ekonomi, yang Pengerusi-nya pada masa itu, kalau tidak salah ingatan saya, ia-lah Dato' Ahmad Perang. Dalam Penyata itu, bila di-siasat berapa banyak-kah modal orang Melayu—masa itu di-Tanah Melayu sahaja yang ada dalam bidang perdagangan di-Tanah Melayu ini—tidak lebeh daripada satu peratus daripada keseluruhan modal—satu peratus bukan 10 peratus. Saya tidak tahu-lah sekarang semenjak empat lima tahun yang akhir ini peratus-nya naik atau tidak, kalau naik pun hanya dua tiga peratus. Katakan sekarang lima peratus modal penyertaan orang² Melayu dalam bidang perniagaan. Ini perkara yang menchuchorkan ayer mata, dan ini jika di-biarkan berlanjutan, kalau tidak di-ubati, akan menjadi satu penyakit, satu bisul yang bisa yang akan membakar hati orang bumiputra, akan menanam rasa tidak senang, tidak puas hati, rasa gelisah, rasa bengkok dan akhir-nya akan berlaku-lah explosion—letupan dan letusan—yang akan menghancurkan tanah ayer ini. Maka inilah bagi mengubati perkara ini—bagi menchegeh perkara ini daripada berlaku letupan daripada meletus, maka tidak lain hendaklah perbaiki akan taraf hidup, akan usaha penyertaan bumiputra dalam lapangan ekonomi.

Barangkali dengan sebab ini-lah juga maka sekarang ini maseh di-kekalkan dalam Perlembagaan kita hak² istimewa orang Melayu yang mengandongi perkara² mengenai scho-

larship, mengenai permit lesen taxi, mengenai jawatan² dalam MCS. Ini ia-lah sa-bagai langkah supaya mengubati keadaan, ini supaya tidak timbul rasa keloh kesah, rasa kebimbangan, rasa tidak puas hati yang meluas di-kalangan orang Melayu. Maka ini, kalau dapat di-ubati dan sa-telah dapat perseimbangan yang di-katakan boleh tahan antara orang Melayu dan bumiputra luar bandar dan dengan orang yang bukan Melayu dalam bandar, saya rasa baharu-lah dapat kita melihat perlumbaan yang sa-benar-nya. Jadi tidak ada siapa, yang siuman pemikiran politik-nya dalam tanah ayer kita ini, akan menafikan tentang penting-nya bahawa orang² yang tidak berada, orang² di-luar bandar, orang² yang di-katakan gulongan orang Melayu dan bumiputra, di-bimbing tangan mereka itu, di-beri segala usaha bantuan yang dapat bagi memajukan mereka itu dalam lapangan ekonomi dan perusahaan. Dan saya rasa MARA, dengan bentok yang baharu yang ada dalam Rang Undang² ini akan dapat memberi jawapan kepada sa-bahagian daripada persoalan dalam perkara ini.

Daripada penjelasan yang di-beri tadi tentang tugas² yang akan di-jalankan oleh MARA dapat-lah di-ketahui bahawa MARA akan menitek beratkan dalam tiga lapangan, dalam perniagaan orang bumiputra, pengangkutan, dan perusahaan² yang merupakan perusahaan kecil dan perusahaan sederhana. Dan tentu-lah dalam bidang ini banyak perkara yang boleh di-buat, yang dapat di-buat yang dapat di-beri pimpinan dan dapat di-beri dorongan untuk memajukan. Tetapi timbul-lah soal pemasaran dan saya rasa sangat baik sa-kali langkah Kerajaan menjalankan dengan melancarkan MARA serentak dengan itu melancarkan Lembaga Pemasaran Persekutuan, di-samping itu pula melancarkan Bank Bumiputra. Ketiga² ini ada-lah tiga langkah yang serangkai yang tidak dapat di-pisahkan satu sama lain kerana untuk menggalakkan perusahaan sederhana atau kecil atau lain² perkara perniagaan harus ada Bank Bumiputra, kemudian itu harus pula ada lembaga pemasaran yang

akan melihat bagaimana untuk memajukan pemasaran kerana kalau tidak dapat di-usahakan pemasaran ini, disalurkan kepada pasaran yang sebenarnya maka sia² sahaja kerja ini di-jalankan. Maka dengan ketiga langkah yang besar yang serentak di-jalankan ini, maka sangat lojik bagi pehak pemerintah—bagi pehak Kerajaan Perikatan—menjalankan langkah untuk menjawab chabaran politik bagi mengadakan perseimbangan ekonomi antara gulungan bumiputra dan gulungan yang bukan bumiputra.

Satu perkara yang saya sangat bersetuju ia-lah langkah yang di-anjorkan oleh Kerajaan ini—suatu langkah untuk memimpin dan membimbing. Tetapi bagi sa-tengah gulungan ra'ayat boleh jadi ini difahamkan dengan salah faham bahawa ini satu langkah menyuapkan ka-mulut. Kalau perasaan ini merebak di-kalangan ra'ayat, maka akan sukar juga bagi kita mencapai kejayaan dengan langkah² besar untuk di-jalankan oleh Kerajaan. Saya merasa kemiskinan yang di-deritai oleh ra'ayat di-luar bandar, sa-lain daripada kemiskinan material, ada juga sedikit kemiskinan jiwa dan ini juga harus di-ubati. Kerana sa-lagi ada perasaan bergantung hanya kepada Kerajaan dan kalau Kerajaan tidak memberi, mengambil dan membuat, menyuap ka-mulut, mereka tidak akan berbuat apa². Ini kalau merebak, maka akan susah kita hendak mencapai hasil yang sa-benar. Maka saya merasa pehak Kerajaan menjalankan langkah² yang besar ini—melancharkan MARA, Bank Bumiputra dan Lembaga Pemasaran Persekutuan, saya merasa satu langkah lain patut di-lancharkan juga bagi mengubati penyakit jiwa yang ada pada sa-tengah² gulungan ra'ayat. Ini perkara sangat penting, kerana kalau sa-lagi ada sedikit rasa “jadi-lah”, sedikit² buat, “jadi-lah”, “chukup-lah”, jadi kalau perasaan “jadi-lah” dan semangat “jadi-lah” dan “ta’ apa-lah” ini maseh berakar berumbi pada sa-tengah² gulungan ra'ayat, maka bagaimana mereka itu hendak bergerak dengan lancar bagi menyambut initiative pemerintah dan menjalankan langkah² tegas untuk membaiki eko-

nomi ra'ayat bumiputra. Maka langkah untuk menghapuskan semangat “jadi-lah”, “ta’ apa-lah”, “nanti-lah” dan sa-bagai-nya itu harus di-jalankan bersama².

Pada hemat saya, suatu ubat yang boleh, saya rasa, agak berkesan bagi orang² Melayu yang kebanyakan-nya beragama Islam untuk mengubati penyakit ini ia-lah menerusi pimpinan agama, menerusi ajaran agama, menerusi semangat yang di-tanam oleh Ketua² agama di-tempat masing². Kerana Islam sa-bagai satu agama yang memang menyuroh pemelok-nya berusaha kerana firman Tuhan, yang maksud-nya. “Tuhan tidak mengubah nasib satu kaum itu kalau kaum itu tidak mengubah nasib-nya sendiri”. Ini semangat harus di-tanam, harus di-siram, harus di-pam dengan sa-kuat²-nya ka-dalam jiwa seluroh orang Melayu. Dan saya rasa Kelas² Dewasa Uagama yang sedang berjalan dengan lancar-nya di-seluroh Malaysia ini, patut-lah membanyakkan asohan dan ajaran dari segi menanamkan semangat bergantung kepada diri sendiri dan berusaha sendiri. Sa-lain daripada itu suatu kempen memugar semangat harus di-jalankan serentak, di-seluroh Malaysia, serentak dengan langkah² yang ada ini untuk menaikkan semangat, untuk memuleh semangat, untuk menguatkan semangat, untuk menyalakan semangat, bekerja dan bergantung kepada diri sendiri.

Tetapi yang saya naik hairan sa-kali, yang kita semua mengaku akan faedah yang besar daripada ajaran Mata Pelajaran Uagama di-Kelas² Dewasa, sa-buah negeri yang menolak untuk di-adakan Kelas² Dewasa Uagama, ini, yang aneh-nya dan yang ganjil-nya sa-kali ia-lah Kelantan. Negeri yang patut mula² sa-kali mengalu²kan langkah ini, negeri itu-lah yang mula² sa-kali menolak di-adakan Mata Pelajaran Uagama di-Kelas² Dewasa.

Tadi kita mendengar Ahli dari Kelantan Hilir berchakap dengan penoh emosi hentam kiri hentam kanan dan saya hairan sa-kali melihat telatah rakan² daripada PAS ini berchakap. Saya rasa pessimistic, tidak ada harapan-lah kerana mereka selalu

“approach” satu benda dari segi negative, maki hamun, chela, menidakkan—itu sahaja, tidak ada dari segi positive, bagaimana kita mengharapkan mereka boleh memberi sumbangan yang bererti kalau hanya segi negative sahaja yang menjadi matalamat sapanjang perjuangan mereka itu. Salahkan konterekter di-Kelantan kerana konterekter Melayu di-Kelantan ta’ dapat beli kayu daripada saudagar China. Habis apa yang Kerajaan Kelantan tolong buat dalam perkara ini? Ta’ ada buat apa²-kah? Datang ka-mari memuntahkan protest atau kata nesta dalam Dewan ini, tetapi apakah sa-belum datang memuntahkan protest dan kata nesta itu apa-kah yang telah di-buat sedikit di-Kelantan didalam lengkongan Kerajaan Kelantan, Kerajaan PAS di-Kelantan.

Ini-lah chara sa-lama-nya mereka itu menghadapi persoalan² negara. Saya harap sa-telah begitu lama kita merdeka, sa-telah begitu banyak pengalaman yang kita tempoh, saya fikir pehak PAS akan mengubah sikap, tetapi dukachita pada hari ini sendiri bokti tentang mereka tidak berubah lagi itu maseh ada dan maseh terpampang.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya bahawa Rang Undang² ini pada keselurohan-nya di-terima dan di-alu²kan oleh Dewan ini dan saya berharap dan suara ra’ayat berharap, bahawa pelaksanaan daripada ranchangan ini akan di-jalankan dengan sa-baik²-nya, sa-penoh²-nya pada masa pelaksanaan itu di-langsungkan kelak. Terima kaseh.

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin tuan hendak turut berchakap sedikit sahaja sa-beberapa rengkas berkenaan dengan Bill Majlis Amanah Ra’ayat yang di-kemukakan di-hadapan kita ini. Sa-belum daripada saya kata sa-patah dua, saya suka-lah hendak membetulkan kenyataan yang di-buat oleh sahabat saya di-sabelah kiri ini yang mengatakan Parti PAS ini selalu mengambil “*angle negative*” sahaja, tidak positive. Jadi erti-nya tidak hasil sa-suatu. Yang sa-benar-nya kami pun “*very productive*” juga dalam masaalah² yang sa-macham

ini, menghasilkan juga, bukan-lah tidak menghasilkan langsung. Chuma menghukumkan, menghasilkan atau pun tidak ini ada-lah sa-mata² pandangan *is a matter of opinion*. Jadi ta’ dapat-lah kita hendak menerima dengan bulat-nya begitu. Chuma Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati ucapan yang di-buat-nya mengenai saya macham Hitler bersharah kapada ra’ayat dan tentera²-nya waktu hendak kalah perang dahulu. Jadi chukup tertarek kapada ra’ayat² yang sudah kalah ia-itu penduduk² di-luar bandar yang sudah miskin akibat daripada Kerajaan Perikatan memerintah. Jadi di-waktu ini-lah baharu . .

Enche’ Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan yang di-alami oleh ra’ayat bukan di-sebabkan oleh Kerajaan Perikatan. Ini ia-lah pesaka daripada penjajahan Inggeris sa-lama beratus tahun. Biar-lah dia bacha ABC politik-nya dengan betul.

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Kerajaan Perikatan pun dan waktu hendak memerintah itu dia berkira dengan penjajah juga. Jadi remainder itu, saki baki 50-50 itu ada lagi. Bukan ta’ ada lagi, ta’ boleh nafi itu semua-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masok-lah ia-itu saya hendak menegor sedikit sahaja. Saya lebeh suka-lah berchakap kapada Timbalan Perdana Menteri ini, dia bagus sedikit sekarang ini daripada back-benchers ia-itu Clause Nombor 2 yang menerangkan ta’arif². Di-sini ada beberapa perkataan di-sini “*appointed day*” sampai-lah kapada Minister di-sini. Saya ta’ dapat di-sini perkataan bumiputra. Jadi hendak memperjuangkan Bill ini kerana hendak membela bumiputra, tentu-lah susah hendak di-chuchokkan, hendak di-sesuaikan dengan orang yang kita hendak bela itu. Mithal-nya sa-bagai peguam, sahabat saya Menteri Pengangkutan sa-bagai peguam, sa-bagai loyar, dia hendak membela satu orang, tetapi, orang itu ta’ tahu siapa dia-nya. Jadi dia hendak bela dalam Mahkamah ta’ boleh juga. Jadi Kerajaan hendak membela bumiputra, tetapi ta’arif bumiputra-nya tidak di-masokkan di-sini, maka susah-lah kita hendak

menyukat, ada-kah Bill ini dapat melaksanakan chita² yang di-katakan chita² baik itu. Saya Tuan Yang di-Pertua, tidak membahath dari segi niat Kerajaan Perikatan, sebab niat itu terkadang²-nya—ma'afkan saya—kita hendak kahwin dengan anak Tuan Puteri pun boleh tetapi niat sahaja ta' sampai hendak melaksanakan itu. Jadi Kerajaan Perikatan ini hendak membela bumiputra, tetapi bumiputra tidak di-ta'ariffkan oleh kerana ketinggalan atau pun sebab sa-suatu, maka saya akan terangkan di-dalam Clause yang akan datang.

Tetapi saya pandang amat-lah cha-chat tidak di-masokkan ta'arif sedangkan perkataan² yang lain itu mengikut formality-nya di-masokkan, di-berikan ta'arif, tetapi satu perkara yang bukan formality ini—bumiputra—yang patut menjadi usol yang besar dalam Bill ini, perkara itu di-tinggalkan. Apa-kah ini dengan sengaja atau pun tidak, maka saya menunggu-lah Menteri kita menjawab nanti.

Tuan Yang di-Pertua, tugas yang besar atau pun pati daripada kerja² MARA atau pun essence-nya boleh-lah kita petek daripada keterangan tadi, ia-itu yang pertama hendak memberi latehan, sama ada dalam perniagaan, pinjaman wang dan nasihat, dan yang kedua, perusahaan dan yang ketiga, pengangkutan. Jadi tugas² atau activity, kechergasan, yang akan di-lakukan oleh MARA ini sa-bahagian besar-nya akan berpusat di-sekitar perkara² yang tiga ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila di-kemukakan tugas² baharu di-dalam MARA, yang MARA itu mengganti RIDA, maka sapatut-nyalah Kerajaan bermurah hati sedikit ia-itu mencheritakan di-mana burok-nya MARA itu, sa-lain daripada membuat satu kenyataan umum mengatakan RIDA itu tidak boleh pakai, di-mana yang tidak boleh di-pakai? Adakah dari segi tiga perkara ini, maka RIDA itu tidak boleh di-pakai atau MARA hendak di-pakai, di-masokkan tiga perkara ini tidak dapat-lah di-ketahui, kerana tidak di-beri langsung penerangan yang sa-macham itu. Apa yang ada, Menteri kita ketika mengemukakan Bil ini melepaskan satu kenyataan bahawa beliau sendiri sudah

tidak perchaya lagi kepada RIDA. Dan RIDA ini satu kerja yang gagal daripada mula-kah, pertengahan-kah atau sa-sudah-kah? Tidak di-sebutkan. Maka nyata-lah RIDA itu gagal dan hendak di-gantikan dengan MARA yang saya pandang pun, Tuan Yang di-Pertua, akan gagal juga dari segi perlaksanaan-nya.

Jadi yang pertama-nya saya telah tunjukkan Kerajaan Perikatan tidak mahu tegas, tidak mahu *frank* mencheritakan betul². Adakah Bil ini betul² untuk hendak membela bumiputra? Dan kalau betul, mengapa tidak di-masokkan ta'arif bumiputra ini? Dan kalau kita tengok clause² yang lain, kita dapati tugas² tambahan bagi Majlis Amanah Ra'ayat ini atau bagi MARA ini tidak juga mengkhususkan diri-nya dan kechergasan-nya untuk membela bumiputra. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, ada sa-suatu disabalek itu, yang akhir-nya akan menggagalkan juga pelaksanaan MARA itu. Bukan-lah saya hendak menegor dari segi niat Kerajaan hendak membuat baik begitu bagini, tetapi dari segi renchana amalan-nya dan dari segi beberapa sebab yang Kerajaan menyembunyikan, bukan sahaja daripada ra'ayat, tetapi menyembunyikan daripada Ahli² Dewan ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua sendiri bersetuju dengan saya sebab itu saya akan cheritakan benda, ini, orang lain tidak mengapa-lah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang di-sembojikan perkara ini begini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu UMNO ini dapat nasib baik juga dalam Kerajaan Perikatan ini sebab Menteri²-nya banyak terdiri daripada orang UMNO, tetapi UMNO ini berkahwin banyak ia-itu bersuami banyak, kalau beristeri banyak mudah, tetapi dia bersuami banyak! Bersuamikan M.C.A., M.I.C. jadi dia hendak membuat satu² benda—dia hendak menolong anak ini, anak Melayu, anak bumiputra dengan yang bukan Melayu yang di-namakan bumiputra, dia hendak mencheritakan betul² dalam Bil ini, dia takut yang suami yang satu marah, yang suami yang kedua pun marah. Kalau begitu di-putar²kan

jadi Majlis Amanah Ra'ayat. Tidak peduli-lah siapa-kah bumiputra-kah, bukan bumiputra-kah, warga-negara-kah, ta' warga-negara-kah, termasuk juga di-bawah ra'ayat yang boleh hidup di-sini. Jadi ini sa-mata² hendak mengelakkan sahabat-nya sendiri daripada berkata hendak membela orang Melayu takut di-tuduh perkauman. Jadi ini ta' kan-lah orang M.C.A., tidak dapat hendak *detect* perkara² yang kecil yang sa-macam ini. Jadi perkara ini tidak *frank* macham ini saya rasa, ta' kan boleh bersembunyi. Asap tidak boleh bersembunyi, Tuan Speaker. Jadi ini-lah saya minta Menteri yang berkenaan menerangkan apa-kah MARA ini betul² di-maksudkan untuk membela bumiputra atau pun tidak? Dan yang kedua, mengapa-kah di-dalam Bil ini di-sembunyikan sangat ta'arif bumiputra itu?

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan berkenaan dengan Bil ini, banyak-lah Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Kerajaan melarikan diri daripada menyebut perkataan Melayu dan melarikan diri daripada menyebut perkataan bumiputra. Datang istilah baharu, yang bukan ahli ekonomi pun chukup pandai menggunakan ia-itu gulongan "*have not*" dengan "*have*". Amboi mak! Jadi tidak peduli, Melayu tidak peduli, bumiputra tidak peduli. Dua perkataan itu sudah menjadi satu wirid bagi orang Perikatan dalam Parliament—gulongan yang berada dengan gulongan yang tidak berada. Mengapa di-sebut sangat istilah itu?—Kata direct betul²! Melayu di-kampong² yang miskin patut di-bela tidak menjadi salah dalam ekonomi kita sebut satu sekshen yang tertentu sebab dia itu merupakan orang² "*have not*". Tetapi mengapa ahli² kita ini menyembunyikan sangat perkataan itu, menggunakan istilah itu, mesti ada sa-suatu di-sabalek-nya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apabila kita menggunakan "*have not*" dengan gulongan² orang yang "*have*" timbul-lah pula lagi satu perkataan "*gap*" ia-itu jurang di-antara orang luar bandar dengan orang² dalam bandar, mesti hendak di-samakan. Taraf pun hendak di-samakan supaya kita ada satu

bangsa yang sehat yang tidak ada berbeza² di-antara satu gulong dengan satu gulongan yang lain—tidak ada kelas². Ini mustahil—*impossible*—Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia boleh-kah sama? Masok kominis-lah Perikatan, kalau hendak sama semua—semua jadikan-lah hak, bagi sama rata. Yang kita mahu bukan hendak samakan orang² kampong dengan orang² pekan. Tetapi hendak memberi peluang kepada dia boleh hidup yang sa-padan dengan dia, bukan hendak sama. Saya bukan hendak menjadi Perdana Menteri (*Ketawa*), tetapi saya tidak mahu Perdana Menteri menyekat saya daripada saya menggunakan hak saya. Jadi itu ma'ana dia yang kita hendak chari persamaan itu.

Jadi di-dalam chara² mengemukakan Bil ini, banyak-lah orang² Perikatan menyembunyi perkara² yang sa-benar sa-hingga kepada ahli² yang ada di-dalam Dewan ini sendiri. Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya yang saya katakan tidak ikhlas—pada pandangan saya-lah—tetapi di-dalam hati saya tidak tahu-lah. Latehan berniaga, ilmu berniaga ada, Tuan Yang di-Pertua. Latehan, macham mana hendak berlateh kalau tidak berniaga? Dia tidak mahu pergi² letak sahaja di-semua kedai, ini jual tidak betul, kamu mari chuba masok sini, aku jual pada kamu masok *cheque* tetapi tidak sunggoh—geli hati perkara ini. Dia tidak mahu jadi dia mesti practise terus dan ini berhajatkan kepada modal dan saya tidak fikir apa ini Kerajaan boleh memberi modal kepada ra'ayat atau pun kepada orang² luar bandar sa-hingga daripada tiada modal kepada ada modal dan ini tidak berlaku. Kalau Kerajaan hendak bagi sakali pun *partner* dia dalam Perikatan, terutama Menteri Perdagangan dan Perusahaan, dia tidak bagi benda ini. Kenapa dia hendak beri orang Melayu dan bumiputra sahaja, sebab orang lain pun warga-negara di-sini juga.

Ada sa-tengah² Ahli Yang Berhormat di-sini tadi daripada Hilir Perak kalau di-bandingkan dengan Menteri Perdagangan ini, Tuan Yang di-Pertua, orang itu datang daripada Indonesia baharu berapa tahun dudok di-sini.

Menteri Perdagangan ini daripada kechil lagi beranak di-Taiping, erti-nya dia bumiputra, lebeh banyak daripada orang itu datang. Jadi tentu dia terasa juga di-dalam perkara ini. Apa fasal aku hendak menamakan orang ini bumiputra sedang dia mari tidak sampai 20 tahun. Yang aku beranak di-sini, datok aku beranak di-sini dan bapa aku beranak di-sini, jadi mungkin, memberi modal ini ada-lah satu benda yang saya mengatakan benda ini fiction sa-mata² atau angan², perkara ini dalam pelaksanaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perusahaan dan perdagangan. Perusahaan apa yang kita hendak berikan kepada warga-negara yang diluar bandar atau pun bumiputra atau pun orang² yang miskin ini, sebab di-dalam Bil ini tidak di-sebut jenis² perusahaan dan perdagangan sa-lain daripada di-beri kenyataan yang umum begitu sahaja, ia-itu niat hendak memberi perusahaan dan perdagangan, sedang di-dalam satu jawapan yang bertulis daripada Menteri Perusahaan dan Perdagangan kepada satu pertanyaan—daripada siapa saya sudah lupa—kata-nya Kerajaan hanya berkuasa dan berhak merayu sahaja kepada sharikat² perusahaan yang ada dalam negara kita ini untuk mengambil pekerja (labourer), tetapi tidak boleh buat apa² sebab dasar kita ini bebas dalam perniagaan. Jadi, kalau peluang hendak memberi kerja sa-bagai buroh pun dari segi perniagaan dan perusahaan, tidak dapat di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan, bagaimana-kah pula dia hendak memberi betul² perusahaan dan perdagangan—perkara² yang baharu ini. Ini berlawanan sangat, bulu dia tidak boleh beri, badan dia hendak beri—ini impossible.

Sa-perkara lagi, pengangkutan. Pengangkutan ini timbul “Ali Baba”, dan “Ali John”, tetapi quota-nya sudah ada memberi lesen² itu. Jadi yang mengaku di-sini hendak memberi kemudahan pengangkutan, hendak beri apa kalau sudah ada quota dia yang tertentu. Apa-kah Bil ini boleh memecahkan Bil² yang lain atau hendak buat perkara yang lain, perkara yang baharu-kah, kita tidak tahu power atau kuasa yang di-berikan kepada Majlis ini tidak

di-sebutkan juga di-sini terhadap Kerajaan, tidak di-sebutkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-samping saya mengalu²kan Bil ini, saya mengucapkan terima kasih di atas niat Kerajaan Perikatan hendak membuat baik. Saya telah mengemukakan beberapa perkara yang saya tidak bersetuju. Kita harap benda² yang tidak puas hati oleh pehak Pembangkang dan juga oleh pehak² daripada Kerajaan sendiri dapat pehak Kerajaan mengatasi perkara² itu, maka kita akan lihat dalam 10 atau 15 tahun lagi orang bumiputra atau pun orang yang dinamakan *have-nots* itu akan menjadi orang² yang *haves*, sa-kurang²-nya sa-bagai Tuan Yang di-Pertua yang ada lombong banyak di-Perak, mithal-nya, kalau kita hendak mengambil contoh-lah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-lagi perkara² yang di-tegor ini tidak dapat di-terangkan oleh Kerajaan, saya suka hendak membuat satu kenyataan, dan saya bertanggung-jawab dalam 5 tahun lagi kenyataan itu, ia-itu ini ada-lah sadoran daripada RIDA. Kalau ini-lah sahaja jaminan² yang di-beri ini ada-lah satu badan penipuan ra'ayat, bukan badan yang betul²—saya ulangkan lagi sa-kali—jika tidak di-pinda clause² ini dan dengan memberi jaminan² yang betul, maka hasrat Tun Haji Abdul Razak hendak membuat baik kepada ra'ayat itu akan di-terbalekkan oleh orang² yang bekerja, maka dia akan merupakan satu lambang penipuan Kerajaan Perikatan kepada ra'ayat. Sakan-lah sahaja.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada saya masuk membahathkan sedikit sa-banyak kandingan dan maksud² daripada Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini, saya terlebih dahulu hendak menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pehak yang menyusun Bil ini, bukan kerana isi Bil-nya, tetapi kerana Bil ini-lah di-buat dua bahasa, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris walau pun yang kebangsaan-nya terletak di-bawah dan Inggeris-nya terletak di-atas. Apa-kah perubahan baharu ini menjadi satu langkahan yang akan diikuti sa-terus-nya kepada Bil² yang

lain, kita tunggu-lah dan tengok pada masa² yang akan datang. Sunggoh pun pada hari ini di-antara berpuluh² Bil yang ada, ini-lah yang ada dalam bahasa kebangsaan. Itu-lah kata saya, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pehak yang menderaf atau menyusun Undang² ini, kalau Menteri-lah yang menyuroh membuat demikian, kepada Menteri itu pun saya ucapkan tahniah dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, nampak sangat barangkali-lah bagi orang² yang sejok, bukan sejok badan, tetapi sejok hati, sejok perasaan atau chakap yang lebeh mudah orang yang tidak ada mempunyai perasaan atau lebeh senang "tiada ayer muka," dia akan kata kapada saya ini terlalu sentimen—chakap soal bahasa kebangsaan ini, sebab saya dengar ada tadi, ada Ahli Dewan ini berchakap kata-nya soal bahasa kebangsaan itu boleh menimbulkan perpechahan. Biar-lah soal bahasa itu jadikan satu asas perpaduan, soal kebudayaan jadikan asas bagi perpaduan, pokok yang utama soal ekonomi. Saya tidak nafikan pokok utama soal ekonomi, tetapi soal bahasa ada-lah merupakan satu soal yang paling besar. Di-negeri² lain pun soal bahasa ini pula kadang² boleh sampai kapada pertumpahan darah. Di-India, walau pun merdeka-nya lebeh awal daripada kita, sampai sekarang ini soal bahasa-nya menjadi satu problem yang paling besar. Itu-lah kata saya kechuali orang² yang sejok perasaan atau tidak ada perasaan sahaja-lah yang memandang kechil kapada soal bahasa ini.

Saya sudah pernah merayu dalam Dewan yang mulia ini pada masa² yang telah lalu, Tuan Yang di-Pertua, supaya langkah² membahasa kebangsaan Bil² dalam Dewan Ra'ayat ini ada-lah satu langkah saya sangat² mustahak dan itu-lah satu langkah yang paling progressive. Pandangan orang kapada kedaulatan kemerdekaan bagi negeri kita ini satu daripada pokok sa-lain daripada soal politik dan lain² ia-lah soal bahasa. Kita telah menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan, dan Tunku Perdana Menteri kita telah mengatakan negara yang tidak ada bahasa kebangsaan itu negara anak

sundal atau anak haram, tetapi soal sekarang ini bukan soal bahasa kebangsaan lagi, tetapi soal bahasa rasmi. Tempat yang awal, mula atau pertama yang akan di-pandang oleh orang luar, yang saya maksudkan orang luar ia-lah negara asing, kapada sa-sabuah negeri itu ia-lah penggunaan bahasa rasmi itu di-dalam Parlimen atau dalam Dewan Ra'ayat. Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan kerjasama Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana ini dapat-lah Menteri² ini mengarahkan kapada tukang atau ahli² undang² yang menyusun Rang² Undang² ini supaya di-tulis bahasa kebangsaan sama, kalau sayang lagi hendak buang bahasa Inggeris itu, boleh di-buat bersama walau pun tempat merujukkan soal itu kapada bahasa Inggeris sesuai dengan keadaan Perlembagaan yang maseh terpakai sekarang ini, kita belum chukup 10 tahun lagi merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang di-namakan Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat ini, bagi saya ada-lah satu Rang Undang² yang sangat besar erti-nya. Saya tidak hendak mengulas panjang, Tuan Yang di-Pertua, sebab sahabat² saya yang terdahulu telah memberi ulasan yang panjang lebar dari sa-genap sudut, chuma apa yang saya katakan bahawa amat-lah silap kalau sa-kira-nya kalangan penyokong² Kerajaan saperti Ahli dari Kuala Trengganu Utara tadi hendak mendabek dada, hendak membusong dada-nya dengan mengatakan ini-lah programme Perikatan yang telah di-laksanakan atau akan di-laksanakan. Apa yang kita tahu, mengikut penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada pagi tadi, bahawa timbul-nya Majlis Amanah Ra'ayat ini ia-lah hasil daripada Kongeres Ekonomi Bumiputra yang berlangsung di-dalam bulan Jun, 1965—tahun 1965 ini, Tuan Yang di-Pertua, tahun ini, yang akan tamat dalam sa-bulan lebeh lagi.

Kongeres Bumiputra yang berlangsung dalam bulan Jun tahun 1965—tahun ini—telah merumuskan keputusan² yang berjumlah 69 keputusan banyak-nya. Empat daripada-nya telah pun, atau sedang, di-laksanakan oleh

Kerajaan. Satu daripada-nya ini-lah yang di-memukakan kepada Majlis ini. Jadi, kalau di-pandang dari sudut fact—kenyataan seperti itu, tidak-lah dapat pehak Perikatan hendak menjadikan soal MARA ini sa-bagai satu soal untok modal politik, hendak mengakuī dengan begitu sahaja, sedangkan orang tahu siapa-kah yang ber-anak. Kita di-beri mendukung anak itu, kerana tanggung-jawab yang kita pegang memerintah negeri, terus kita dukong anak itu dan kita taroh bin kita dengan begitu sahaja, atau binti kita. Orang akan ketawa, sebab orang tahu yang melahirkan anak itu bukan dia, tetapi di-lahirkan oleh satu badan yang lain.

Tun Haji Abdul Razak: Untok penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hasrat dan tujuan hendak menubuhkan MARA ini datang-nya daripada Kerajaan Perikatan, hanya-lah di-persetujukan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera. Saya telah mengishtiharkan perkara ini sa-belum Ekonomi Bumiputera ini bersidang.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda: Terima kaseh. Boleh-lah juga pehak Timbalan Perdana Menteri hendak mengakuī demikian, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan daripada 69 perkara yang terkandung di-dalam Kongres Ekonomi Bumiputera, boleh-lah kita katakan bahawa butir² yang terbit dalam 69 perkara itu bukan-lah butir yang detail yang di-berikan oleh Kerajaan, atau oleh Parti Perikatan, atau Kerajaan Perikatan, tetapi butir² yang telah di-perbahatkan dari rapat pleno kepada rapat seksi, dari seksi kepada pleno hingga sampai-lah keluar rumusan² yang merupakan keputusan², kemudian di-serahkan kepada pehak Kerajaan.

Saya akuī bahawa yang mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera ini ia-lah initiative daripada pehak Kerajaan Perikatan sendiri—saya akuī, tetapi butir², atau perkara² yang di-putusan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera, ini tidak-lah dapat pehak Perikatan hendak mengatakan. Itu ia-lah arahan sa-chara langsung daripada dia. Kalau benar-lah arahan itu sa-chara langsung daripada pehak Perikatan, maka nyata-lah bahawa Kongres Ekonomi Bumi-

putra itu bukan-lah bersifat kongres yang sa-benar²-nya, tetapi bersifat satu kumpulan orang yang hanya menadahkan tangan menerima arahan daripada pehak parti, atau Kerajaan yang memerintah sahaja. Sudah tentu-lah kita tidak mahu sifat, bentok ra'ayat dalam negara kita seperti demikian.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada Bill kita ini. Bill kita ini ia-lah merupakan satu Rang Undang² bagi membentok satu badan baharu yang di-namakan Majlis Amanah Ra'ayat bagi mengambil tempat RIDA, ia-itu satu badan yang telah di-bentok lama sa-belum pilihan raya tahun 1955 lagi, lama sa-belum negara kita merdeka, dan kita maseh ingat lagi badan ini di-bentok pada masa Allah Yarham Dato' Onn bin Jaafar, yang menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa itu, kalau tidak salah dalam ingatan saya.

Kita telah mendengar penerangan² yang panjang lebar daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada sa-belah pagi tadi yang telah menyatakan bahawa RIDA tidak dapat menjalankan tugas-nya dengan betul, atau sempurna, oleh kerana RIDA pusaka daripada zaman penjajahan, oleh kerana RIDA tidak chukup—tidak chukup dari segi undang², tidak chukup dari segi tenaga² di-dalam-nya dan tidak chukup kuasa² bagi melaksanakan satu dasar yang terkandung di-dalam-nya.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada alasan yang paling sedap yang boleh di-gunakan oleh sa-siapa, atau Kerajaan mana sahaja dalam sa-sabuah negara yang baharu merdeka, jikalau dia kechewa daripada melakukan sa-suatu, maka alasan yang paling senang dan mudah di-terima oleh orang ramai ia-lah "itu pusaka daripada zaman penjajahan". Jadi, memang-lah, sebab penjajahan tidak ada lagi dalam negeri kita ini, dia telah beribu² batu jauh daripada kita, maka boleh-lah kita letakkan kekechewaan itu kepada dia, tetapi satu perkara yang harus kita faham bahawa Tanah Melayu kita ini, negara kita ini, telah merdeka 8 tahun lama-nya semenjak tahun 1957 di-mana pada masa itu RIDA maseh hidup dan ada

dengan tugas² dan kewajipan² yang tertentu. RIDA maseh ada pada masa itu dan RIDA ada sampai sekarang ini. Apa-kah sa-lama 8 tahun ini pehak Kerajaan tidak sedar bahawa yang RIDA itu mempusakai zaman tuannya dahulu, yang maseh serba kekurangan dan tidak dapat melaksanakan kehendak² Kerajaan. Apa-kah sa-lama 8 tahun itu tidak mempunyai waktu yang cukup bagi sa-sabuah Kerajaan meneliti aspect² yang menyentoh sa-chara langsung kapada soal² kehidupan dan menghidupkan sa-bahagian besar ra'ayat yang sa-lama ini tertindas sa-chara langsung, atau tidak langsung.

Pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, 8 tahun ada-lah satu masa yang panjang. Tahun 1957 sampai tahun 1965 ada-lah satu masa yang panjang, sudah-lah sa-patut-nya pehak Kerajaan ini sedar, kalau benar-lah RIDA telah kechewa dan memang telah kechewa, kalau lama-lah telah di-sedari, maka tentu-lah perkara ini dapat di-beri perhatian yang lebeh awal, atau pun mungkin, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan tidak sedar bahawa kedudukan bumiputra, atau bangsa Melayu yang di-katakan kaum, kalau mengikut istilah sekarang "Melayu" yang sa-lama ini hidup menderita, atau pun mungkin kerana sa-sudah 10 tahun kita merdeka, pengetahuan politik dan demokrasi itu telah mula melebar dan meluas dan ra'ayat tidak lagi dapat menelan slogan dan symbol² yang molek², yang endah² sahaja; ra'ayat tidak dapat lagi menelan hak istimewa Melayu, bahasa kebangsaan—ta' dapat lagi menelan itu dan ini, melainkan ra'ayat mahukan benda yang nyata, benda yang dapat memberi sa-suatu bagi mengubah hidup-nya sambil datang-nya chara perubahan mereka itu. Jikalau tidak, ra'ayat akan menjadi hakim apabila tiba ketika orang² yang memegang tampok Kerajaan sekarang ini sa-kali lagi meminta undi kepercayaan daripada ra'ayat, sebab itu-lah mungkin merasa perlu perubahan itu di-adakan segera sekarang.

Saya maseh ingat bahawa beberapa tahun yang telah lalu, pernah saya sendiri menjadi salah sa-orang dari-

pada ahli Lembaga RIDA ini, dan timbul problem² atau masalaah² yang kadang² memeningkan kepala siapa sahaja yang menjadi Pengerusi pehak RIDA itu. Keputusan daripada ahli² lembaga terpaksa di-angkat kapada Menteri yang bertanggung-jawab dan kadang² keputusan itu terperam sampai berbulan² dan kadang² sa-belum lembaga mengadakan meshuarat, arahan daripada Menteri datang terlebih dahulu dan meshuarat di-adakan kemudian, untok mendengar sharahan daripada Pengerusi menyatakan ini arahan telah datang daripada Menteri. Dan berdasarkan daripada arahan itu-lah maka segala sa-suatu hendak di-laksanakan dan akhir-nya oleh kerana mungkin kerana terlalu biseng, ke-adaan² yang saperti demikian, maka hampir sa-tahun lebeh—kalau ta' salah saya, dua tahun lama-nya, kedudukan ahli² lembaga RIDA yang sa-tahu saya-lah, di-gantong. Di-beri satu surat beruchap terima kaseh atas perkhidmatan yang telah di-beri sa-lama ini dan mulai daripada sekarang Kerajaan hendak menyusun sa-mula kedudukan lembaga RIDA ini. Surat itu di-tanda tangani oleh sa-orang Menteri yang pada masa sekarang ini menjadi Menteri Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah kenyataan² yang telah di-dapati dari sa-buah badan yang bernama RIDA. Saya tidak hendak membahathkan bagaimana RIDA menjalankan pelaksanaan-nya pada masa yang lalu, bagaimana kejayaan yang di-chapai oleh RIDA dan apa kechewaan² atau kegagalan yang telah di-temui oleh RIDA. Sebab itu sama² kita tahu,—mencheritakan barang² yang kita tahu, lebeh² lagi telah di-beri tahu, telah di-cheritakan oleh sahabat² yang terdahulu itu, ada-lah perkara yang merugikan waktu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita toleh ka-belakang, satu perkara yang kita nampak tegas dalam RIDA dahulu, ia-lah pertolongan yang di-berikan kapada bangsa Melayu. Satu perkara yang tegas, walau pun benda yang di-beri itu ta' sa-berapa dan kadang² pemberian itu tidak kena pada tempat-nya, yang sampai sekarang ini, segala bengkalai² yang di-lakukan oleh

RIDA—penyakit² hangat, kudis² yang menghinggapi RIDA itu terpaksa di-ubab oleh majlis baharu yang bernama MARA atau Majlis Amanah Ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap soal ekonomi bumiputra, saperti kata sahabat saya daripada Bachok, ada orang yang berchakap dari sudut gulungan yang berada dengan gulungan yang tidak berada—ada yang burok—ada yang berchakap dari sudut gulungan luar bandar dengan masyarakat dalam bandar dan dari pehak sahabat saya dengan terang² berchakap dari sudut kalangan bangsa Melayu yang tidak berada, berchakap dari soal ekonomi orang² ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bukan satu chakap baharu—bukan satu perkara baharu.

Sa-benar-nya walau bagaimana besar tempek dan sorak Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara chuba menekankan laungan-nya supaya diyakini oleh semua pehak, orang akan dapat memberi satu keputusan hasil daripada pandangan yang teliti, bahawa pemecahan kedudukan kuasa yang berpechah² di-antara sa-suatu kekuasaan dengan satu kekuasaan yang lain di-dalam ikhtiar dan usaha bagi membaik bentuk benda yang ada menjadi kenyataan, ada-lah satu perkara yang amat sulit, dan kadang² menemui kegagalan.

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, mempunyai peranan dalam soal pembangunan negara dan MARA di-tetapkan di-bawah beliau. Dan beliau menggunakan sa-genap fikiran, tenaga, keikhlasan atau sa-bagai-nya, kekuatan kuasa yang ada kepada-nya, melakukan sa-suatu sesuai dengan apa yang di-pandang dari kacha mata-nya sendiri. Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama mempunyai satu kuasa yang lain dari sudut sharikat kerjasama yang juga, jika di-bentok dan di-alirkan sesuai dengan kehendak² masa, akan dapat memberikan bantuan, akan dapat membangunkan kehidupan ekonomi bumiputra atau penduduk luar bandar dengan sa-hebat²-nya, tetapi di-bawah satu kekuasaan Kementerian yang lain. Menteri Perusahaan dan Perdagangan mempunyai kekuasaan yang lain pula—

yang kadang² ketiga² Menteri ini perlu menghulorkan kuasa masing² bagi meluluskan sa-suatu perkara atau sa-suatu kerja—walau pun kita tahu bahawa sa-suatu Kabinet itu ia-lah tanggungjawab bersama atau collective responsibility.

Akan tetapi di-dalam kuasa pentadbiran, di-dalam kuasa melakukan sa-suatu dasar, tidak jarang menemui pertelengkahan dan menemui perkara² yang menjadi penghalang di-dalam mencapai chita² yang besar itu. Saya beri sa-bagai satu contoh—Kementerian Sharikat Kerjasama hendak mengamalkan satu dasar bahawa sharikat² kilang padi hendak-lah di-berikan kepada sharikat² kerjasama dan sharikat kerjasama kilang padi di-kampung² di-hidupkan, di-besarkan, di-majukan, sesuai dengan dasar dan maksud² yang terkandung dalam dasar sharikat kerjasama. Akan tetapi kuasa melesenkan ada kepada Kementerian Perdagangan. Kuasa bagi meluluskan kemasokan mesin² atau alat² jentera ada kepada Kementerian Perdagangan. Ini sa-bagai satu mithal. Maka timbul-lah soal pada masa² yang akhir ini, munchol-nya kilang² padi haram yang di-bangunkan oleh ra'ayat—beribu² banyak-nya sa-bagai satu chabaran kepada Sharikat² Kilang Padi Kerjasama². Sa-hingga sampai terpaksa Menteri Sharikat Kerjasama sendiri pergi ka-negeri Kelantan—satu daripada tempat yang menghadapi anchaman kilang² haram ini. Arahan daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tidak tegas, tidak ada sa-kelumit kalimah yang mengarahkan supaya hanya kepada sharikat kerjasama sahaja-lah di-beri lesen atau surat kebenaran bagi menjalankan sharikat kilang padi. Saya ada terbacha satu daripada surat arahan daripada Kementerian ini dua tahun yang lalu, kalau ta' salah ingatan saya—sampai di-katakan kalau-lah kira-nya ada sharikat² besar yang hendak mendirikan sharikat kilang padi di-satu kawasan yang belum ada sharikat kilang padi, maka hendak-lah di-beri lesen kepada dia.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pehak saya memandang bahawa hal saperti demikian tidak dapat di-amalkan dan demikian juga pehak yang

mendapatkan kuasa bagi melesenkan sharikat² kilang padi itu merasa demikian dan bersetuju kepada asas sharikat kerjasama, maka lesen² hanya dikeluarkan kepada sharikat bekerjasama² sahaja. Tetapi apa hal-nya dengan kilang² padi haram? Mereka dapat dengan bebas membeli mesin² padi daripada kedai²—walau kedai kechil sa-kali pun, dapat mereka beli. Mereka balek pasang ka-rumah, mereka berhubung dengan pejabat kejenteraan di-Kuantan. Pejabat kejenteraan pergi pereksa kilang itu—baik—jentera-nya tidak rosak, tidak membahayakan orang yang menjaga-nya—awak tahu menjaga?—tahu—Chuba pasang—OK boleh—di-keluarkan lesen membenarkan mesin itu berjalan. Akhir-nya berjalan-lah mesin itu. Apa tindakan yang boleh di-jalankan? Kenapa tidak bertindak?, orang bertanya. Maka berkata-lah orang Kerajaan Negeri punya tanggung-jawab. Kata sa-tengah orang, Kementerian punya tanggung-jawab. Satu kesimpulan kita dapat hasil dari perjumpaan dengan Menteri Sharikat Kerjasama baharu² ini—tidak ada siapa yang bersalah dalam perkara ini. Kesimpulan itu oleh pehak Menteri sendiri mengatakan tidak siapa yang bersalah. Ini keadaan jadi bagini. Tetapi bagi saya, saya mengatakan ada yang bersalah—dasar Kerajaan tidak tegas dalam perkara ini. Ini-lah salah. Kerana apa dasar mengutamakan Sharikat Kerjasama ini tidak menyelinap, tidak menyerap, tidak sampai masuk ke-dalam semua Kementerian² yang sa-kira-nya Kementerian itu ada bersangkutan dengan soal² Sharikat Kerjasama, mithal-nya.

Al-hasil, Tuan Yang di-Pertua, segala sa-suatu yang hendak di-lakukan pada masa sekarang ini maseh, pada pandangan saya, merupakan perhubungan, kesemua-nya merupakan perhubungan, tidak merupakan sa-suatu yang concrete yang boleh menjamin kehidupan bumiputra, bangsa Melayu, menjamin penghidupan penduduk di-luar bandar atau menaikkan taraf penduduk² di-luar bandar kepada taraf yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri seperti negeri kita ini yang berdasarkan perdagangan free enterprise, kepada perdagangan bebas, yang liberalism,

kemudian di-dalam dasar yang seperti ini kita hendak selitkan—hendak masukkan—sa-suatu yang bersifat progressive, bersifat maju, ia-itu-lah yang di-sebutkan Sharikat Kerjasama, kemudian sekarang ini kita hendak membentok pula MARA yang semua-nya ini, pada dasar-nya memang bagus, dasar seperti kawan saya tadi, saya memang menyokong penubuhan MARA ini, memang saya menyokong. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah kesulitan², problem², yang sudah pernah di-tempoh dan mungkin akan di-tempoh atau mungkin lebih besar lagi problem itu datang. Sharikat Kerjasama mempunyai-ism yang tertentu, juga mempunyai satu idea bagi membentok masyarakat, bagi membentok masyarakat kehidupan kampung, meninggikan taraf mereka di-atas dasar Sharikat Kerjasama.

Majlis Amanah Ra'ayat mempunyai satu dasar yang lain, juga hendak menghidupkan ra'ayat di-kampung dengan chara² yang tertentu, tetapi tidak di-atas dasar Sharikat Kerjasama, tetapi dasar yang lain mungkin juga boleh di-beri bantuan kepada sharikat kerjasama tetapi mungkin juga tidak, kerana sudah ada Kementerian yang lain yang ada peruntukan yang lain yang boleh di-beri pinjam kepada Sharikat Kerjasama. Maka ini boleh menimbulkan satu block atau satu kawasan—gulungan—yang tertentu yang harus, kalau-lah benar MARA mempunyai wang yang cukup, mempunyai tenaga technical yang cukup, tenaga tadbir yang cukup, tenaga pakar ekonomi yang cukup, segala²-nya jentera-nya berjalan dengan lancar, saya percaya lima tahun MARA berjalan Sharikat Kerjasama akan mati.

Demikian pula, Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya, kedudukan Kementerian Perdagangan dan Perusahaannya dengan dasar perdagangan bebas-nya, yang juga menjadi dasar pemerintah sekarang ini, kemasokan modal luar dan sa-bagai-nya itu ini ada-lah satu unsur atau beberapa unsur² yang terpenting yang mesti di-fikirkan, bukan oleh Timbalan Perdana Menteri sahaja, tetapi oleh Kerajaan bagi menentukan satu dasar bagaimana, apa-kah kita sanggup melihat pertentangan atau

competition itu timbul dan bertambah tajam-nya hujong daripada pertentangan itu, akan bertambah hebat lagi kedudukan dan kegiatan² antara badan² seperti MARA dan badan² saudagar², pemodal besar yang menanam modal dalam negeri ini.

Saya pernah mengatakan dahulu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa belum pernah ada lagi dalam dunia ini orang dapat menchantumkan dua dasar yang besar antara satu sama lain berputar, sama ada dasar kerjasama-ism yang chenderong kepada soal satu untuk bersama ini, dapat hidup dalam satu masyarakat yang bersifat sa-bagai masyarakat capitalistic atau free enterprise, seperti saya sebutkan tadi, kecuali kalau pehak pemerintah negeri ini berani—berani mengambil satu initiative baharu, membentok satu masyarakat ekonomi yang baharu bagi Malaysia ini, dengan membataskan kawasan² bandar dan kawasan luar bandar, membataskan activity saudagar², activity perniagaan itu daripada meresap masuk ka-dalam luar bandar dan pada masyarakat luar bandar dihidupkan dasar Sharikat Kerjasama itu dengan sa-luas²-nya dan MARA menjadi sa-bagai batu pendorong yang paling kuat kepada perkembangan Sharikat Kerjasama dalam negara kita itu.

Hasil² production daripada kilang² industry yang besar² yang ada di-Petaling Jaya akan dapat di-edarkan kepada pasaran² di-luar bandar melalui Sharikat² Kerjasama yang ada bertaboran di-luar² bandar. Saya percaya barangkali idea ini ada kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi Lembaga Pemasaran yang ada sekarang ini, walau pun Lembaga Pemasaran itu hanya merupakan satu badan yang akan memikirkan soal pasaran hasil kaum tani, tetapi kita berkehendakkan lebih dari itu lagi pada masa akan datang. Satu Lembaga Pemasaran di atas asas² Sharikat Kerjasama yang akan memikirkan, bukan sahaja memasarkan hasil kerja daripada orang² luar bandar, tetapi memasarkan barang² yang datang daripada dalam bandar ka-luar bandar. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, berani atau tidak Kerajaan

ini ada-lah bergantung kepada keikhlasan dan kejujoran pemimpin² yang ada dalam Kerajaan sekarang ini terutama seperti Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya percaya dia boleh melakukan hal ini, kalau dia berani.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah kita simpulkan semua sa-kali keseluruhan kedudukan seperti demikian, kita wujudkan Bank Bumiputra, kita wujudkan Lembaga Pemasaran, kita wujudkan Sharikat Kebangsaan, kita wujudkan Majlis Amanah Ra'ayat, kesemua-nya ini tidak dapat berjalan dengan sempurna sa-lagi dasar negara tentang ekonomi ra'ayat, ekonomi negara, tidak di-selesaikan dengan sachara baik. Ada-lah silap, Tuan Yang di-Pertua, kalau pehak Kerajaan sentiasa memikirkan sa-suatu sudut sahaja, sudut pemerintah kerana berkehendakkan wang yang banyak untuk menutup anggaran belanjawan dan sa-bagai-nya, maka dari segi itu kita terpaksa memasukkan modal yang banyak dengan tidak memikirkan keadaan susunan ekonomi negeri. Orang boleh bermegah tentang soal Malaysia negeri nombor dua dalam Asia tentang soal taraf hidup-nya yang tinggi. Sa-lain daripada Jepun, maka Malaysia-lah nombor dua, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya malu dengan gelaran seperti itu, sebab akan zahir-lah kepada orang yang menyiasat kedudukan ekonomi negeri ini bahawa itu-lah tanda-nya jurang pemisahan antara gulungan yang berada dengan gulungan yang tidak ada itu terlalu jauh. Sebab orang dapat memerhatikan kepada orang yang tidak berada demikian hebat, maka orang dapat menduga bagaimana hebat-nya gulungan yang berada sa-sudah Malaysia mendapat tempat yang kedua sa-bagai negara yang terlalu tinggi taraf ekonomi-nya, taraf ekonomi-nya yang di-kirakan sa-bagai pukul rata, bukan di-kira atas tiap² orang persaoangan. Berapa orang-lah Tuan Yang di-Pertua, daripada kalangan kita Malaysia, ra'ayat Malaysia, bumiputra dan tidak bumiputra yang dapat mencapai taraf millionaire atau saudagar² besar, berapa orang, Tuan Yang di-Pertua, terutama kalangan bumiputra sendiri. Barangkali kalau kita amalkan dasar yang

saperti kita jalankan ini, mungkin akan dapat melahirkan beberapa orang lagi, saudagar² Melayu beberapa orang lagi Ahli² dari Kota Bharu Hilir, mithalannya atau beberapa orang lagi Ahli daripada Parit, mithalan-nya, ya'ani kita memang bermegah dengan ada-nya hartawan² Melayu yang besar² saperti itu, tetapi berapa orang dapat kita lahirkan, kita ta' akan dapat melahirkan keseluruhan-nya orang saperti itu, dan itu satu perkara yang ta' akan kita laksanakan, ini pokok kerana bukan kita hendak melahirkan orang saperti itu, tetapi hendak menaikkan darjah orang yang di-bawah ini kepada taraf yang sesuai dengan taraf kedudukan negara kita Malaysia sa-bagai negara nombor dua yang kaya di-Asia ini dengan suatu kaedah yang lebeh practical dan lebeh menjamin keselamatan orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuba masok sedikit di-dalam Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua. Lain daripada soal dasar yang di-sebut tadi ialah saya hendak chakap bahagian (2) Fasal (3) berkenaan dengan Majlis hendak-lah mengandongi ia-itu Fasal (33) sa-orang Pengerusi, sa-orang Ahli daripada Kementerian Kewangan, sa-orang ahli daripada Kementerian Perdagangan dan sa-terus-nya. Jadi ini pada pandangan saya, ada-lah satu perkara yang bagus-lah. (F) kata-nya: Lima orang ahli yang ada pengalaman atau pengetahuan dalam perdagangan, kewangan atau perusahaan, (G) Empat orang ahli yang lain—ini-lah satu perkara yang saya suka juga menyebutkan ia-itu-lah ahli² ini betul² mesti di-pileh sa-bagai ahli yang betul², orang yang berkeahlian, bukan di-pileh di atas asas yang lain. Pernah kita tengok kejadian² yang pernah berlaku dalam negeri kita bila ada badan² saperti ini, bahkan badan yang lebeh besar lagi pun, walau pun di-sharatkan orang² yang berkeahlian tetapi yang munchol di-dalam-nya, bukan-lah tepat dengan sharat² itu, melainkan yang tepat-nyalah tepat dengan kehendak orang yang berkehendakkan dia. Hal ini kalau tidak di-jaga betul², Tuan Yang di-Pertua, akan mengechewakan benar²-lah Majlis MARA yang benar² di-harapi oleh orang ramai sekarang ini.

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut tadi bahawa dia berchadang hendak mengambil daripada Sabah dan Sarawak dua orang. Itu bagus-lah di-ambil orang yang ahli dalam perkara yang hendak di-laksanakannya itu.

Saya rasa tidak payah-lah saya panjangkan lagi Tuan Yang di-Pertua, chukup-lah sa-kadar apa yang saya katakan tadi, itu-lah pandangan yang saya dapat nyatakan satu pandangan ikhlas yang saya berikan berdasar daripada pandangan², kajian² yang telah di-buat, hasil daripada hal² yang telah berlaku pada masa yang lalu dan yang kita rasa suatu yang patut di-fikirkan bersama oleh pehak Kerajaan. Saya tidak suka menjawab chelaan² dan serangan² yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara baharu sa-bentar tadi, sebab saya tahu-lah dia begitu-lah perangai-nya, tidak guna saya layan perangai-nya begitu. Terima kaseh.

Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini menyatakan sokongan saya dalam Bill yang di-kemukakan pagi tadi dan saya ada mempunyai keyakinan yang penoh, Bill yang di-kemukakan itu yang mana pada masa yang lalu kita, dalam negeri ini, ada berbagai ranchangan yang di-jalankan oleh pehak Kerajaan Perikatan ia-itu Ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dalam ranchangan ini bertalu²-lah hujjah² yang di-kemukakan oleh pehak² yang tidak yakin akan ranchangan itu. Tetapi apa sudah jadi dengan ranchangan Pembangunan Luar Bandar pada hari ini, saya rasa Ahli² Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia ini dan ra'ayat seluruh-nya, tidak boleh menapikan bahawa ranchangan itu mendapat kejayaan. Demikian-lah juga yang saya sebutkan keyakinan saya yang saya suka membuat kenyataan dan menyatakan sokongan saya yang penoh atas Bill ini. Di-samping saya menyokong Bill ini saya suka-lah menarek perhatian Dewan yang mulia lagi bahgia ini ia-itu bagi membaiki dan untuk menyatakan fikiran saya atas tujuan bagi mengelokkan ranchangan yang hendak di-laksanakan itu, ia-itu Majlis

Amanah Ra'ayat yang di-chita²kan oleh Kerajaan ini.

Bagaimana pun Tuan Yang di-Pertua, saya suka sebut ia-itu saya menguchapkan tahniah di-atas jaya-nya Bank Bumiputera dan susunan RIDA yang bertukar kepada MARA dan satu dari ranchangan MARA mendirikan rumah² kedai dan di-dalam bandar² dengan memberi tempat kepada bumiputera menjalankan perniagaan-nya; dengan itu saya berharap di-dalam kawasan bandar², khas-nya di-kawasan saya sendiri ia-itu di-Bagan Serai, dapat didirikan beberapa bangunan rumah kedai untuk di-sewakan dengan harga yang murah kepada bumiputera bagi menjalankan perniagaan yang mana pada masa ini satu² bangunan kedai, jika kekosongan sa-kali pun, bumiputera tidak berupaya hendak menyewa dengan sebab di-kehendaki membayar wang kopi dari \$10,000 hingga \$20,000 bagi sa-buah bangunan kedai itu.

Dengan demikian sebab kekurangan modal, tidak-lah berpeluang bumiputera bagi menjalankan perniagaan, sunggoh pun kenyataan Yang Berhormat Tun ia-itu berkehendakkan ra'ayat berusaha di-dalam bidang perniagaan ini dengan bersunggoh², pehak Kerajaan akan memberi bantuan, tetapi dengan demikian saya rasa elok-lah pandangan ini saya beri supaya dapat perhatian di-pehak Kementerian itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka menarek perhatian lagi berhubung dengan kilang² perusahaan, kilang² perusahaan juga patut-lah di-dirikan di-luar bandar supaya memberi peluang penduduk² luar bandar mendapat pekerjaan sa-lain daripada pekerjaan pertanian, dengan ini menolak pemuda² begitu ramai turun menchari pekerjaan di-bandar².

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli² Yang Berhormat telah pun berchakap dengan panjang di-dalam Dewan ini, saya hanya hendak mengambil sedikit sahaja lagi ia-itu dalam bahagian—ada satu masyarakat dalam negara kita ia-itu masyarakat nelayan. Masyarakat nelayan ini sentiasa pendapatan dalam segala segi kehidupan penduduk² negeri ini, kehidupan nelayan-lah yang burok sa-kali dan

paling tidak terjamin serta sa-panjang masa di-tindas oleh orang² tengah. Maka satu perkara yang patut di-kaji, menyusun kedudukan mereka itu dan mendapatkan satu kawasan yang mana dapat di-susun penghidupan mereka supaya penyakit tindasan itu tidak berpanjangan dan anak isteri di-lateh membuat pekerjaan² dan menternak untuk membantu pendapatan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan nelayan² ini untuk menchari kehidupan di-laut patut-lah dapat kawalan supaya puncha kehidupan mereka tidak di-cheroboh dan menjauhkan dari kebimbangan untuk memajukan kehidupan keluarga mereka itu.

Dan pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menarek perhatian kepada Dewan yang mulia ini ia-itu satu perkara yang patut pehak Kementerian yang mana telah menyatakan pada pagi tadi berhubung dengan pemasaran pertanian ia-itu satu badan pemasaran pertanian. Pemasaran hasil pertanian untuk menjamin usaha penat lelah petani² itu tidak jatuh kasaku orang tengah, pemasar pertanian hendak-lah di-ambil perhatian yang bersunggoh². Kita menguchapkan penghargaan kepada Kerajaan yang telah menubuhkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Dengan itu saya berharap lembaga ini akan menjalankan kerja-nya di-dalam kawasan saya, khas-nya di-jajahan Krian, mulai musim menuai pada tahun 1966 ini. Saya bangkitkan kejadian musim menuai tahun 1965 yang mana harga padi telah di-turunkan oleh orang² tengah sahingga \$14 pada satu pikul pada hal jaminan Kerajaan ia-lah \$16 sa-pikul. Dengan kejatohan harga padi itu lebih \$2 juta wang petani² itu telah di-bolot oleh orang² tengah itu. Untuk mengelak kejadian yang burok, supaya jangan berulang lagi menimpa petani² kita, maka sangat-lah mustahak saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, khas-nya kepada Lembaga Pemasaran Persekutuan, menjalankan kerja-nya pada masa akan datang; harapan² petani akan dapat di-baiki dan akan dapat kejayaan sa-lanjut-nya. Jadi inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya nyatakan sokongan saya

dengan sa-kuat²-nya Bill yang di-kemukakan dalam Dewan ini, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit menyokong Rang Undang² mengenai Majlis Amanah Ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah Rang Undang² ini bertujuan hendak memperbaiki dasar RIDA dahulu dengan memberi nafas baharu, dengan memberi jaminan baharu dan kemudahan² baharu kepada anak² bumiputra untuk memajukan diri masing² dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dan juga lain² lapangan yang mereka itu chenderong. Saya dengar beberapa banyak daripada Ahli² Yang Berhormat yang menudoh bahawa RIDA dahulu gagal, RIDA dahulu kononnya berkerap. Saya harap Ahli² Yang Berhormat tinjau sa-dalam²-nya bagaimanakah boleh di-tudoh RIDA itu berkerap dan gagal.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan dan pengalaman saya, Undang² yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan tidak boleh di-salahkan kepada Undang². Salahnya, ia-lah orang yang menjalankan Undang² atau pun orang yang mendapat kemudahan daripada perlindungan Undang² ini. Saya dapat tahu bahawa RIDA dahulu di-adakan atau di-anjorkan pada tahun 1951 dengan wang peruntukan lebih kurang \$10 juta, di-beri pinjam kepada beberapa orang anak bumiputra untuk memajukan perniagaan, perusahaan, ternakan dan lain². Tetapi malang-nya di-antara orang yang berhutang kepada RIDA itu, saya percaya 90 peratus tidak menunaikan janji² mereka itu sa-hingga RIDA kena buat saman tuntutan hutang itu. Ada-kah kesalahan ini daripada Kerajaan atau Undang? Jadi, di-dalam perkara ini, saya harap langkah hendak melaksanakan Majlis Amanah Ra'ayat ini hendak-lah di-ketatkan lagi Undang² supaya dengan sa-benar²-nya dapat memberi perlindungan—memberi pertolongan kepada orang² yang benar² ikhlas hendak memajukan dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksana-nya Rang Undang² ini, saya percaya pehak² orang yang bukan bumiputra akan menganggap bahawa dengan ada-nya Rang Undang² ini akan menghapuskan hak² mereka, akan menyekat kemajuan dan perkembangan perniagaan dan perusahaan mereka dan akan menyekat perkembangan perekonomian mereka itu. Mereka harus akan menganggap ini sa-bagai satu ancaman yang besar kepada perekonomian mereka itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin-lah tarik perhatian kepada orang² yang bukan bumiputra yang akan menaruh satu chemburu besar kepada Rang Undang² ini atau pelaksanaan Majlis Amanah Ra'ayat ini kepada beberapa sudut. Yang pertama saya ingin menarik perhatian mereka ini kepada dasar negara² yang telah maju, telah pun mengambil langkah untuk memberi perlindungan kepada anak² bumiputra mereka itu, mithal-nya negara Amerika. Negara Amerika saya dapat tahu bahawa sa-lain daripada warga-negara-nya, walau pun mereka yang telah menjadi warganegara yang kedua dengan sa-chara permohonan, di-beri lesen chuma untuk buat perusahaan dhoi, dan membuka kedai restaurant. Bagaimana di-Australia mereka mengadakan satu dasar white Australian, orang yang kulit-nya tidak putih macham mana Australia tidak akan dapat layanan yang sama. Sa-bagaimana di-Indonesia, orang² yang bukan warganegara yang tulin, di-halau keluar daripada luar² bandar. Dan juga sa-bagaimana dasar² di-negara² barat. Mereka memberi perlindungan kepada anak² bumiputra supaya mereka dapat membaiki kedudukan ekonomi mereka itu saimbang dengan orang² yang lebih maju, lebih berpengetahuan, lebih berpengalaman supaya dapat menikmati kekayaan negara itu bersama. Harus boleh jadi orang² ini akan menganggap bahawa ada di-antara kalangan orang² yang bukan bumiputra sedang memonopolikan beberapa perniagaan dan perusahaan dan sa-kira-nya dilaksanakan Majlis Amanah Ra'ayat ini, mereka akan chemburu dan akan membuat satu perkara menyekat dan menghalang apa juga usaha² yang

harus akan di-laksanakan oleh Majlis Amanah Ra'ayat ini. Oleh itu, saya berharap-lah kepada orang yang bukan bumiputra, ini-lah masa-nya yang mereka patut tunjukkan keikhlasan hati mereka itu memberi sokongan dan bantuan yang penoh, kalau ta' ada wang, beri-lah sokongan moral, beri-lah sokongan tunjok ajar, beri-lah sokongan mendidik dan memberi peluang kepada anak² bumiputra bekerja di-tempat mereka itu dan mendidik mereka itu bagaimana chara hendak menjalankan perniagaan dan perusahaan.

Dan saya tarek perhatian dalam lawatan saya ka-Taiwan. Dalam negeri Taiwan, manakala mereka dapat memerdekakan negeri mereka pada tahun 1945, mereka menjalankan satu dasar—dasar untuk memperbaiki ekonomi anak² negeri. Yang pertama, mereka jalankan satu dasar undang² kawalan sewa tanah. Pada masa dahulu tanah² itu di-punyai oleh orang² kaya, landlord, orang² ini-lah yang memerah dan menindas ra'ayat di-Taiwan. Lepas itu mereka mengadakan satu undang² “National Land Reform”. Tanah² yang besar² ini di-beli oleh Kerajaan dan di-pechah²kan, di-beri kepada orang² yang tidak mempunyai tanah dan di-adakan satu dasar yang mana segala perusahaan yang besar² di-anjorkan oleh Kerajaan dan di-beri modal oleh ra'ayat, dan di-beri perlindungan kepada perusahaan² yang besar ini. Jadi tujuan Majlis Amanah Ra'ayat ini atau pun tujuan Kerajaan Perikatan bukan-lah sa-hingga sa-keras²-nya sa-bagaimana di-negeri Taiwan, negeri Australia, negeri Indonesia, chuma chara sederhana dengan tidak berhajat hendak menyakitkan hati orang² yang bukan bumiputra. Oleh itu saya merayu-lah kepada orang² yang bukan bumiputra ini, jangan-lah taroh chemburu yang besar dan membuat fitnah, membuat khianat, membuat halangan jangan mara, jangan maju di-atas anjoran ini. Sa-kira-nya ada persafahaman di-antara semua warganegara dengan ikhlas, insha Allah tidak lama lagi negara kita akan berada di-dalam satu suasana yang aman, damai dan boleh-lah kita bersama² mengechapkan meni'mati sa-buah negara yang kaya raya ini.

Sa-kira-nya kedudukan ekonomi warganegara ini tidak sa-imbang, ada yang kaya atau terlampau kaya menjadi orang jutawan, berpuluh², beribu² jutawan, mithal-nya, dan ada satu gulungan ra'ayat yang menderita meminta sedekah, boleh-kah sa-sabuah negara itu tinggal di-dalam aman dan damai? Saya yakin tentu sa-kali tidak—Oleh itu sa-kira-nya perkara ini berlaku berleluasan, pada satu hari tiap² warganegara yang dudok dalam negara ini tidak akan meni'mati ke-amanan yang di-kehendaki. Harus orang² yang tertindas, orang² yang menderita, di-pengarohi oleh gulungan² kominis mithal-nya, atau pun subversib, mithal-nya, untuk merosakkan kedudukan dan keamanan negara ini. Boleh-kah kita lihat perkara itu akan berlaku? Untuk mengelakkan perkara itu, saya berseru, ini-lah masa-nya yang kita mesti bertolak ansor sedikit demi sedikit untuk menolong warganegara dalam negara kita ini supaya dapat memperbaiki kedudukan ekonomi mereka itu.

Saya ingin mengeshorkan beberapa perkara dan saya harap dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri—perkara² yang boleh Majlis Amanah Ra'ayat ini laksanakan. Yang pertama, sa-kira-nya hendak memberi peluang kepada anak² bumiputra dalam lapangan perniagaan, mesti-lah di-beri perlindungan kepada mereka itu bertanding dengan orang² yang telah maju dan mendapat pengalaman dan tahu selok belok perniagaan, mesti-lah ada satu kawasan di-mana banyak pendudok² bumiputra, dirikan chontohan pekan bumiputra atau pun “Model Village for the indigenous people. Let the indigenous people themselves manage and carry on with the business within that locality.”

Jadi jikalau kita adakan chontohan pekan, adakan “Lock-up Stall” adakan Pasar Jual Ikan, adakan satu tempat jual barang keperluan atau pun barang hasil daripada pertanian mereka itu dengan tidak bertanding dengan orang² yang maju. Dengan chara ini dapat-lah anak² bumiputra berlatih sa-chara praktik di-tempat²-nya. Saya bukan berchakap sahaja, saya sudah pun buat apa yang saya katakan ini. Baharu² ini

Yang Amat Berhormat Tun sendiri telah menyaksikan ranchangan yang saya buat di-tempat saya sendiri dan saya yakin dan perchaya ranchangan ini akan memberi faedah yang besar kepada anak² bumiputra untuk melatehkan diri mereka itu daripada mereka maseh kechil lagi, untuk berniaga. Dengan chara ini dapat membangkitkan semangat—semangat berniaga. Sa-kira-nya semangat ini ter-tanam di-sanubari anak² kita daripada maseh kechil lagi, maka manakala mereka jadi dewasa kelak, mereka dapat-lah memperluaskan perniagaan dan perusahaan mereka itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada satu tawaran daripada Kementerian Perdagangan ia-itu mengenai pembahagian gula dan pembahagian beras dan lain² barang chatuan. Saya harap Majlis Amanah Ra'ayat ini akan menjadi wakil pemborong, mengambil barang² yang di-keluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan bahagi²kan kepada kedai² runchit yang ada di-kampong², adakan wakil pemborong di-pekan² dan wakil pemborong itu akan bahagikan barang² ini kepada pekedai² kechil di-kampong². Dengan saloran yang sa-macam ini, dapat-lah pekedai² itu terima barang² daripada Majlis Amanah Ra'ayat melalui saloran² yang tertentu.

Mengenai perusahaan, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarek hati memandang chara yang di-jalankan di-negeri Taiwan. Kerajaan anjorkan bagaimana kita adakan Bank Ra'ayat, dan buka satu tabong. Siapa juga bumiputra yang ingin hendak mengambil bahagian dalam perusahaan, tanamkan modal mereka itu melalui Bank² Ra'ayat dan Kerajaan sendiri dengan kuatkuasa Kerajaan boleh adakan bangunan atau pun perusahaan² yang tidak ada lagi dalam negara kita ini, bukan dengan chara hendak bertanding dengan perusahaan yang telah pun ada, perusahaan yang belum ada lagi dalam negara kita ini. Kerajaan sendiri melaksanakan dan dengan modal daripada ra'ayat dan sa-kira-nya ta' chukup, Kerajaan tolong adakan tempat² perusahaan ini dan jualkan saham² itu kepada bumiputra dengan sharat, saya perchaya kalau hendak

dapat sokong daripada bumiputra, beri-lah jaminan ia-itu Kerajaan boleh bagi untong ta' kurang daripada 5%, bagaimana jaminan Bank bagi Wang Pertarohan. Kalau Kerajaan boleh sanggup dengan sa-chara yang macham itu, saya ingat modal tidak susah hendak dapat. Dengan jaminan umpama-nya barang siapa hendak menanam modal jamin 5% boleh untong sa-tahun dan kalau-lah rugi sadikit biar-lah Kerajaan ganti rugi dengan chara hendak menggalakkan perusahaan ini. Kerajaan ini boleh tetapkan harga bagaimana di-Taiwan, mithal-nya barang luar negeri tidak boleh masuk, ta' boleh bertanding dengan perusahaan bumiputra, ini mesti untong. Saya yakin dengan chara ini dapat di-dirikan tempat² bangunan yang besar², perusahaan² yang besar². Bagaimana ranchangan hendak mengadakan kilang kertas di-Kapala Batas di-tanggohkan di-tempat saya lebeh daripada enam tahun tidak berjalan. Tetapi kalau dengan chara yang saya sebutkan ini, insha Allah, saya perchaya akan berjaya.

Mithal-nya, beberapa banyak motor², motor cycle, radio, television—Kerajaan anjorkan, binaan "*assembly plant*". Buat television, motorkar dan lain². Jadi hak istimewa Majlis Amanah Ra'ayat. Tanamkan modal. Beri pekerjaan kepada bumiputra, dengan chara ini saya perchaya akan dapat sambutan yang besar daripada orang² bumiputra sendiri.

Saya berharap supaya dengan menjelang ranchangan hendak mengadakan Bank Ra'ayat, Lembaga Pemasaran, dan saya dengar satu Bill akan dibentangkan yang di-namakan *National Corporation* ia-itu tanah² yang terbiar, Lembaga atau Badan ini akan berusaha untok menjadikan tanah itu sa-bagai tanah yang berguna dengan empat² dasar ini berganding dan bekerjasama dengan Kementerian² yang berkenaan khas-nya, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan juga sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh wakil daripada Hilir Perak tadi. Sa-barang ranchangan, jikalau tidak dengan sambutan daripada bumiputra sendiri, dengan tidak ada kemahuan daripada bumiputra

sendiri, buat-lah RIDA-kah MARA-kah, apa juga, tidak akan berjaya. Tetapi ada orang yang suka mengkeritik. Senang sahaja hendak mengkeritik, Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang mudah. Tetapi hendak memperekitik, hendak menjayakan ada-lah satu perkara yang sangat susah. Saya berharap orang² yang chuma hendak mengkeritik, tolong tinjau, tolong perhati, keritikan diri sendiri, tanya diri tiap² sendiri, apa yang dia telah buat untuk memajukan anak² bumiputra. Apa-kah saya telah buat sa-bagai sa-orang anak bumiputra, sa-bagai sa-orang warga-negara, sa-bagai wakil ra'ayat, sa-bagai pemimpin². Saya harap tiap² warga-negara tanya diri sendiri apa-kah saya telah buat untuk memajukan ekonomi bumiputra dan beri jawapan dengan prektik.

Mr Speaker: Persidangan ini ditanggohkan sa-lama 15 minit.

Meshuarat ini di-tanggohkan pada 5.55 petang.

Sitting resumed at 6.10 p.m.

Mr Speaker: Saya suka hendak mengingatkan, tolong pendekkan ucapan itu, kalau boleh dalam masa lima minit.

Tuan Haji Muhammad Su'at bin Haji Muhammad Tahir (Sarawak): Saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu lembaga baharu yang di-katakan-nya akan mempunyai bentok, nafas dan jiwa yang baharu. Penubohan MARA merupakan kesedaran kepada kepentingan bumiputra. Juga harapan Kerajaan Perikatan supaya chita² dan hasrat ra'ayat di-kampong² dan di-luar bandar untuk mendapatkan bahagian yang lebih sempurna di-dalam lapangan iktisad dan perniagaan itu dapat dilaksanakan dengan lebih giat dan sempurna lagi. Sangat² mengembirakan sakalian penduduk² luar bandar.

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata ia-itu empat daripada 69 Ketetapan² Kongres yang telah di-laksanakan supaya pelaksanaan ranchangan² itu di-jamin berjaya.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menubuhkan satu badan khas yang bertanggungjawab melihat bahawa ranchangan² ini di-laksanakan dengan giat dan sempurna.

Yang Berhormat ada menerangkan dua perkara yang sangat² menarik perhatian saya. Pertama tugas baharu MARA. Di-dalam lapangan pengangkutan, saya minta kepada Kerajaan Pusat supaya mengkaji perkara ini di-Sarawak dengan sa-dalam²-nya. Saya telah di-beritahu ia-itu layanan daripada apa yang di-'amalkan di-Malaya, di-Sarawak Kerajaan tidak memberi peruntukan khas bagi bumiputra di-dalam lapangan ini.

Apa-kah sebab-nya perbezaan ini di-'amalkan. Tidak-kah bumiputra di-Sarawak sama dengan bumiputra Malaya. Saya harap Kerajaan Pusat tidak memandang Sarawak mempunyai taraf yang lain daripada taraf negeri² di-Malaya ini. Saperti yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat Ahli daripada kawasan Batu. Yang Amat Berhormat juga menerangkan ia-itu pernah satu Sharikat Kebangsaan atau pun National Corporation saperti yang di-kehendaki oleh Congress Ekonomi Bumiputra sedang di-lancarkan. Nam-pak-nya Kerajaan Pusat lebih mengambil langkah bagi penubohan Sharikat Kebangsaan itu dalam lapangan perusahaan hutan. Kerana menurut penerangan yang Amat Berhormat tadi dalam lapangan ini ada-lah di-fikirkan ahli² bumiputra di-luar bandar ada mempunyai peluang yang luas untuk mengambil bahagian dengan sempurna, dengan tidak berkehendakkan pengalaman atau pengetahuan yang dalam. Saya sangat² gembira mendengar penerangan ini daripada Yang Amat Berhormat itu. Dan saya berharap ia-itu Sharikat Kebangsaan tersebut akan mengadakan tugas-nya di-Malaya sahaja, tetapi sa-balek-nya akan meliputi sa-luruh Malaysia.

Di-Sarawak, sa-bagaimana di-ketahui oleh 'am, hampir² semua hutan² itu di-punyai oleh taukeh²—taukeh² yang besar yang telah pun menjadi millionaire. Pada masa ini taukeh² itu datang dari Sibu dan dari Lembang. Di-antara mereka itu berjuta² ribu ekar di-kuasai

oleh mereka. Mereka telah dapat hutan² itu bukan sahaja di-masa Inggeris dahulu, tetapi juga sa-telah Malaysia tertuboh. Dukachita-nya Kerajaan Negeri nampak-nya tidak bersimpati dengan hasrat bumiputra Sarawak yang mahu mengambil bahagian yang besar dalam lapangan perusahaan kayu-kayan. Jika Kerajaan Pusat tidak mengambil tindakan yang sa-wajarnya bagi membantu bumiputra Sarawak dalam lapangan ini, maka bumiputra Sarawak akan terus tinggal di-belakang dan ini akan mendatangkan akibat² yang tidak kita ingini.

Policy British dahulu yang mengamalkan policy *survival of the fittest* mesti-lah di-hapuskan dan satu policy baharu yang sesuai dengan hasrat ra'ayat yang ramai, di-amalkan. Saya juga berharap Congress Ekonomi Bumiputra akan bersidang sa-kurang² nya dua tahun sa-kali supaya menerusi congress itu, Kerajaan dapat mengetahui hasrat² ra'ayat bumiputra yang sa-benar-nya, dan mencari jalan bagaimana hasrat² itu dapat di-penuhi dengan sa-chara yang 'adil. Saya bukan-lah bermaksud bahawa mereka yang bukan bumiputra tidak patut menerima bantuan daripada Kerajaan. Apa yang saya maksudkan ia-lah Kerajaan patut memberi bantuan kepada mereka yang sangat² menghendaki kapada bantuan. Saya rasa prinsip ini penting di-amalkan.

Yang Amat Berhormat juga menerangkan ia-itu Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian akan mengemukakan satu Rang Undang² untuk menubuhkan satu lagi lembaga yang bertujuan hendak menolong menjayakan tanah² yang di-punya'i oleh ra'ayat di-luar bandar, supaya tanah² itu dapat mengeluarkan hasil² yang memuaskan hati dan dapat memberi sa-penoh² faedah kapada mereka² yang memileki-nya. Tetapi saya berdukachita kerana Rang Undang² tersebut tadi chuma berjalan di-Malaya sahaja dan tidak memberi faedah kapada negeri² Borneo. Saya sangat² berharap lembaga yang saperti itu patut-nya meliputi tugas-nya.

Beberapa bulan dahulu kita telah mendengar satu krisis dalam Sarawak—timbul di-Sarawak—berhubong dengan

chadangan Kerajaan Negeri Sarawak hendak mengubah Undang² Tanah Negeri yang akan menghapuskan apa yang di-ketahui di-sini sa-bagai Malay Reservation, dan di-Sarawak di-panggil Native Area atau Native Land. Kerajaan Negeri Sarawak berkata tujuan dibuat demikian ia-lah supaya tanah² bumiputra boleh di-jual kapada mereka yang bukan bumiputra dengan harga yang tinggi. Dan wang itu dapat digunakan oleh bumiputra untuk kema-juan mereka. Tetapi apa-kah salah-nya tanah² bumiputra itu di-selenggarakan saperti yang akan di-buat di-bawah lembaga yang akan di-tubuhkan oleh Menteri Tanah dan Galian. Saya harap Kerajaan Pusat akan berhati² mengambil langkah yang memberi faedah bukan sahaja kapada bumiputra di-Malaya bahkan kapada bumiputra di-Sarawak juga. Demikian—terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu: Mr Speaker, Sir, listening to the debate, I am impressed by the fact that this House seems to be caught between an old term the RIDA, a short form, and the new term MARA, and it seems to me also that these two terms carry a note of emotional significance, because the general impression is that RIDA has not fulfilled what it set out to do and there is some misconception and some blurring of what the future significance of MARA will be.

However, Sir, I would like to participate in this debate in the spirit of a statement made by the Honourable the Deputy Prime Minister. In reply to a remark, made very much earlier on in the debate, by the Honourable Member for Batu, when the word "bumiputra", which was so commonly being used throughout the debate, was first put forward: and, I stand to be corrected, and if I am correct, I listened to the statement then made by the Honourable the Deputy Prime Minister in assuring that the purpose, that is, the objectives of this Bill, is to provide for the development, particularly in the rural areas, for "all sections of our community". Under those circumstances, Sir, I feel that without doubt this Bill stands as a very important and national Bill and therefore the spirit whereby we should approach the whole

concept of this Bill should be above partisan political partisanship—above even communal, racial sectarianism, and it should be national.

Sir, let us assure Honourable Members in the Government benches that we in the opposition are as keenly concerned with only the survival but the development of our nation and we understand that in the development of the nation we cannot progress evenly or happily unless development takes place in the urban areas at a pace commensurate with development which can take place in the rural areas. Similarly this country cannot prosper happily unless progress takes place with one particular community as well as with all other communities, that is to say, if one community lacks behind it will affect the entire national prosperity and if another community pushes on too fast it will also similarly affect it and I think that is the difficulty which the Government faces. I do not wish to try and help the Honourable the Deputy Prime Minister—he can well take care of the other statements that have been put forward. However, Sir, I feel that the statement made by the Honourable the Deputy Prime Minister that this Bill is meant for all sections of the community, is a Malaysian Bill, so this term “Rakyat” is not translateable either into bumiputra or Melayu; it is properly translateable only to the term Malaysian and I so indicate this, Sir, because if we look into Clause 36 of the Bill, in English form, it deals with a matter which I wanted to bring up, Sir the purpose of many written laws relating to land which has to be reserved for alienation to Malays or to the natives of the State in which it lies. In the version in the national language, “Majikan dan Pertahanan and so on, “sa-orang Melayu atau sa-orang bumiputra” so there it is clearly indicated Sir that what we are trying to get at is not for the bumiputra or the Melayu or the non-bumiputras but for the benefit to the nation as a whole and all sections of the community. And I think it is just this blurring of the image of what the Alliance Government is attempting to do which makes

things a little bit difficult and I understand the predicament they are in, after all the Alliance ideology of a two-step Malaya can lead to a situation where everybody is marching out of step.

But Sir, I think the objective as laid down earlier on by the Honourable the Deputy Prime Minister deserves all our support. Sir, we do not know what the outcome of this Bill will be, what the future of MARA will be, I think it should be a matter for constant review in this House. But this Bill *per se* I think Sir, is as good a Bill as you possibly have; it was unfortunate that the term RIDA was brought in under an explanatory statement where it was indicated that RIDA was to be repealed and MARA was to be put in its place. However, Sir, I hope that this is not a method of grafting a new idea onto an old stump, rather that this Bill MARA itself is a new seed, something new which we are planting. And Sir, for the benefit of those who are still highly emotionally charged with regard to the racial and communal terms I do suggest that there is one common saying which is sometimes thrown about politically, I think, indiscriminately,—kachang lupukan kulit—but we know biologically that if a seed wants to germinate and grow into a big tree and bring fruition, it must “lupukan kulit” and Sir, this is exactly the position—this is a position where every single community, every section of the national community, in this multi-racial society of ours, whether it is in the urban areas as well as in the rural areas we must understand, that every single provision, if worked out well, contribute to the benefit of the entire nation. Sir, from that point of view I would like to refer briefly to Clause 3 Sub-section 3 which was referred to by the Honourable the Member from Pasir Puteh but I wish to bring this reference for the Honourable the Deputy Prime Minister to consider. I feel Sir, that the Majlis might possibly be enlarged to be a bigger, more representative committee. As it is we notice that apart from the Chairman, there would be one member from the Ministry of Finance, Ministry of Commerce, one member from the

Ministry of Agriculture and Co-operatives, two members from the Ministry of National and Rural Development—that makes 6 plus 9 others (F) and (G). Five members having experience and 4 other members apparently having no specific experience. Sir, I feel that the term “experience of knowledge in commerce, finance and industry” is itself definitive but probably too restrictive. It would be better if we had 5 members chosen for knowhow, a special knowhow for example in research, in adapting new methods into rural development, and of the other members apart from the 4 members, I do suggest that we have more members provided in this committee to meet two objectives. In seconding, the Honourable Member, the seconder of the motion has suggested that the members of Sarawak and Borneo should be represented because their States require special attention. Sir, I do feel that even a State like Penang which has got very little rural areas left and sometimes classified as an advanced State while I myself in my own State say we are now going backwards—even a State like Penang requires help from MARA; it is because the rural areas in my State would require such help. So if we could allow some degree of State representation, I think it would help greatly.

But there is another suggestion which I would put forward to the Honourable the Deputy Prime Minister for his serious consideration. Sir, as I say, this Scheme is a national one, how it progresses we do not know, but it must be to the interests of everyone in this House that the Scheme should work because if it does not work then our whole national economy will be unbalanced. Sir, under those circumstances I wonder whether the Honourable the Deputy Prime Minister would seriously consider taking this matter of rural development out of partisan squabbles and provide for representation by various political organisations in this Committee. Sir, the Alliance can claim to be the father of this Scheme, it can do anything it likes but I feel, Sir, that on a matter of such great

importance let there be no partisan squabbles for bandying around on election time.

This is a matter where we must work together for survival. The Alliance can have all the majority members they wish to control the committee, but I feel that it is best if opinions from opposition parties could also be included in the formation of this Majlis.

Sir, I would like to refer also to Clause 6, Sub-section 2, referring to the duties and powers of the Majlis. Sir, I feel that there are two sectors here which I would like to commend to the Honourable Deputy Prime Minister for his consideration. And one is that the provisions in 6 (2) (a) “to carry on all activities particularly development of commercial and industrial enterprises”. Here I think we might seriously consider the position of an entirely new and important concept which is now occupying the minds of more industrialised nations or nations swinging from agricultural agrarian economy into an industrial economy mainly the provision for consumer co-operative organisations and their participation in the development of the national economy. The other thing, Sir, I think this clause, the whole clause, provides for research. The Honourable the Deputy Prime Minister might say that this is all covered under 6 (2) (f) “to do all acts which the Majlis considers desirable or expedient”. Sir, that I think, on the other hand, is too all-embracing a sub-clause because I would like to see, for example, that the Majlis is allowed to do all acts which are considered desirable or expedient to carry out its objectives or its duties as defined above in Section 6 (1) but just to leave it underfined to do all acts it deems desirable or expedient, Sir, can lead us to the very major troubles which the RIDA found, namely if you start lending out money and you did not have the power to recover the loans, the money could just be thrown into the drain and nothing could happen. So I think some definite section here to provide for research and to provide for the power of recovery of loans or provide for assessment at different stages of the development

projects and schemes as they are being developed will be quite important. The other clause, Sir, which I am interested in, is in page 9 of the Bill, Clause 27 (i), "Compulsory acquisition of land". Sir, here I feel that there should be some measure of State representation and there should be some degree of consultation with State Governments. I think the Federal laws are quite clear and implicit on this issue with regard to land and I feel that before an organisation like MARA begins to compulsorily acquire land apart from applications under written law, the applications, if possible, should pass through the State Governments.

Tun Haji Abdul Razak: Acquisition of land is a purely State matter. Any land to be acquired must be done by the State under the State law and there is no Federal law and MARA or any other Federal organisation, there is no power to acquire land by itself.

Dr Lim Chong Eu: This is all under the written law and I am very glad for the explanation because I think it clarifies a point which, if underfined, could be interpreted otherwise. Sir, the last clause which I indicated, I was interested in, was Clause 36 where there was a blurring of the image of Melayu dan Bumiputra. Sir, because under this definition I would like further clarification from the Honourable Deputy Prime Minister: whether with this Clause 36 on page 12 whether it would enable a Malay in the States of Borneo and Sarawak to also receive benefits equivalent to the Bumiputras, the natives, and vice versa, whether the natives of Sarawak and Borneo would have reciprocal rights as Bumiputras of Malaysia to get reciprocal rights for reservation and alienation with regard to Malay reservation in the States of Malaya. That is a clause which can lead to some degree of mis-interpretation but on the whole, Sir, I feel that the Bill, the objectives of the Bill, although a little blurred, are clearly national and it should be non-partisan and we, in the opposition, with these remarks to make on certain specific points wish that some day will come when we would neither have to talk about Bumiputra nor non-Bumiputra

and everybody will talk about MARA as a Malaysian concept.

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: On a point of clarification, Sir, the word "native" is defined in the interpretation in the General Clause Ordinance in Sarawak and also the Sabah legislation, that word includes Malays in the States concerned.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pendek sahaja, pertama-nya sa-belum daripada saya membuat apa² pandangan dan tegoran di atas Rang Undang² yang telah di-kemukakan, saya suka-lah menyertai Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh tadi menguchapkan tahniah yang tinggi kepada pehak Pejabat Peguam Negara serta kaki-tangan-nya yang mengambil tahu berkenaan dengan mengarang undang² kerana mengadakan, rasa saya, kalau tidak salah faham saya, pada kali yang pertama-nya sa-buah Rang Undang² dalam bahasa kebangsaan.

Walau pun saya sendiri mendapat latehan undang² dalam bahasa Inggeris, tetapi saya berani mengaku semenjak tahun 30 lagi, di-negeri Kelantan, kita telah mengadakan undang² dalam bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, Undang² yang berat²,—*Evidence Ordinance, Penal Code, Criminal Procedure Code*, semua-nya di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri dahulu dalam bahasa kebangsaan. Jadi saya men-galu²-lah permulaan kita mendapat di-Dewan ini Rang Undang² dalam bahasa kebangsaan. Saya perchaya tentu-lah oleh sebab harus kurang kaki-tangan pejabat yang berkenaan, tidak-lah kata semua Bill itu boleh di-bentangkan dalam bahasa kebangsaan, tetapi jikalau boleh sa-berapa banyak daripada Bill² yang hendak di-kemukakan di-Dewan ini, patut-lah di-adakan juga dalam bahasa kebangsaan. Saya, sa-benar-nya pada pagi ini sahaja baharu dapat Rang Undang² ini, oleh itu tidak sempat-lah saya hendak menghalusi tiap² butir dalam Rang Undang² ini, tetapi saya berharap waktu Yang Amat Berhormat Tim-balan Perdana Menteri mengemukakan chadangan bacaan kali yang kedua

tadi, saya dapat menengok satu Bill yang chukup, kata orang, kuat-kuasa atau pun dynamic, sebab, kalau tidak salah dalam ingatan saya, waktu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengishtiharkan pelancharan MARA di-Majlis penutup Kongres Bumiputra dahulu, sa-lain daripada kata Yang Amat Berhormat bahawa MARA itu ia-lah satu badan yang akan di-beri jiwa baharu, semangat baharu dan lain²-nya, tetapi juga ia-lah harapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa MARA itu akan mara ka-hadapan sa-bagai menjalankan *operasi militer* (*Military Operation*). Tetapi bila saya tengok Bill ini banyak-lah chadangan yang ada atau sharat² yang ada dalam undang² yang mendirikan RIDA dahulu, telah di-masokkan dalam Rang Undang² ini.

Jadi sudah tertegak perasaan saya atau harapan saya bahawa MARA yang akan di-dirikan itu akan boleh berjalan sa-bagaimana niat dan chita² Yang Amat Berhormat itu. Tetapi bila saya bacha halus², nampak-nya ta' dapat tiada kena-lah ada sharat², kalau kita pandangkan dari mana-kah hendak datang modal itu dahulu. Modal itu kena datang daripada khazanah Kerajaan—sa-bahagian daripada modal. Jadi saya sa-bagai sa-orang bekas pegawai Kerajaan berasa kena-lah ada juga sekatan—ma'ana-nya tidak-lah boleh kita bagi *blank cheque*, kata orang. Walau pun demikian, saya berharap janganlah perjalanan MARA pada masa akan datang ini terikat sa-bagaimana perjalanan RIDA yang telah lepas. Saya fikir ada pegawai² RIDA mendengar atau menjadi observer dalam Dewan ini sekarang ini dan saya perchaya pegawai² yang bekerja dengan RIDA itu walau bagaimana pun mereka hendak menyegerakan segala pekerjaan, tetapi tiada dapat kerana sebab atoran dan peratoran yang ada pada RIDA itu mengikat tangan mereka daripada menyempurnakan kerja dengan serta-merta.

Kita, mengikut chadangan ini, akan mengadakan satu Majlis mengandogi beberapa orang ahli yang akan mengator dan menetapkan polisi². Dan polisi itu

akan di-jalankan oleh beberapa baha-gian. Saya rasa daripada keterangan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, tidak kurang daripada 7 bahagian. Kalau sa-kira-nya kita hendak menjalankan kerja sa-bagai askar, askar itu di-beri satu perintah, awak tuju ambil bukit itu, lawan musuh supaya dapat menawan bukit itu. Tidak boleh askar itu menjalankan tugas² atau pun perintah menawan sa-sabuah bukit yang di-kuasai oleh seteru melainkan di-beri kapada-nya segala kelengkapan alat senjata, orang dan lain². Jadi di-sini kalau sa-kira-nya MARA hendak menjalankan dan menyempurnakan chita² Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, hendak menjalankan kerja sa-bagai menjalankan satu operation askar, maka kena-lah pehak yang berkuasa memberi chukup alat senjata kapada MARA. Ini satu pandangan yang saya harap pehak yang berkuasa akan menimbangkan dengan sa-halus-nya. Jikalau tidak, tersekat-lah perjalanan MARA itu sa-bagaimana perjalanan RIDA dahulu juga.

Saya perchaya niat Kerajaan, dengan jalan mengadakan badan yang baharu, nama baharu, jiwa baharu, semangat baharu dan lain²-nya itu, ia-lah samata² kerana hendak meninggikan lagi taraf mutu kehidupan ra'ayat kita didalam negara Malaysia ini, ia-itu ra'ayat yang patut mendapat pertolongan—mereka di-kampong² dan di-desas².

Lagi satu tegoran atau pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada di-sini sharat bagi menyempurnakan tugas² tanggungan MARA boleh mendirikan corporation atau perbadanan. Saya fikir ini satu langkah atau satu sharat dalam Rang Undang² ini yang boleh memberi pertolongan yang sa-chukup² baik kapada mereka² yang di-kampong². Tetapi pengeshoran saya, bagi timbangan Tuan Yang di-Pertua, jika sa-kira-nya MARA hendak mengadakan atau hendak mendirikan perbadanan untuk meninggikan iktisad ra'ayat sa-kalian, saya fikir elok-lah perbadanan itu menjadi satu perbadanan yang membawa pemodalan yang berkongsian. Tadi kita dengar tegoran atau sungutan daripada Ahli

Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir mengatakan, mengikut siasatan atau pengetahuan yang telah sampai kapada-nya, ada konterektor Melayu di-Kelantan hendak menyewa cement mixture—tidak dapat, dan hendak pergi membeli kayu yang telah dibuboh ubat—tenalised timber—tidak dapat. Ini satu jalan yang boleh MARA, terutama sa-kali di-negeri² di-pantai timor, negeri yang miskin, mendirikan perbadanan yang berkongsi dengan ra'ayat di-sana saperti perbadanan mengadakan alat² perkakas yang boleh memberi khidmat atau service kapada konterektor yang kechil² bukan sahaja cement mixture dan apa² lagi alat perkakas yang bersangkut-paut dengan pekerjaan membuat konterek. Dan juga mengapa-kah tidak boleh MARA berkongsi dengan orang² Melayu kita di-pantai timor, mendirikan kilang² kayu, memberi ubat—membuboh ubat kapada kayu, sebab sa-tahu saya banyak di-negeri saya orang² Melayu yang telah dapat lesen dan telah mengerjakan kayu beratus² ribu ekar jumlah-nya—ada di-tangan orang² kita di-sana. Ini satu penge-shoran yang saya harap pehak Majlis MARA kelak akan timbangkan dengan sa-halus²-nya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-banyak mana pun MARA dengan niat dan chita² yang baik, sa-banyak mana ra'ayat kita menunjukkan kemahuan hendak menolong diri sendiri membaiki untong nasib dengan mendirikan perniagaan di-situ dan di-sini, ta' boleh kita larikan juga daripada tanggungan kerajaan, baik Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat, pada mengadakan segala infra-structure supaya boleh mereka ini menjalankan atau menyalorkan segala perniagaan² mereka kapada pasaran². Apa dia tujuan-nya saya sebutkan bagini, Tuan Yang di-Pertua? Ma'ana-nya kalau di-kampong² ada orang membuat kilang kechil, bagaimanakah ra'ayat di-kampong itu boleh bawa menjual segala barang perbuatan mereka kalau tidak ada jalan, mithalnya, jalan kechil atau pun jalan besar; kalau barang itu berat, kena pula jalan besar, hendak punggah dengan lori atau pun ikut sungai, bagaimana hendak turunkan barang ka-tebing

sungai, kalau tidak ada tangga atau jetty. Tanggongan ini, saya fikir, bukan-lah tanggongan yang akan di-letakkan ka-atas MARA, ini tanggongan yang sa-patut-nya di-jalankan oleh Kerajaan Negeri dan/atau Kerajaan Pusat. Jadi negeri saya, yang kita mengaku negeri yang mundor, negeri miskin, saya sendiri fikir, sangat²-lah mengalukan pertubohan MARA ini supaya boleh-lah sa-berapa daya upaya MARA menolong ra'ayat kita di-sana pada membaiki dan mengubah untong nasib mereka. Tetapi dalam pada itu pun saya menyeru kapada Kerajaan Negeri baik, Kerajaan Pusat baik, kena-lah mereka menjalankan tanggongan-nya bagi mengadakan infra-structure supaya boleh ekonomi itu berjalan. Saya baharu² ini suka hati benar dan berbangga dapat tahu ada fahaman yang telah terchapai di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat berkenaan dengan pertolongan² daripada Kerajaan Pusat kapada Kerajaan Kelantan dan akan di-terima oleh Kerajaan Kelantan.

Jadi ini satu sejarah, dan patut kita sa-kalian, yang berchita² kapada faedah dan kebajikan kapada ra'ayat, menerima dengan suka hati. Saya harap hendak mendengar daripada yang Amat Berhormat apa-kah yang telah Kerajaan Pusat membuat di-negeri Kelantan sa-telah terbit fahaman atau pakatan yang saya sebutkan tadi, dan apa-kah lagi chadangan dari pehak Kerajaan Pusat hendak menghulorkan kapada Kelantan pada masa yang akan datang. Mari-lah kita mengambil peluang yang baik ini waktu kita membawa satu Rang Undang² yang bertujuan hendak menolong untong-nasib orang² terutama-nya di-kampong² mari-lah kita mengambil peluang ini, lupakan segala sentiment² politik, dan biar-lah ra'ayat kita mendapat faedah dan ni'mat daripada kekayaan negeri kita ini.

Saya suka menegor di-atas satu perkara yang di-sebutkan oleh, rasa saya tadi. Yang Berhormat Ahli daripada Bachok. Ia bertanya, fasal apa ta' ada ta'rif bumiputra dalam Rang Undang² ini? Saya bertanya balek, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah gunanya kita adakan ta'rif bumiputra

jikalau di-negeri saya hampir² 400,000 ekar tanah di-serahkan kuasa-nya kepada bangsa asing? (*Tepok*).

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu²kan Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat, ringkas-nya MARA ini, saya hanya meminta dan merayu kepada Menteri yang berkenaan—kerana MARA ini di-lahirkan dalam satu Kongeres—Kongeres Bumiputra. Dalam keputusan Kongeres yang lalu, sa-lain daripada hendak menubuhkan MARA, juga membuat keputusan dalam Kongeres itu, Kerajaan hendak-lah memberikan bantuan dan sokongan kepada Sharikat Bank Agong Kerjasama². Jadi, saya berkali² berchakap bagi orang Melayu, terutama sa-kali penduduk di-luar bandar, telah 40 tahun lama-nya menjalankan Sharikat Kerjasama² dan telah lahir Bank Agong ini. Jadi, saya berharap-lah sangat², sa-lain daripada Kerajaan memberikan pandangan kepada MARA, beri-lah sokongan pada Bank Agong yang tugas—ini sangat berat terhadap penduduk luar bandar, terutama sa-kali orang Melayu.

Sa-peninggalan penjajah memang kita telah berkesan, orang Melayu hanya di-berikan sawah padi dan menjadi nelayan. Ta' ada-lah estate getah besar², lombong bijeh yang begitu banyak. Jadi sawah padi ini, salah² gaya buat, padi-nya di-makan tikus, di-hentam oleh kemarau. Bagini-lah nasib orang Melayu di-luar bandar. Di-tudoh pula orang Melayu malas, pada hal saki-baki penjajah ia itu di-berikan, di-tinggalkan orang Melayu dengan bersawah padi dan menangkap ikan. Nasib nelayan mengharong lautan lepas. Bagini-lah keadaan nelayan itu. Jadi, Bank Agong ini memberikan pertolongan dan pinjaman kepada kedua² orang, benda yang saya sebutkan tadi. Jadi saya berharap sangat² kepada pehak Kementerian yang berkenaan akan memandang—bukan sahaja memandangi—tetapi memberi pertolongan yang sama terhadap Bank Agong.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tertuboh-nya MARA, banyak-

lah tahniah dan kata² yang telah dikeluarkan dalam Majlis ini pada hari ini dan ada pula yang sanggup menudoh ia-itu Kerajaan di-tudoh kechewa dengan RIDA. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Kerajaan tidak kechewa dengan ada-nya perjalanan RIDA. Ini juga saki-baki penjajah. Sa-lain orang Melayu tidak ada mempunyai semangat, tidak di-naikkan semangat kebangsaan-nya, begitu-lah apa pun di-hulorkan oleh Kerajaan, apa pun di-beri oleh Kerajaan, payah hendak mendapat apa yang di-chita² Kerajaan supaya orang Melayu sa-lepas merdeka ini, dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan orang² yang bukan Melayu dalam tanah ayer ini. Saya berharap pehak MARA akan melancharkan-lah penerangan kepada luar bandar, terutama sa-kali orang Melayu, supaya kesedaran dan ke-insafan timbul. Kalau Kerajaan mengumpulkan atau pun memberikan kewangan begitu banyak, orang Melayu tidak insaf dan tidak sedar, rasa saya datang-lah bagaimana tudohan² tadi ia-itu Kerajaan akan kechewa pada hal kesalahan ini tidak-lah boleh di-letakkan kepada Kerajaan.

Saya mendengar ucapan salah sa-orang daripada Parti Pembangkang tadi, apabila satu Rang Undang² tidak ada berbau perkauman, dia menyokong 100%. Berchakap dengan lantang, pada hal selalu orang ini-lah yang menjalankan perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, Sharikat Kerjasama² telah di-tubuhkan 40 tahun lalu. Saya mengambil kesempatan berchakap di-sini berhubung dengan nasib orang Melayu yang saya katakan tadi hanya di-beri kesempatan bersawah padi dan menjadi nelayan. Dengan jalan Sharikat Kerjasama², kita telah dapat mendirikan kilang² padi yang besar saperti Kilang Padi Sharikat Kerjasama di-Tanjong Karang, di-Kelantan, di-Melaka. Malang-nya, hasil² padi yang di-jadikan beras daripada Kilang ini, tidak mendapat layanan yang sa-wajar daripada Kerajaan. Saya chuma memberi pandangan, umpama-nya, Kilang Padi Tanjong Karang, Kerajaan memerentahkan membeli padi \$16.00 sa-pikul, beras di-ambil oleh Kerajaan dengan harga

\$430.00 satu ton. Tetapi tahun yang sudah, harga padi \$15.00 sa-pikul, harga beras \$430.00 satu ton juga. Terang \$1.00 dalam satu pikul Sharikat ini menempah kerugian—Tanjong Karang tetap rugi, dengan tidak memberi pandangan oleh Menteri berkenaan—\$700,000 kerana dia membeli 700,000 pikul padi. Jadi, harapan kami supaya ini juga mendapat perhatian daripada MARA kerana hendak di-harapkan bantuan daripada lain² jalan tidak ada, itu-lah harapan kami.

Akhir-nya saya berharap pehak pegawai² MARA pada masa hadapan yang akan menjalankan tugas-nya pada negeri² di-minta-lah bekerjasama dengan Wakil² Ra'ayat, kerana ini ada hubungan. Selalu kami di-soal, mana dia MARA hendak meminjamkan duit, mana bantuan yang aku hendak terima. Kalau tidak mendapat kerjasama, bagaimana-lah kami Wakil Ra'ayat hendak menjawab. Ini-lah harapan saya. Terima kaseh.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan berchakap ringkas sahaja dalam perbahathan ini, kerana Yang Berhormat wakil daripada Batu pun tidak ada di-sini. Tetapi biar-lah saya bertanya bagaimana beliau telah mengatakan dasar Kerajaan Perikatan ini hendak mengkayakan yang kaya dan yang miskin apa harapan; apa-kah harapan terhadap beberapa buah teks di-Padang Kapal Terbang Antara Bangsa yang baharu telah di-bahagikan kepada Sharikat Matahari. Yang sabenar-nya, saya suka menerangkan kepada beliau, dan kepada Rumah Yang Berhormat ini, dan juga kepada orang ramai bahawa Kerajaan Perikatan mengamalkan dan memberi peluang kepada mereka², terutama sa-kali yang telah berjasa kepada negara, dan waktu negara kita di-dalam dzarurat, di-mana² juga ada kekosongan teks ini—kerana yang kosong-nya ada sedikit bilangan-nya, dan yang memohon-nya banyak—sebab itu Kerajaan menggalakkan bersharikat, sama ada Sharikat² Kerjasama atau pun beberapa Sharikat orang ramai dan juga Public Limited Company (Sharikat Awam).

Maka saya suka menerangkan di-sini bagi pehak Kerajaan Perikatan dan Pengerusi Majlis Lesen di-Selangor ini—di-adakan beberapa buah Sharikat Kendaraan Bekerjasama² yang mempunyai bilangan ahli beratus² orang, kebanyakan daripada ahli²-nya ia-lah bekas askar dan juga bekas² polis yang telah memohon di-beberapa tempat dan telah pun mempunyai sekarang ini 47 buah teks yang di-jalankan oleh mereka sendiri, dan mereka juga dapat bekerja dan dapat keuntungan antara mereka. Begitu juga ada tempat² yang permohonan daripada sa-orang atau pun dua orang, kerana ada terdapat teks yang di-beri kepada sa-saorang di-jual atau di-gadaikan chara Ali Baba, oleh kerana permohonan daripada dua tiga orang itu lebih di-utamakan daripada permohonan sa-orang kerana kalau dia hendak gadaikan, hendak pajakkan, hendak jual kepada orang, dia kena berunding. Dan juga di-negeri Melaka, barangkali Yang Berhormat daripada Melaka faham dan tahu Sharikat Kendaraan Kerjasama Melaka ada juga mempunyai lebih daripada 30 buah kereta sewa, kakitangan dan ahli yang beratus juga.

Bagitu juga di-negeri Pantai Timor tidak ketinggalan juga, walau pun di-negeri Kelantan di-kelolakan oleh Kerajaan PAS tetapi soal ekonomi, soal membantu dan membaiki ekonomi orang Melayu atau bumiputra, tidak ketinggalan juga. Ada Sharikat Kendaraan dan Sharikat Kerjasama yang mempunyai juga barangkali sekarang ini 12 atau 14 buah kereta sewa. Bagitu juga di-Port Dickson dan di-negeri Perak, di-Pulau Pinang dan di-mana² juga. Tetapi malang-nya, apabila timbul Matahari ini dua belas buah teks yang di-untokkan di-Pengkalan Kapal Terbang Antara Bangsa di-Subang ini terpaksa Kerajaan, terpaksa Kementerian Pengangkutan, terpaksa Pejabat Kendaraan juga, menjaga maruah dan taraf keadaan rupa teks² yang ada di-situ dan juga pemandu²-nya. Sebab itu di-bagi syarat ia-itu pemandu² hendaklah memakai pakaian seragam yang tertentu dan motokar²-nya biar-lah yang elok dan berwarna yang tertentu, kerana banyak daripada penumpang²

dan semua penumpang yang datang dari seluruh dunia akan sampai di-sana dan akan menggunakan kereta² sewa di-padang terbang itu—itu sa-bagai satu gambaran yang baik.

Maka ada lapan pehak yang memohon, tetapi telah di-semak oleh Majlis Pelesen dan teksi² itu mesti 24 jam tetap ada di-sana dan sudah ditilek dari segi sa-halus²-nya Sharikat Matahari ini-lah yang boleh menyempurnakan syarat² itu dan di-fikirkan patut. Maka bukan-lah sebab siapa yang menjadi ahli Sharikat ini atau siapa Director-nya itu jadi soal yang kedua. Tetapi di-sini saya baharu menerima surat, petang ini tadi, yang di-tanda tangani oleh Pengerusi Sharikat Matahari Limited, yang pada masa ini di-daftarkan sa-bagai Sharikat Private Limited Company, kerana jikalau hendak di-jadikan *public* company mesti-lah memakan waktu kerana hendak menubuhkan-nya, tetapi dalam Meshuarat-nya yang kedua belas yang telah di-adakan pada 25hb Oktober, 1965, ini, pehak Pengarah² Sharikat ini telah bersetuju pada dasar-nya dan sa-buah Jawatan-kuasa Kechil sedang di-tugaskan supaya melaksanakan Sharikat Matahari Berhad ini akan di-jadikan sa-buah Public Limited Company, yang mana pertama sa-kali-nya pehak driver yang bekerja, sama ada bawa teksi ini-kah, bawa bas-kah, atau pada masa hadapan ada lagi kenderaan² yang lain yang mereka akan menjalankan perniagaan pengangkutan. Mereka akan di-beri peluang yang pertama sa-kali, bukan sahaja menjadi pemandu² tetapi akan menjadi pemegang saham dalam Sharikat Public Limited Company yang di-chadangkan itu. Dan saya harap juga pehak Yang Berhormat ini faham dan tahu daripada 8 pemohon² itu, hanya dua sahaja yang merayu kepada saya meminta di-timbangan sa-mula. Satu daripada-nya ia-itu-lah Sharikat Kenderaan Kerjasama Negeri Selangor yang mempunyai 47 buah teksi telah menarek balek rayuan-nya itu, kerana mereka telah berunding dengan Sharikat Matahari ini dan apabila ia telah di-jadikan Public Limited Company, mereka akan berunding supaya Sharikat Kenderaan Teksi di-Selangor ini,

terutama sa-kali di-Ibu Kota ini, dapat di-satukan supaya dapat beratus bilangan-nya, supaya dapat di-adakan wokshop yang mana boleh pemuda² bumiputra ini di-lateh menjadi forman² atau pun mechanic dan boleh mengadakan pam minyak-nya sendiri, boleh mengadakan kedai spare parts dan tyres dan segala²-nya. Maka dengan chara sa-macham itu bukan-lah hendak menolong yang kaya menjadi kaya, tetapi memberi peluang kepada tiap² lapisan ra'ayat terutama sa-kali bumiputra, sementelah lagi dengan ada-nya MARA sekarang ini, dengan ada Bank Bumiputra juga tentu-lah Sharikat ini dapat mengembangkan dan membesarkan lagi keadaan dan membaikkan perjalanan dan tidak sebab dan fasal maka Kerajaan Perikatan hendak berdasarkan yang kaya hendak kaya tetapi apa hal orang yang miskin. Bahkan tujuan kami hendak memberi peluang kepada tiap² orang miskin kalau boleh di-jadikan, bukan-lah kaya, tetapi lumaiyan hidup-nya dan orang yang kaya bersama² membahagi modal kepada orang yang tidak ada modal, bekerjasama—memberi modal dengan orang yang bekerja. Maka ini-lah chara kita hendak hidup. Hidup dengan keadaan aman, tenteram dan ma'amor bersama.

Oleh itu saya harap-lah pehak Ahli Yang Berhormat daripada Batu ini—ia mengeluarkan juga soalan²—saya tidak hendak panjangkan, tetapi saya suka menerangkan dan menghilangkan kesamaran² yang Private Limited Company, Sharikat ini, hanya hidup beberapa kerat atau beberapa orang sahaja, bahkan tidak ada di-dalam pengakuan surat daripada Pengerusi yang telah di-sampaikan kepada saya pada petang ini dan di-sini di-terangkan bagi peluang kepada pehak² yang bekerja dan kepada seluruh orang² bumiputra. Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dewan ini menunggu² satu statement atau pun kenyataan daripada Menteri kita yang berkenaan berhubung dengan peranan Kementerian Pengangkutan didalam menyokong pelaksanaan Bil MARA ini tetapi sa-panjang penjelasan itu Menteri kita menerangkan kerja dia

di-dalam Kementerian itu sahaja. Jadi Dewan ini hendak menunggu peranan² dia yang boleh menolong pelaksanaan Majlis ini dan itu tidak di-sebutkan.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya tidak dapat peluang berchakap lagi sebab itu saya hendak pendekkan. Oleh kerana Ahli dari Bachok bertanya, ini-lah saya katakan ia-itu kami telah di-arahkan mengikut dasar permohonan² atas jalan² yang baharu bagi jalan² bas. Permohonan daripada MARA akan di-utamakan dan Pejabat Kenderaan Jalan Raya dan Kementerian saya selalu berhubung dengan pehak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang membuat jalan² baharu itu dan juga dengan pehak MARA, sa-kira-nya mana² jalan, walau pun belum sudah, patut permohonan itu di-siap dan di-sediakan lebeh dahulu. Maka kami telah menjalankan dengan baik dasar itu walau pun masa RIDA lagi. Di-negeri Kedah umpama-nya, beratus batu jalan baharu yang telah di-usahakan oleh RIDA dengan baik dan untong, tidak bengkerap sa-bagaimana tuduhan daripada sa-tengah Ahli—dari Kelantan Hilir tadi. Di-tempat² yang lain, saya perchaya dengan ada-nya MARA dan kerjasama daripada pehak² yang tahu menjalankan dan dengan modal dari Bank Bumiputra ini, saya harap sharikat² bumiputra yang banyak menjalankan sharikat² kenderaan dapat di-satukan dan mara bersama² dalam segi perniagaan pengangkutan. Saya harap bumiputra mendapat harapan yang baik sa-kali dari segala² lapisan perniagaan, terutama sa-kali dalam usaha MARA hendak mara dalam usaha perniagaan pengangkutan ini. Ini-lah dengan rengkas sahaja jawapan saya.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk beruchap pada petang ini.

Bill ini, atau pun Rang Undang² ini, saya rasa akan di-sambut baik oleh sakalian ra'ayat dalam negeri ini, terutama sa-kali bumiputra dan khas-nya ahli² yang menghadhiri Kongeres Ekonomi Bumiputra beberapa bulan

yang lalu. Sa-benar-nya, ini-lah harapan daripada ahli² Kongeres yang mengharapakan Kerajaan dapat melaksanakan segala keputusan² yang telah di-buat itu. Saya perchaya sa-kira-nya ahli² Kongeres yang hadir di-Kuala Lumpur dalam beberapa bulan yang lalu, jika mereka tahu pada hari ini Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengemukakan Bill ini, saya perchaya bangku² pemerhati pada hari ini akan di-penohi oleh wakil² atau ahli² yang menghadhiri Kongeres ekonomi itu. Bagitu-lah besar-nya harapan ra'ayat, terutama sa-kali ahli² yang mengambil bahagian dalam perusahaan dan perdagangan dalam negeri ini.

Dalam pada itu pun, saperti mana yang kita sama² dengar dari pagi tadi, dalam kita mengalu²kan Rang Undang² ini dan kita bershukor di-atas kejujoran daripada pehak Kerajaan, terutama sa-kali daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi pehak Pembangkang telah melamparkan tuduhan² yang amat berat kepada Kerajaan, terutama sa-kali kepada RIDA. Tuduhan² itu, saperti mana yang kita ma'alum, ia-itu mengatakan RIDA ini bengkerap. Jadi sa-olah²-nya tenaga² daripada pegawai² RIDA yang sa-lama ini bertugas untuk memberi kemajuan kepada ra'ayat hampa bagitu sahaja. Tuduhan² ini saya rasa tidak-lah bagitu 'adil. Ini memang kerja² orang PAS, tidak mengenang budi dan tidak bershukor. Boleh-kah di-katakan RIDA ini bengkerap dan tidak ada buat satu jasa. RIDA telah memberi pertolongan banyak kepada hal² pengangkutan dan kenderaan. Di-negeri Kelantan sendiri NETS satu kampani yang besar, kalau tidak di-bantu oleh RIDA tentu sampai hari ini tidak boleh berjalan.

Saperti mana yang di-terangkan oleh Menteri Pengangkutan tadi, tiap² sharikat kerjasama, terutama sa-kali dalam kenderaan dan pengangkutan, boleh di-katakan 95 peratus modal-nya datang daripada RIDA. Dan sa-lain daripada itu, khidmat² RIDA yang lain² sa-umpama pekan² sari, membangunkan tempat² perniagaan, itu semua-nya boleh di-katakan daripada tenaga² RIDA. Sunggoh pun RIDA itu

di-taja pada masa penjajah dahulu, tetapi tidak-lah boleh kita hentam begitu sahaja. Kita kena ingat, beberapa banyak ahli² bumiputra sendiri orang yang bersemangat, yang ada dalam RIDA. Jadi, jika di-tudoh begitu, alang-kah kechewa dan alang-kah hampa hati pegawai² yang berkhidmat pada masa itu. Boleh jadi mereka anggap datang MARA pun, Ahli² Dewan ini tidak menginsafi tenaga² mereka itu. Bagaimana boleh bekerjasama di-antara pegawai² itu dengan Ahli² Dewan ini kalau sifat Ahli² Dewan ini melemparkan tuduhan² yang tidak sa-patut-nya. Tetapi walau bagaimana pun, kelemahan² tiap² satu pentadbiran tentu menemui jalan buntu dan tentu menemui jalan kesusahan. Kerajaan PAS sendiri, kita tahu, pun menerima beberapa kesusahan dan kebuntuan dalam pemerentahan mereka itu. Jadi, dalam perkara ini saya ulang balek lagi sa-kali, tidak-lah 'adil kita melemparkan tuduhan² yang amat berat kepada pegawai² kita yang telah bertugas dan yang ada semangat bersungguh² hendak menjalankan kerja² dengan jujur.

Sa-perkara lagi, tuduhan yang di-datangkan oleh wakil dari Kelantan Hilir mengatakan RIDA ini telah bengkerap, dan merendah²kan pula, konon-nya, di-Kuala Lumpur ini ada sa-orang Melayu yang telah mendapat pemborongan untuk memberi makanan kepada tentera, konon-nya, tetapi kesusahan dengan sebab alasan-nya berthabit daripada Kerajaan, konon-nya—orang ini hendak membeli daging di-Kuala Lumpur ini tidak dapat. Jadi di-sabalek tuduhan-nya itu boleh jadi ada orang yang dengki atau khianat di-atas perkara ini. Ini pun satu tuduhan yang bodoh, kerana boleh-kah satu orang yang ada semangat hendak berniaga, yang ada peluang mendapat perniagaan sa-umpama itu, hendak membeli daging, konon-nya, tidak dapat di-Kuala Lumpur ini? Kalau semangat bodoh yang sa-macam itu, tidak usahlah berniaga. Di-mana² juga boleh dapat peluang, tambahan pula saudagar, kalau dapat tahu, jika sa-orang itu mendapat konterek yang banyak, mereka boleh memberi hutang dan mereka boleh memberi harga murah

daripada tempat² yang lain. Saya perchaya itu. Ini satu tuduhan yang tidak berasas, yang tidak patut di-lemparkan di-dalam Majlis ini dan Majlis ini akan tidak menerima tuduhan yang sa-umpama itu. Beliau sa-orang wakil dari negeri Kelantan. Orang Kelantan bijak dalam perniagaan. Tetapi barangkali beliau itu nama sahaja wakil dari negeri Kelantan, tetapi dia tidak berfikir sa-bagaimana orang Kelantan berniaga. Walau pun beliau orang yang faham dalam hal ekonomi, pada faham saya, chetek sa-kali dalam pengalaman ini.

Satu perkara lagi, wakil dari Pasir Puteh telah melemparkan tuduhan berthabit dengan kilang padi haram dalam negeri-nya, sa-bagai Menteri Besar dalam negeri Kelantan. Konon-nya kesalahan, sebab² yang ada kilang padi haram banyak itu, tidak boleh di-tudoh sa-siapa. Ini pun satu perkara yang saya amat hairan yang beliau berani memberi keterangan dalam Dewan ini, boleh-kah Ahli Dewan ini menerima bulat² di-atas tuduhan itu sa-olah² tuduhan-nya hendak melemparkan kesalahan itu kepada Kerajaan Pusat. Kuasa memberi lesen kilang padi adalah terletak—kalau mengikut di-negeri Kedah—ada-lah dalam tangan Kerajaan Negeri Kedah. Jadi, apa fasal-nya hendak menyalahkan perkara itu kepada orang lain. Kalau kilang padi haram banyak, tentu kelemahan Kerajaan Negeri itu sendiri—tidak mengawal dengan sa-penoh-nya di-atas hal selok-belok kilang padi. Fasal pegawai² yang memeriksa jentera, itu perkara lain. Jadi, tidak-lah kena sa-kali² membabitkan perkara kilang padi haram di-Kelantan itu, di-bawa dalam Majlis ini. Yang sa-benar-nya, ini ada-lah kelemahan Kerajaan Negeri Kelantan sendiri menjalankan tugas²-nya dalam negeri itu.

Satu tuduhan lagi, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kalau MARA ini kuat

Mr Speaker: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat ada-kah hendak mengulas tuduhan itu satu persatu, yang mana akan di-ulas oleh Menteri sendiri yang membawa Rang Undang² ini?

Enche' Harun bin Abdullah: sementara itu saya akan masokkan pula

Mr Speaker: Masa tidak ada. Kalau berchakap sahaja jadi Rang Undang-undang ini tidak dapat di-luluskan.

Enche' Harun bin Abdullah: Chuma satu sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kata-nya MARA—saya bimbang Yang Amat Berhormat Menteri lupa—saya rasa biar-lah saya ambil peluang dahulu

Mr Speaker: Boleh-lah, boleh, tetapi jangan panjang² sangat.

Enche' Harun bin Abdullah: kata-nya jika MARA kuat, sharikat kerjasama akan mati. Jika MARA kuat, dalam lima tahun lagi sharikat² kerjasama akan mati. Ini berasaskan fikiran apa, ini? MARA ada-lah satu perbadanan yang tertinggi sa-kali yang kita buat, yang di-harap membimbing segala kemajuan² bumiputra dalam tanah ayer. Jadi, dengan MARA kuat, saya faham, pada pendapat saya, sharikat² kerjasama akan lebeh maju, walau pun sharikat apa yang di-buat oleh bumiputra, tetapi pendapat dia, kalau MARA kuat, sharikat kerjasama akan mati. Ada-kah pendapat dia MARA kuat, hendak menindas sharikat² kerjasama? Ini pun satu fikiran yang bodoh. Kerajaan tidak bodoh sa-takat itu. Niat Kerajaan hendak menubuhkan MARA ia-lah hendak memajukan, sama ada orang persaorangan, sama ada sharikat kerjasama, sama ada company dan sa-bagai-nya. Itu-lah tujuan-nya yang asal. Jadi, tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah satu tuduhan yang di-luar daripada dugaan undang² ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mengambil bahagian dalam perkara penubuhan MARA ini. MARA tidak dapat berjalan dengan sendiri-nya, ta' dapat berjalan dengan pegawai² MARA sahaja, kerana kemajuan MARA ini bersangkut-paut dengan berbagai² pejabat yang lain dan Kerajaan² Negeri. Jadi, di-harap-lah segala pegawai² yang bersangkutan, kerana tiap² pegawai yang lain, jabatan yang lain itu, masing² ada kepentingan-

nya belaka kapada pehak bumiputra—umpama-nya berkehendakkan lesen² perniagaan, konterek² dan sa-bagai-nya, dan bukan daripada peringkat Pusat sahaja, bahkan di-peringkat Negeri, dan saya yakin dan perchaya di-peringkat Negeri akan lebeh banyak peluang² yang pehak bumiputra akan bergantung, terutama sa-kali lesen², mithal-nya, boleh di-buat oleh bumiputra—lesen² perniagaan, lesen² ban kayu, lesen² kilang kayu, lesen² hendak mengusahakan lombong bijeh dan lain² lagi. Jadi, banyak perkara² yang dekat dengan ra'ayat ia-lah Kerajaan² Negeri. Jadi, dengan sebab itu, MARA ini walau pun badan yang terbesar di-Pusat, harus-lah di-tiap² Negeri juga akan di-tubuhkan badan² yang sa-umpama ini, bahkan sa-hingga ka-daerah². Jadi, saya perchaya dengan kerjasama daripada semua peringkat, maka MARA akan dapat berjalan dengan lancar dan akan boleh mendapat hasil dengan sa-penoh-nya.

Dalam Kongres Ekonomi Bumiputra beberapa bulan yang lalu, banyak ucapan² yang di-buat oleh ahli² Kongres itu terhadap pegawai² Kerajaan yang sa-tengah², sa-bahagian² kecil—bukan saya tudoh semua—sa-bahagian kecil yang di-tudoh oleh wakil² daripada ahli² Kongres Ekonomi Bumiputra sa-olah² mereka itu menudoh ada sa-tengah pegawai yang pengkhianat, kata mereka itu, sampai bagitu berat sa-kali. Ini bukan saya kata. Yang Berhormat Tun Abdul Razak sendiri ada mendengar ucapan² yang berapi² di-buat oleh ahli² Kongres. Jadi, dalam melaksanakan, dalam hal hendak melaksanakan MARA ini di-dalam semua peringkat, kita harap pegawai² yang ada itu dengan semangat yang jujur, dengan semangat yang ikhlas, bersemangat mahu maju. Jadi, kita tidak mahu tuduhan² yang saperti itu di-bangkitkan lagi di-dalam Kongres Ekonomi Bumiputra itu. Minta konterek ta' dapat—sudah di-buat konterek, kata mereka—bukan saya kata—hendak dapat wang penerimaan ta' dapat; buat bangunan—ada sahaja itu ta' kena, ini ta' kena, tetapi kalau orang lain² yang buat, dengan senang sahaja boleh lulus.

Jadi, saya harap pada masa akan datang, perkara² yang sa-umpama ini tidak akan berbangkit dan kita harap tuduhan² yang sa-umpama itu tidak di-bangkitkan lagi oleh ahli² Kongres, kerana Kongres di-adakan pada tiap² tahun, bukan dua tahun sa-kali—mengikut kehendak mereka itu akan di-adakan pada tiap² sa-tahun sa-kali mereka akan mengadakan Kongres. Itu-lah tempat-nya yang pehak MARA ini akan menerima pukulan lagi sa-kali, kalau tidak jujur menjalankan segala daya usaha dalam melaksanakan MARA ini.

Jadi, dengan sebab Tuan Yang di-Pertua telah mengingatkan saya ta' usah mengambil masa yang panjang, jadi saya pun ta'at-lah di-atas kehendak Tuan Yang di-Pertua itu, dan sa-kali lagi saya ucapkan terima kaseh.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka, terutama sa-kali, mengucapkan berbanyak² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang² yang ada di-hadapan Dewan ini, termasuk juga-lah Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang dan saya berasa sukachita mendengar sokongan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga dari Tanjong.

I thought, Sir, the Honourable Member for Tanjong made the most sensible speech I have heard ever since he left the Alliance, and I suggest that if he continues to listen to us carefully he would make further progress.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan, pertama berkenaan dengan kedudukan RIDA. Ada Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang mengatakan yang RIDA ini telah gagal dan tidak dapat menjalankan apa² kemajuan dan telah tidak berjaya. Saya telah sebutkan tadi bahawa RIDA ini sa-benar-nya di-tubuhkan pada masa penjajahan dahulu. Jadi, mustahak-lah pembentokan dan dasar RIDA itu di-tukar, bahkan dasar RIDA telah pun di-tukar pada masa Kerajaan mula² menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dahulu. Pada masa dahulu RIDA di-kehendaki

menjalankan semua ranchangan² untuk kemajuan ra'ayat di-luar bandar, termasuk-lah pembenaan jalan² raya, membuat jambatan dan sa-bagai-nya—pekerjaan² yang patut di-perbuat oleh Kementerian² dan pejabat² yang lain.

Jadi, dengan tertuboh-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pekerjaan RIDA itu ada-lah di-hadkan dan perkerjaan² yang patut di-buat oleh Kementerian² yang lain ada-lah di-perbuat oleh Kementerian² yang lain dan RIDA hanya-lah menjalankan tugas² yang di-hadkan kepada RIDA. Dan lagi seperti saya telah terangkan kepada Dewan ini dan juga kepada luar Dewan ini bahawa dalam melaksanakan ranchangan² pembangunan negara dan luar bandar Kerajaan Perikatan, Kerajaan menjalankan ranchangan² itu dengan mengadakan tingkatan². Tingkatan yang pertama ia-lah bagi Kerajaan mengadakan kemudahan² kepada ra'ayat di-luar bandar, seperti jalan² raya, bekalan ayer, tempat berubat, sekolah² dan sa-bagai-nya. Kemudian daripada itu, kita datang kepada tingkatan kedua ia-itu Tingkatan Kerahan Tenaga Ra'ayat, dan kemudian daripada itu tingkatan yang ketiga, Kerajaan menolong mengadakan pasaran² kepada penduduk² luar bandar dan sekarang kita sampai kepada tingkatan yang keempat, ia-itu tingkatan bagi Kerajaan menolong ra'ayat di-luar bandar bagi membesar dan meluaskan mata pencharian mereka itu. Maka apabila sampai pada tingkatan ini, baharu-lah tugas RIDA yang sa-benar-nya di-betulkan dengan bentok chara pentadhiran itu di-perbaiki. Jadi, tidak-lah benar seperti yang di-sebutkan oleh Ahli² dari pehak Pembangkang mengatakan yang RIDA itu tidak membuat jasa kepada ra'ayat negeri ini, bahkan ada beberapa ranchangan² yang telah dapat di-jalankan oleh RIDA dan RIDA telah dapat meminjamkan wang lebeh kurang \$25 juta kepada penduduk² di-luar bandar. Begitu juga ranchangan² perkhidmatan bas yang di-jalankan oleh RIDA ada mendapat kejayaan. Berkenaan dengan ranchangan² lain—perusahaan² getah dan juga perusahaan² tali sabut, ranchangan² ini ia-lah pilot scheme ia-itu

ranchangan² perhubungan untuk memberi letahan kepada penduduk² di-luar bandar. Berkenaan dengan kilang² getah, yang sa-benar-nya, RIDA menubuhkan kilang² getah ini dengan tujuan supaya menolong ra'ayat di-luar bandar ia-itu pekebun² kechil supaya dapat menerima harga getah yang di-keluarkan oleh mereka itu dengan lebih tinggi lagi dan dengan ada-nya kilang² itu, maka tujuan ini ada-lah berjaya. Akan tetapi RIDA tentu-lah tidak dapat hendak menjalankan kilang² ini berpanjangan dan mustahak-lah kilang² ini di-serahkan kepada penduduk tempatan untuk menjalankan-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sa-banyak ada kema-juan² dan jasa² yang di-perbuat oleh RIDA dan saya sukachita Ahli Yang Berhormat daripada Baling ada memberi pujian kepada pegawai² RIDA yang sa-tengah²-nya ada-lah menjalankan perkhidmatan mereka itu dengan sangat memuaskan hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita mendengarkan berbagai² tuduhan yang di-datangkan oleh pihak wakil² daripada Parti PAS. Pihak Parti PAS ini senentiasa tahu berchakap, tetapi satu pun pekerjaan tidak dapat di-buat! (*Tepok*). Apa pekerjaan² yang di-buat oleh Parti Perikatan biasa-nya PAS aku perbuatan mereka itu (*Ketawa*). Jadi di-Dewan ini, wakil² PAS biasa berchakap banyak, menegor itu, menudoh ini, tetapi kita tahu apa yang berlaku di-negeri Kelantan (*Tepok*).

Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh mengatakan yang Kerajaan Perikatan ini mengadakan MARA oleh sebab Kerajaan Perikatan telah gagal dalam usaha-nya hendak membaiki iktisad ra'ayat, jadi ra'ayat ta' berapa lama lagi akan memberi keputusan kepada Kerajaan Perikatan. Saya ta' tahu mana ra'ayat yang di-sebutkan-nya itu. Ra'ayat di-Kelantan patut tahu apa jasa-nya Kerajaan PAS sudah chapai sa-lama enam tahun lebih memerintah negeri Kelantan. (*Tepok*). Bagitu juga-lah wakil dari Bachok, wakil dari Kelantan Hilir, ada menyebarkan mustahak-lah di-adakan tafsir "bumiputra", kalau ta' ada tafsir bumiputra ta' ada faedah-lah menu-

bahkan MARA, menubuhkan Bank Bumiputra. Saperti kata Yang Berhormat wakil dari Kota Baharu Hilir tadi, apa guna kita adakan tafsir itu kalau di-Negeri Kelantan beratus² ekar tanah di-berikan kepada orang yang bukan bumiputra (*Tepok*). Saya ta' hendak-lah sebut di-sini yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Baharu Hilir tadi, 400,000 ekar telah di-berikan kepada pemodal bangsa asing, bahkan ada banyak lagi, tanah² ia-itu lesen² yang di-berikan kepada pemodal² dari luar di-negeri Kelantan itu (*Tepok*).

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Ada-lah tanah yang di-katakan 400,000 ekar tadi bukan-lah di-beri tanah—di-beri lesen untuk memotong kayu sahaja. Ada pun tanah, dudok dalam tangan Kerajaan Negeri Kelantan

Tun Haji Abdul Razak bin Hussein: Tuan Yang di-Pertua, ta' payah-lah kita binchangkan hal ini, pihak Kerajaan, pihak saya sendiri, ada mempunyai salinan perjanjian yang di-perbuat oleh Kerajaan Kelantan dengan company itu. Dan bukan sahaja hutan di-beri, bahkan di-beri hak bagi mengeluarkan hasil² bumi yang lain kepada company itu dengan berpuluh² tahun lama-nya (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah definition "bumiputra" ini, yang sa-benar-nya tidak ada definition bumiputra dalam Perlembagaan kita. Jadi perkataan "bumiputra" ini ia-lah di-gunakan kepada orang Melayu dan kepada ahli² bumiputra di-Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam Perlembagaan kita, ada keterangan atau definition orang² Melayu dan dalam Perlembagaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak ada definition bumiputra. Jadi perkataan "bumiputra" ini ia-lah meliputi orang² Melayu, ahli² bumiputra di-Sabah, di-Sarawak dan termasuk juga-lah Orang² Asli yang ada di-Tanah Melayu ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya-lah saperti saya terangkan tadi, bahawa Rang Undang² ini yang di-namakan Majlis Amanah Ra'ayat ini dan perbadanan ini yang di-namakan Majlis Amanah Ra'ayat ini, ia-lah akan memberi pertolongan

kapada semua penduduk² negara ini yang berkehendakkan pertolongan—yang mundur, yang miskin, yang tidak ada peluang mendapat bahagian dalam lapangan iktisad dan perniagaan. Jadi, Rang Undang² ini tidak-lah memberi faedah kapada satu puak sahaja. Tetapi kita semua tahu, Ahli² Yang Berhormat sendiri tahu, bahawa sa-bahagian besar daripada penduduk² negeri yang berkehendakkan pertolongan ia-lah ahli² bumiputra, orang Melayu dan ahli² bumiputra yang dudok di-Sabah dan juga di-Sarawak.

Jadi, nyata-lah sa-bahagian besar daripada orang yang akan mendapat faedah daripada ranchangan² yang di-jalankan oleh MARA ini ia-lah ahli² bumiputra. Tetapi kita tidak-lah hendak menyekat pertolongan² hendak di-berikan orang² pehak asing yang bukan bumiputra, yang mempunyai keadaan yang sama dengan keadaan ahli² bumiputra, sunggoh pun bilangan mereka itu kecil. Jadi menurut Perlembagaan kita, kita tidak boleh membuat satu undang² khas untuk memberi hak kapada satu puak. Ini ada-lah terang dalam Perlembagaan kita dalam Fasal 153 dalam Perlembagaan.

Jadi, Yang di-Pertua, itu-lah saya sebutkan bahawa MARA yang di-tubuhkan—di-tubuhkan melalui undang² ini, sa-benar-nya ia-lah asal-nya chadangan daripada pehak Kerajaan. Jadi, pehak Parti PAS na' chuba membuat keterangan bahawa MARA ini ia-lah anak kandongan daripada Kongress Bumiputra. Kerana saya perchaya di-Negeri Kelantan, mereka itu tentu sebut bila MARA menjalankan ranchangan² kelak, bahawa MARA ini bukan ranchangan Kerajaan Parti Perikatan—ini ia-lah ranchangan daripada Kongress Bumiputra. Ini kebiasaan perbuatan Parti PAS (*Ketawa*). Sunggoh pun saya ada perjanjian dengan Menteri Besar Kelantan, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh dan juga Ahli² Majlis Kerja Negeri Kelantan ia-itu Kerajaan Pusat berhak menerangkan ranchangan² yang di-jalankan oleh Kerajaan Pusat di-Negeri Kelantan, akan tetapi saya dengar dan saya ketahu² bahawa tiap² ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan Pusat, di-Negeri

Kelantan itu, pehak wakil² PAS mengaku yang ranchangan itu diperbuat oleh mereka itu. (*Ketawa*). Saya ta' tahu-lah apa, na' di-katakan perbuatan sa-macam ini—kalau ta' malu kapada manusia, patut-lah segan pada Tuhan. (*Ketawa*).

Jadi berkenaan dengan Kongress Ekonomi Bumiputra ini, Tuan Yang di-Pertua, Kongress Ekonomi ini di-anjorkan oleh pehak Kerajaan Perikatan dengan tujuan hendak mendapat pandangan² dan buah² fikiran daripada wakil² bumiputra, berkenaan dengan perkara² yang sangat penting ia-itu berkenaan dengan chara² hendak mem-baiki iktisad mereka itu. Akan tetapi sa-benar-nya chadangan² dan kertas² yang di-binchangkan dalam Kongress itu semua-nya di-perbuat oleh pehak Kerajaan Perikatan, pehak Wakil² Kerajaan Perikatan. Jadi tidak usah-lah kita panjang²kan perkara ini jangan kalau hendak akui hak orang lain, jangan buat terang² sangat. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh ada mengatakan bahawa belum lagi mana² negara dan mana² pehak dapat menyesuaikan perjalanan Sharikat Kerjasama atau dasar Sharikat Kerjasama dengan dasar ekonomi yang bebas atau free economy, kata-nya. Saya perchaya dia sendiri tidak faham hal ini. Tetapi kita tahu ada negeri² di-Eropah, negeri England, negeri Sweden yang berjaya menjalankan Sharikat Kerjasama dengan maju dan negeri itu mempunyai iktisad yang di-katakan free economy. Jadi tidak betul-lah dia kata yang kita tidak boleh memajukan Sharikat Kerjasama atau dasar hendak memberi pertolongan kapada ra'ayat yang ramai itu dalam keadaan iktisad yang ada di-negara kita pada hari ini.

Jadi Kerajaan menjalankan ranchangan² ini, menubuhkan MARA ini, dengan tujuan supaya MARA—pehak Kerajaan, dapat memberi sa-penoh² peluang kapada ra'ayat di-luar bandar untuk memajukan keadaan iktisad mereka itu. Jadi saya harap jangan-lah tersilap faham di-atas hal ini, bila kita sebutkan hendak memperbaiki kebebasan iktisad di-antara penduduk

di-luar bandar dengan penduduk di-bandar ini atau pun correcting economic imbalances between the people in urban and rural areas, kita ma'anakan kita hendak beri peluang² yang sama kepada penduduk² di-luar bandar dengan penduduk² di-bandar. Bukan kita hendak dapat samakan keadaan iktisad penduduk di-luar bandar dengan penduduk di-bandar itu. Jadi ini seperti saya terangkan, bagi pehak Kerajaan hanya-lah dapat memberi pertolongan² pendidekan dan pengajaran dan juga pertolongan² apa chara yang patut, tetapi mustahak-lah bagi ra'ayat sendiri, penduduk² di-luar bandar, menjalankan usaha tenaga mereka itu untuk memperbaiki iktisad mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah payah menjawab pandangan² daripada semua Ahli² Yang Berhormat. Ada satu dua perkara² yang mustahak yang saya suka terangkan di-sini. Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir ada mengatakan yang saya dahulu sebutkan, pada masa menutup Kongres Ekonomi Bumiputra, bahawa saya berkehendakkan MARA ini, berjalan dengan chara² militer ia-itu gerakan militeri. Jadi, ini memang tujuan saya dan saya harap pada hari ini begitu juga. Jadi, sunggoh pun Undang² MARA ini panjang nampak-nya, akan tetapi kuasa² yang di-beri kepada MARA ada-lah chukup dan juga di-sini kita ada delegation of powers yang chukup kepada directors² dan saya perchaya Undang² ini tidak boleh menyekat perjalanan MARA dan saya harap MARA dapat berjalan dengan lichin dan sempurna dengan chara yang sa-benar²-nya yang boleh memberi kehasilan yang di-kehendaki oleh ra'ayat. Saya telah memberi tahu pegawai² MARA bahawa pehak ra'ayat di-kampong², dan di-luar bandar, hanya-lah berkehendakkan kehasilan, mereka itu berkehendakkan kejayaan dengan sa-berapa segera. Jadi ini-lah tujuan yang pegawai² sakalian mesti di-kehendaki melaksanakan ia-itu menjayakan semua sa-kali ranchangan dengan sa-berapa daya upaya-nya. Sunggoh pun begitu, saya sendiri akan menyemak perjalanan MARA ini daripada satu masa ka-satu masa dan jika

di-kehendaki di-perbaiki, kita akan perbaiki. Tetapi pada pandangan saya pada masa ini Rang Undang² yang ada di-hadapan Ahli² Yang Berhormat ini menchukupi bagi kehendak kita pada masa ini dan sa-tengah² perkara itu terpaksa di-masokkan dalam Undang² ini sebab terutama sa-kali kita kena tamatkan pekerjaan RIDA dahulu dan kita terpaksa tukarkan kuasa² itu kepada MARA dan begitu juga terpaksa adakan kuasa berkenaan dengan hal kewangan dan sa-bagai-nya. Akan tetapi, seperti saya sebutkan tadi, Pengerusi MARA dan Pengarah²-nya ada mempunyai kuasa penoh bagi menjalankan kehendak² Undang² yang ada di-hadapan kita ini ia-itu tujuan² MARA.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir ada juga menyebutkan berkenaan dengan *contractor*² negeri Kelantan yang berkehendakkan pertolongan perkakas². Ini semua boleh di-jalankan oleh MARA, begitu juga-lah orang² yang menjalankan perusahaan kayu ini pun MARA boleh bagi pertolongan. Saya telah terangkan tadi, MARA akan memberi pertolongan kepada ra'ayat yang berkehendakkan pertolongan dalam lapangan iktisad ini, akan tetapi mustahak-lah pertolongan yang di-beri oleh MARA itu akan mendatangkan hasil. Jadi, ini berma'ana tiap² orang yang berkehendakkan pertolongan sama ada bersendirian, sama ada *company*, mustahak-lah menerima sharat² yang di-tentukan oleh MARA ia-itu menerima nasihat, didekan, anjoran daripada MARA supaya pertolongan itu akan memberikan hasil dan MARA akan memberi pertolongan, sama ada pertolongan wang, didekan, anjoran dan nasihat, sa-hingga orang² itu atau *company*² itu dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Jadi tujuan kita ada-lah tiap² satu ranchangan yang di-jalankan oleh MARA itu akan berjaya dan jikalau ranchangan itu tidak berjaya, MARA tidak akan memberi pertolongan, kena-lah di-perbaiki ranchangan itu lebeh dahulu sa-belum MARA memberi pertolongan. Jadi saya suka yang MARA ini mendapat menjalankan pekerjaan² dengan memberi kesan dengan sa-penoh²-nya dan

dengan sebab itu-lah kalau pun rancha-
ngan² kita buat itu, bagi permulaan,
terkurang sedikit—itu tidak mengapa
asalkan tiap² perusahaan atau rancha-
ngan yang kita jalankan itu sa-benar²-
nya berjaya dan mendapat hasil seperti
yang kita kehendaki.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota
Bahru Hilir ada bertanya berkenaan
dengan pertolongan² yang Kerajaan
Pusat berikan kepada Kerajaan
Kelantan. Saya sukachita oleh sebab
Kerajaan Kelantan sekarang ini ada
memberi kerjasama kepada Kerajaan
Pusat dan suka hendak menerima
pertolongan² daripada

The Honourable Member for Tan-
jong suggested, under Clause 3, that we
should try and make the Majlis as
representatives as possible. Well, the
proposal is to try and bring members
with experience or knowledge in com-
merce and industry and others whose
advice would be useful to the Majlis
would be invited to sit on the Majlis,
but it is not intended to have this
Authority with too large a member-
ship. I think 15 is about big enough.
If we try to have too big a Committee
as we had in the case of RIDA, the
Committee will never work. I think 15
would be about the most that we need.

On the question of interpretation, he
suggested, under Clause 6, that we
should have a new concept, that is to
say, we should now change from an
agricultural economy to an industrial
economy. This is the very thing that
we are doing: under our next Five-

Year Plan the emphasis will be on
agricultural diversification as well as on
industrial development.

I have already explained Clause
27 (1), that is, MARA has no power
to acquire land. It has to apply to the
State Government and it is only the
State Government authorities that can
acquire land on behalf of MARA.

As regards Clause 6 (2) (f), the
Honourable Member suggests that we
should define the functions of MARA
here in detail, but we do not consider
this necessary as the functions and the
purpose of the Act are already fully
defined and under Clause 6 (1) it is
clear what the duties and powers of
MARA are and I do not think it is
necessary to define it any further.

Tuan Yang di-Pertua sa-kali lagi
saya menguchapkan berbanyak terima
kaseh kepada semua Ahli² Yang Ber-
hormat yang telah beruchap memberi
sokongan kepada Rang Undang² Majlis
Amanah Ra'ayat ini dan saya berharap
dengan kelulusan undang² ini dapat-lah
MARA ini berjalan dengan sempurna
dan dapat-lah MARA ini menyem-
purnakan tugas² yang sangat penting
yang di-kehendakki MARA menjalan-
kan.

Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time.

Mr Speaker: The House is now
adjourned to 9.30 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8.06 p.m.